

# Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad



*Penyunting:*

Ramlah Adam, Ph.D

Cetakan Pertama 2004
Edisi Pertama

Diterbitkan oleh:
Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme
Graha IKSEP,
No. 6-1, Jalan Mutiara Melaka 3,
Taman Mutiara Melaka,Batu Berendam,
75350 Melaka Bandaraya Bersejarah
Tel: 06-317 4475
Faks: 06-317 2671

Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad
Disunting oleh
Ramlah Adam, Ph.D

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ramlah Adam, Datuk 1950
Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad/ Ramlah Adam
Bibliografi: ms 47
ISBN983-99155-08-1

1. Mahathir bin Mohamad, Tun 1925- --Congresses
2. Mahathir bin Mohamad, Tun 1925- --Views on Islam--Congresses
3. Mahathir bin Mohamad, Tun 1925- --Views on Science--Congresses
4. Mahathir bin Mohamad, Tun 1925- --Views on Technology--Congresses
5. Mahathir bin Mohamad, Tun 1925- --Views on Education--Congresses
6. Mahathir bin Mohamad, Tun 1925- --Views on Economics--Congresses
7. Mahathir bin Mohamad, Tun 1925- --Views on Women--Congresses
8. Mahathir bin Mohamad, Tun 1925- --Views on Political selence--Congresses
9. Malaysia--Politics and government--Congresses

I Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir (2002:Melaka). II Judul 320.92

Hakcipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada penerbit.

Rekacipta kulit dan cetak
JASOS (M) Sdn. Bhd.
2004

M
320.92
PGM

M
1169289

30 MAR 2005
Perpustakaan Negara Malaysia

# PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR



## *KANDUNGAN* *HALAMAN*


| | |
|---|---|
| Sekapur Sirih Ketua Menteri Melaka<br>Y.A.B Datuk Seri Haji Mohd. Ali bin Mohd. Rustam | *7* |
| Seulas Pinang Pengerusi IKSEP<br>YB Datuk Haji Hamdin bin Abdollah | *8* |
| Amanat Keramat Tun Dr. Mahathir Mohamad | *11* |
| Biodata Tun Dr. Mahathir Mohamad | *16* |
| Gagasan Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad | *23* |
| i- Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Mengenai Orang Melayu | *24* |
| ii- Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Mengenai Wawasan 2020 | *48* |
| iii- Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Dalam Menjana Pembangunan dan Pengurusan Ekonomi Malaysia | *65* |
| iv- Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Mengenai Islam | *77* |
| v- Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Mengenai Sains dan Teknologi | *85* |
| vi- Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Mengenai Peranan dan Kedudukan Wanita Malaysia | *92* |
| vii- Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Mengenai Pendidikan | *101* |
| Resolusi Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di Melaka | *121* |
| Ucapan Aluan Perasmian dan Penutupan Sempena Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad | *124* |
| Ucapan Perasmian Y.A.B Datuk Seri Haji Mohd. Ali bin Mohd. Rustam<br>Ketua Menteri Melaka | *125* |
| Ucapan Perasmian Y. A. Bhg Tun Dr. Mohamed Zahir Ismail<br>Speaker Dewan Rakyat | *129* |
| Ucapan Penutupan Y.A.B Datuk Seri Haji Mohd. Ali bin Mohd. Rustam<br>Ketua Menteri Melaka | *133* |
| Ucapan Penutupan Y. Bhg. Encik Kamarudin Md. Shah<br>Pengurus Besar IKSEP | *135* |
| Liputan Akhbar Mengenai Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad | *137* |



*Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menganugerahkan darjah kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara yang membawa gelaran Tun pada 31 Oktober 2003.*



# *Sekapur Sirih*

## Ketua Menteri Melaka

Saya ucapkan tahniah kepada Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) kerana berjaya menerbitkan buku Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Penerbitan buku ini yang telah mengupas dan membincangkan pemikiran-pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-empat negara amat bertepatan bagi memberi peluang kepada seluruh rakyat Malaysia di pelbagai peringkat untuk meneliti, memahami dan mempelajari setiap hasil pemikiran dan kejayaan yang telah direalisasikan oleh seorang pemimpin yang bernama Tun Dr. Mahathir. Semenjak menjadi Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1981, dasar-dasar yang diperkenalkannya telah menaikkan Malaysia sebagai sebuah negara membangun dan maju. Ini dapat dibuktikan dengan beberapa kejayaan seperti kelahiran kereta nasional negara - Proton, pembinaan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Malaysia, Multimedia Super Coridor (MSC), Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA) dan banyak lagi kejayaan yang boleh dibanggakan.

Masyarakat Malaysia harus membaca buku ini agar pemikiran-pemikiran ini dapat dikaji sebagai panduan dalam usaha diri dan seterusnya memberi sumbangan kepada kemajuan negara.

Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat menghasilkan buku ini.

"MELAWAT MELAKA BERSEJARAH BERERTI MELAWAT MALAYSIA"

YAB Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd. Rustam



# Seulas Pinang

## Pengerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP)

Alhamdulillah, bersama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah kerana Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) telah berjaya menerbitkan Buku Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Saya amat berbangga dan berkeyakinan penerbitan buku ini merupakan satu terbitan yang amat berharga sekali kepada rakyat Malaysia dalam kita memahami pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. Buku ini merupakan himpunan kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan di Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir di Melaka pada 21-22 April 2002.

Pemikiran-pemikiran Tun Dr. Mahathir yang terkehadapan telah berjaya menjadikan Malaysia antara negara maju di rantau Asia. Malah kejayaan Malaysia telah dianggap sesetengah pakar ekonomi sebagai "Negara Harimau Asia".

Saya berharap buku ini akan dijadikan rujukan dan kajian terutama kepada ahli-ahli akademik, pelajar-pelajar dan masyarakat.

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha untuk menerbitkan buku ini.

"MELAWAT MELAKA BERSEJARAH BERERTI MELAWAT MALAYSIA"

YB Datuk Haji Hamdin bin Abdollah



# Amanat Keramat
# Tun Dr. Mahathir Mohamad



# AMANAT KERAMAT
# TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

## PERJUANGAN YANG BELUM SELESAI



Sesungguhnya tidak ada yang lebih menyayat
dari melihat bangsaku dijajah
Tidak ada yang lebih menyedihkan
dari membiarkan bangsaku dihina

Air mata tiada ertinya
sejarah silam tiada maknanya
sekiranya bangsa tercinta terpinggir
dipersenda dan dilupakan

Bukan kecil langkah wira bangsa
para pejuang kemerdekaan
bagi menegakkan kemuliaan
dan darjat bangsa
Selangkah bererti mara
mengharung sejuta dugaan



Biarkan bertatih
asalkan langkah itu yakin dan cermat
bagi memastikan negara merdeka
dan bangsa terpelihara
Air mata sengsara
mengiringi setiap langkah bapa-bapa kita



Tugas kita bukan kecil
kerana mengisi kemerdekaan,
rupanya lebih sukar dari bermandi
keringat dan darah menuntutnya



Lagi pula apalah ertinya kemerdekaan
kerana bangsaku asyik mengia dan menidakkan,
mengangguk dan membenarkan,
kerana sekalipun bangganya negara
kerana makmur dan mewahnya,
bangsaku masih melata
dan meminta-minta di negaranya sendiri

Bukan kecil tugas kita
meneruskan perjuangan kemerdekaan kita
kerana rupanya selain memerdekakan,
mengisi kemerdekaan itu jauh lebih sengsara

Bangsaku bukan kecil hati dan jiwanya
bukanlah sejak zaman berzaman
mereka menjadi pelaut, pengembara
malah penakluk terkemuka?
Bukankah mereka sudah mengembangkan sayap,
menjadi pedagang dan peniaga
selain menjadi ulama dan ilmuan terbilang?



Bukankah bangsaku pernah mengharung
samudera menjajah dunia yang tak dikenal
Bukankah mereka pernah menjadi wira serantau
yang tidak mengenal erti takut dan kematian?



Di manakah silapnya hingga bangsaku
berasa begitu kecil dan merendah diri?
Apakah angkara penjajahan?
Lalu bangsaku mulai
melupakan kegemilangan silam
dan sejarah gemilang membina empayar?



Tugas kita belum selesai rupanya
bagi memartabat dan memuliakan bangsa
kerana hanya bangsa yang berjaya
akan sentiasa dihormati

Rupanya masih jauh dan berliku jalan kita
bukan sekadar memerdeka dan mengisinya
tetapi mengangkat darjat dan kemuliaan
buat selama-lamanya



Hari ini, jalan ini pasti semakin berliku
kerana masa depan belum tentu menjanjikan syurga
bagi mereka yang lemah dan mudah kecewa

Perjuangan kita belum selesai
kerana hanya yang cekal dan tabah
dapat membina mercu
tanda bangsanya yang berjaya

*Disampaikan oleh*
*Tun Dr. Mahathir Mohamed*
*di Malam Puisi Utusan Pada 4 Mei 1996*




*Y.A.B Datuk Seri Mohd. Ali Mohd. Rustam, Ketua Menteri Melaka menerima Sijil The Malaysian Book of Record daripada Y.A.Bhg Tun Dr. Mahathir sebagai pengiktirafan atas kejayaan Kerajaan Negeri Melaka menganjurkan Majlis Makan Malam Bersama Rakyat teramai di Malaysia pada 16 Julai 2001 di Dataran Sejarah Ayer Keroh Melaka.*



*Y.A. Bhg Tun Dr. Mahathir Mohammad, Y.A. B Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Y.A.B Datuk Seri Mohd. Ali Rustam meluangkan masa menyaksikan pertandingan Kejohanan Badminton Piala Perdana di Dewan Bistari Ayer Keroh Melaka.*




*Y.A. Bhg Tun Dr. Mahathir Mohammad menerima ucapan tahniah daripada Y.A. B Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sempena ulangtahun dan disaksikan oleh Y.A.B Datuk Seri Mohd. Ali Rustam, Ketua Menteri Melaka di Melaka.*

# BIODATA
# TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

# BIODATA TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

Perdana Menteri Malaysia yang keempat ini adalah seorang tokoh politik, negarawan dan pemimpin antarabangsa yang sangat terkenal dengan idea-idea yang bernas, kontroversial dan tegas dalam pemikirannya. Keberaniannya membidas kuasa-kuasa besar dan membela nasib dunia ketiga dan menjalin hubungan politik dan ekonomi dengan negara-negara luar tanpa mengira ideologi dan dasar politik mereka menjadi satu ciri kepimpinannya di peringkat antarabangsa. Di bawah kepimpinannya Malaysia diakui sebagai satu kuasa politik baru yang cuba membangun dengan sistem ekonomi industri bersifat global dan berteraskan ilmu sains, teknologi dan teknologi maklumat. Walaupun diserang dengan masalah kegawatan ekonomi yang serius, keupayaan mengatasi masalah dalaman telah membezakan beliau dan Malaysia daripada negara-negara Asia Tenggara, Asia dan dunia ketiga yang lain. Beliau tetap tegak menguruskan negara Malaysia dengan caranya yang tersendiri.

Tun Dr. Mahathir Mohamad lahir pada 20 Disember 1925 di Seberang Perak, Alor Setar, Kedah. Ayahnya, Mohamad bin Iskandar adalah seorang pendidik yang terkenal di Alor Setar. Ibunya bernama Wan Tempawan. Tun Dr. Mahathir mendapat penndidikan rendah di Sekolah Melayu Seberang Perak, sebelum mendapat pelajaran menengah di Government English School (Kolej Sultan Abdul Hamid), Alor Setar. Beliau tamat dengan keputusan Senior Cambridge yang cemerlang pada tahun 1945. Tiga tahun kemudian, dengan biasiswa Kedah, beliau melanjutkan pelajaran ke King Edward VII College of Medicine di Singapura. Di sini beliau bertemu seorang gadis dari Selangor bernama Siti Hasmah [Kini Tun Dr. Siti Hasmah sejak 31 Oktober 2003] yang mengikuti kursus yang sama. Hubungan yang terjalin rapat membolehkan anak muda daripada Kedah ini membantu Siti Hasmah dalam pelajarannya dan mengisi ruang hatinya.

Dalam masa yang sama, beliau juga menyumbang rencana-rencana mengenai politik Tanah Melayu dan nasib orang Melayu dalam akhbar Straits Times dengan nama 'Che Det'. Tulisan-tulisannnya itu amat bernas dan memperlihatkan kepekaannya pada permasalahan politik, ekonomi, perpaduan, pendidikan dan sosial orang Melayu. Pembentukan konsep negara-negara 'Malayan' juga turut dikomennya. Terdapat beberapa buah rencananya yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan diterbitkan di dalam akhbar Melayu.

Pada tahun 1952, Tun Dr. Mahathir dianugerahkan ijazah perubatan M.B.B.S.; suatu kelulusan yang amat jarang dalam masyarakat Melayu pada masa itu sama ada di Kedah ataupun di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Kelulusan itu telah membolehkan beliau menjadi doktor pelatih di Hospital Besar Pulau Pinang. Pada tahun 1954 beliau dilantik sebagai pegawai perubatan di Hospital Besar Alor Setar bagi memenuhi kontrak biasiswanya. Di samping hospital tersebut, beliau juga memberikan khidmat perubatan di Langkawi, Jitra dan Perlis.

Pada bulan Ogos 1956, Tun Dr. Mahathir mendirikan rumahtangga dengan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, sesuai dengan janji mereka di Singapura. Setelah tamat kontraknya pada tahun 1957, Tun Dr. Mahathir membuka klinik persendirian dengan nama MAHA Clinic di Alor Setar, Kedah. Ini adalah klinik pertama Bumiputera di bandar itu. Keinginannya untuk membantu rakyat luar bandar meningkatkan taraf kesihatan mereka tercermin dalam tindakannya ini. Beliau dikatakan mengenakan bayaran yang rendah dan kadang-kadang tidak mengambil apa-apa bayaran jika pesakitnya terlalu miskin. Sikapnya ini memasyhurkan kliniknya di seluruh negeri Kedah dan sekitarnya.

Minatnya dalam politik dan hal ehwal bangsa Melayu bermula dengan keanggotaannya dalam kesatuan Pemuda Melayu Kedah, iaitu sebuah pertubuhan separa politik yang menyatukan tenaga pemuda bagi melahirkan kesedaran politik dan kebajikan orang Melayu. Beliau juga menjadi anggota

Seberkas, sebuah lagi persatuan politik yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kerajaaan Kedah termasuk guru-guru sekolah. Seberkas amat penting kerana terlibat secara langsung Kongres Melayu 1946 dan penubuhan UMNO di Johor Bahru pada 11 Mei 1946 oleh 29 persatuan negeri-negeri Melayu. Bagaimanapun Seberkas terus mengenalkan identitinya sebagai persatuan bersekutu apabila UMNO menjadi sebuah parti politik pada Februari 1948.

Kesatuan Melayu Kedah, yang juga dianggotainya, telah dibubarkan untuk menjadi Bahagian UMNO Alor Setar. Tun Dr. Mahathir menjadi anggota UMNO yang cergas. Beliau dipilih sebagai Ahli Majlis Bandaran Alor Setar pada awal 1950-an. Bagaimanapun pada tahun 1959, beliau menolak untuk dicalonkan sebagai wakil rakyat hanya dalam pilihan raya 1964, beliau menerimanya dan menang sebagai Ahli Parlimen Kota Star Selatan. Bagaimanapun, dalam pilihan raya 1969, beliau gagal mempertahankan kerusinya yang dimenangi oleh PAS.

Penglibatannya dalam UMNO terputus pada akhir 1969 apabila terdapat pergolakan politik dalaman UMNO. Tun Dr. Mahathir telah disingkirkan kerana tindakan disiplin; suratnya yang mempersoalkan kewibawaan Tunku Abdul Rahman dalam menangani masalah orang Melayu telah menjadi sebabnya. Bukunya, The Malay Dilemma, telah diharamkan.

Pada tahun 1972, Tun Abdul Razak sebagai Presiden UMNO yang baru, menerima semula Tun Dr. Mahathir di dalam UMNO. Dalam mesyuarat agung UMNO 1972, beliau dipilih sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO. Belaiu juga dilantik sebagai Senator oleh Majlis Mesyuarat Negeri Kedah bagi mewakili negeri itu di Dewan Negara. Dalam pilihan raya kebangsaan 1974, beliau dipilih sebagai Ahli Parlimen Kubang Pasu tanpa bertanding. Jalan untuk mendaki ke kemuncak menara politik UMNO jelas terbentang.

Pada tahun 1975, beliau terpilih sebagai salah seorang daripada tiga Naib Presiden UMNO. Kebolehannya menguruskan pertikaian dalaman UMNO telah membawa Tun Dr. Mahathir sebagai Ketua Perhubungan UMNO Perak pada tahun 1978 sehingga 1981. Pada tahun 1980, dalam mesyuarat agung UMNO, beliau dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO. Paada bulan Jun 1981, beliau dipilih sebagai Presiden UMNO sebulat suara, menggantikan Tun Hussein Onn yang meletakkan jawatannya. Jawatan sebagai Presiden UMNO dikekelkan pada tahun 1987, apabila mengalahkan Tengku Razaleigh Hamzah dengan kelebihan 43 undi.

Kemelut politik kepimpinan UMNO telah menyaksikan pengharaman UMNO oleh Mahkamah Tinggi pada Februari 1987. Satu percubaan oleh pelbagai pihak untuk menubuhkan UMNO lain dilakukan. Bagaimanapun UMNO Baru telah dapat didaftarkan dan Tun Dr. Mahathir Pengerusi Jawatankuasa Bertindak UMNO Baru. Beliau kemudian dilantik sebagai Ketua Bahagian UMNO Baru Kubang Pasu. Dua bulan kemudian, beliau dilantik sebagai Presiden UMNO Baru dalam sebuah mesyuarat agung khas di Kuala Lumpur.

Walaupun menghadapi begitu banyak cabaran, kedudukannya sebagai Ahli Parlimen Kubang Pasu kali keenam dapat dipertahankannya dalam pilihan raya kebangsaan 1990. Beliau berjaya mengalahkan Presiden Hamim, Datuk Sudin Wahab dengan majoriti undi sebanyak 22,062. Ini membantu pencalonannya sebagai Presiden UMNO pada tahun 1990; beliau dipilih tanpa bertanding untuk memegang jawatan itu sehingga 1993. Dalam masa yanng sama beliau memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri Barisan Nasional Kelantan.

Dalam pilihan raya 1995, sekali lagi Tun Dr. Mahathir mengekalkan kerusinya di Kubang Pasu, walaupun terdapat sedikit penurunan dalam majoriti undinya. Ini membolehkan beliau terus menjadi

pemimpin UMNO dengan menyelesaikan soal perebutan naib presiden UMNO dalam sebuah jawatankuasa khas. Tun Dr. Mahathir menjadi Ketuanya. Dalam pemilihan UMNO tahun 1996 itu, beliau sekali lagi dipilih sebagai Presiden UMNO tanpa bertanding. Kemantapan beliau sebagai penganjur UMNO semakin padu.

Penglibatan Tun Dr. Mahathir ke dalam politik parti kerajaan itu telah membolehkan beliau memegang jawatan-jawatan penting dalam jentera pentadbiran negara. Sebagai parti yang menjadi tulang belakang Perikatan dan kemudian Barisan Nasional, UMNO telah diterima sebagai abang kepada parti-parti komponen di dalam Perikatan/Barisan Nasional; dengan kemenangan parti itu di dalam setiap kali pilihan raya kebangsaan sejak tahun 1959 (lebih awal 1955), maka UMNO diberikan tanggungjawab untuk memimpin kerajaan yang dibentuk. Dengan itu, pemimpin-pemimpin UMNO diberikan peluang untuk mengisi jawatan-jawatan pentadbir politik kabinet , di samping wakil-wakil daripada parti-parti komponen yang lain.

Tun Dr. Mahathir dengan itu berpeluang memegang jawatan-jawatan tersebut. Di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak, Tun Dr. Mahathir telah dilantik sebagai Menteri Pelajaran Malaysia pada tahun 1974. Kebolehannya menguruskan kebangkitan pelajar sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Tinggi Malaysia melalui Akta Pendidikan Universiti dan Kolej Universiti melayakkan Tun Dr. Mahathir dengan jawatan tersebut.

Kematian Tun Abdul Razak pada tahun (1976) telah memberikan perubahan besar kepada kerjaya politik Tun Dr. Mahathir. Tun Hussein Onn yang menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ketiga telah membuka kabinetnya kepada muka-muka baru dan orang muda. Tun Dr. Mahathir telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 5 Mac 1976. Beliau terus dikekalkan sebagai Menteri Pelajaran. Pada bulan Disember 1977, beliau berpindah ke Kementerian Perdagangan dan Industri, di samping terus menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Empat tahun kemudian, pada 16 Julai 1981, Tun Dr. Mahathir dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Perletakan jawatan Tun Hussein Onn kerana masalah kesihatan meninggalkan UMNO dan Malaysia dalam perhatian seorang doktor perubatan, bukan di tangan peguam seperti sebelum ini. Dengan itu pendekatan dan orientasi Tun Dr. Mahathir kepada masalah politik dan pembangunan negara adalah amat berlainan.

Pada 1981, Kementerian Pertahanan diletakkan di bawah tanggungjawabnya. Lima tahun kemudian Kementerian Dalam Negeri pula menjadi tumpuannya. Setahun kemudian, Kementerian Kehakiman dipegangnya bersama-sama jawatan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Malaysia. Kesemua jawatan ini amat penting untuk keselamatan dan kelicinan pentadbiran negara. Dalam pembentukan kabinet 1990, selain daripada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir memegang jawatan Menteri Dalam Negeri. Jawatan Menteri Kehakiman diserahkan kepada seorang tokoh lain, Syed Hamid Albar.

Jawatan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri terus dipegangnya dalam pembentukan kabinet selepas Barisan Nasional memenangi pilihan raya 1995. Kepimpinan Malaysia terus dipegangnya walaupun terdapat kemelut politik dan ekonomi yang sangat mencabar dan digunakan untuk menjatuhkannya. Dalam semua kemelut yang melanda UMNO dan Malaysia, seperti yang telah dikatakan oleh ramai pemerhati politik dan dapat disaksikan sendiri, Tun Dr. Mahathir dapat mengawalnya dengan baik dan kemenangan moral dan politik selalu berada dipihaknya. Pemulihan ekonomi negara yang semakin positif turut menyokong meredakan gelombang politik negara.

Kepentingan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia, amat berbeza dengan pencapaian pemimpin-pemimpin negara sebelum ini. Tun Dr. Mahathir telah dapat menandakan zaman pemerintahannya dengan begitu jelas sekali. Pembangunan fizikal dan rohani negara dibinanya dengan begitu tegas walaupun kritikan terhadap kepimpinan dan pembangunan fizikal itu, dari dalam dan luar negara, amat mencabar dan mengancam. Namun, semangatnya tetap kukuh, walaupun usianya semakin bertambah.

Dalam hubungan antarabangsa, maruah dan imej politik dan kewibawaan Malaysia di mata dunia memang telah meningkat. Dengan keberanian dan ketegasannya, beliau berjaya menarik perhatian dunia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Di dalam ucapan-ucapannya di dalam badan itu, kritikan-kritikannya kepada kuasa barat dan kuasa besar dunia memanjatkan banyak pihak. Dengan menunjukkan sikap double standard barat dalam hak asasi kemanusiaan, konsep demokrasi dan campur tangan mereka kepada dunia ketiga atau negara-negara miskin Afrika dan Asia, Tun Dr. Mahathir meletakkan satu ukuran baru tentang Kebangkitan Asia. Beliau menekankan hak negara-negara kecil memilih kawannya, membangun dengan nilai-nilai Asia dan berdagang dengan sesiapa sahaja tanpa campur tangan kuasa besar. Beliau menjadi pemimpin dunia ketiga yang mula diberikan perhatian media antarabangsa.

Dengan itu kepercayaan kepada kepimpinannya mula ditunjukkan. Pada tahun 1987 pula, beliau menjadi President of United Nations Sponsored International Conference On Drug Abuse And Illicit Trafficking (ICDAIT), Vienna, Austria. Pada tahun 1989 pula, beliau dilantik sebagai Chairman of the High Level Appraisal Group (HLAG) CHOGM. Minatnya yang mendalam untuk membuktikan kebolehan Malaysia sebagai penganjur dan pusat perundingan masalah bersama dilahirkan dengan 27th CHOGM Conference di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 1989. Beliau menjadi Pengerusinya.

Kebolehannya mengendalikan persidangan itu dengan jayanya telah menyebabkan Persidangan CHOGM melantik beliau menjadi Chairman of the High Level Appraisal Group Identifying Possible New Roles of the Commonwealth In Promoting Cooperation in the 1990s'. Kritikannya kepada badan itu yang tidak mempunyai tugas yang jelas untuk membantu negara-negara anggota-anggotanya telah meletakkan beliau sebagai pemimpin anggota Commonwealth Association yang dinamik. Dua tahun kemudian, sekali lagi badan itu melantik beliau sebagai Chairman of the Group 11 Commonwealth Heads of Government to seek ways to bring an early solution to the South African question (Apartheid). Afrika Selatan akhirnya bebas daripada penjajahan kulit putih dan pelantikan Nelson Mandela, yang selalu menjadi tetamu Malaysia, sebagai Presiden Afrika Selatan memperlihatkan sumbangan terbesar Tun Dr. Mahathir dalam mewujudkan keamanan dunia.

Pada tahun 1996, kerana reputasi antarabangsanya yang baik , beliau telah dilantik sebagai salah seorang daripada dua Vice-President of the World Solar Commission. Sebelum itu pada tahun 1994, beliau diberikan penghormatan dunia apabila menjadi perasmi Zimbabwe International Trade Fair, iaitu orang bukan Afrika yang pertama diberikan peluang sejak ia dijalankan 34 tahun yang lalu.

Di peringkat kebangsaan pula, kedudukannya sebagai Perdana Menteri telah secara automatik memberikan ruang untuk beliau mengendalikan soal-soal penting negara. Pada bulan Januari 1991, beliau menjadi Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Skim Gaji, Pengerusi Majlis Perdagangan Malaysia. Pengerusi Majlis Informasi Teknologi dan Pengerusi Majllis Keselamatan Jalan Kebangsaan.

Pembinaan jati diri, menanamkan nilai-nilai yang baik, budaya kerja ala Jepun dan Korea dan menggalakkan integrasi nasional telah menjadi agendanya yang awal. Dasar 'Bersih, Cekap, Amanah', 'Kepimpinan Melalui Tauladan', 'Malaysia Boleh', ' Beli Barangan Buatan Malaysia', dan berbagai-

bagai lagi slogan yang dicipta bagi menggerakkan keyakinan diri, jati diri dan disiplin rakyat Malaysia. Bagi penyatuan nasional pula, penyatuan waktu di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak telah diadakan. Penekanan pada konsep Bumiputera dan bukan Bumiputera seperti dalam tahun-tahun 1960-an di kalangan pegawai kerajaan, ahli-ahli politik dan cendekiawan Melayu juga dikurangkan supaya perasaan perpaduan rakyat majmuk Malaysia dapat diwujudkan. Dasar Kebudayaan Kebangsaan tidak lagi berteraskan kebudayaan Melayu. Dasar Pendidikan Kebangsaan juga dilonggarkan dengan penggunaan bahasa Inggeris yang lebih luas lagi di pusat-pusat pengajian tinggi. Penubuhan universiti dan kolej swasta bagi menjadi Malaysia pusat pengajian tinggi Asia Tenggara juga dilaksanakan. Dengan dasar liberal itu, diskriminasi dan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat dapat dikurangkan; dengan itu perpaduan nasional dapat dilakukan dengan mudah. Pembentukan Amanah Saham Wawasan 2020, MAPEN I dan II, dan Dasar Ekonomi Negara, menjadi jambatan kesamarataan dalam masyarakat majmuk Malaysia. Bagaimanapun, tanggungjawab untuk memajukan masyarakat Melayu terus berjalan mengikut dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh perlembagaan sebelum ini.

Dari segi pembangunan ekonomi negara, Tun Dr. Mahathir, sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat, nyata sekali telah membuat anjakan paradigma yang jelas dalam struktur, penekanan dan sifat sistem ekonomi negara ini. Daripada sebuah negara yang berteraskan sistem pertanian sara diri, perladangan getah dan bijih timah,ekonomi berteraskan industri dan perdagangan global telah diperkenalkan,penubuhan HICOM (Perbadanan Industri Berat Malaysia) sebagai jentera melancarkan ekonomi industri kereta nasional, membawa nafas baru kepada industri pembuatan kereta dan industri yang berkaitan dengannya. Bermula dengan Proton Saga, kini, Malaysia berupaya membuat model-model kereta yang lain dengan kerjasama Jepun. Sedikit demi sedikit pemindahan teknologi dilakukan di samping menjana pendapatan negara dengan pengeksportannya ke luar negara dan mengurangkan tukaran asing.

Penekanan pada industri sebagai asas ekonomi negeri juga menjadi agenda dalam anjakan paradigma Tun Dr, Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia. Dalam dasar ini setiap negeri diminta menjalankan program perindustrian dengan menyediakan tapak-tapak/zon industri ringan dan sederhana, mencari pelabur luar, mengadakan infrastruktur, memberikan inisiatif-inisiatif pelaburan yang baik serta penambahan kakitangan untuk mengendalikan program perindustrian mereka. Dengan itu, pembangunan kawasan berlaku dengan pesat selaras dengan pembinaan kawasan-kawasan industri di setiap negeri. Ini juga memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan juga dari luar.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dengan tegas sama ada dengan pelaksanaan agresif Amanah Saham Nasional/Amanah Saham Bumiputera oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB), penswastaan jabatan-jabatan kerajaan, pengwujudan golongan korporat dan golongan menengah Melayu di samping memberikan injeksi sikap-sikap baru kepada masyarakat Bumiputera/Melayu. Tindakan untuk melahirkan penguasaan ekonomi sebanyak 30 peratus pada akhir 1990, walaupun tidak dicapai sepenuhnya, namun ia telah dapat memberikan satu sikap dan matlamat yang lebih positif kepada generasi muda Melayu.

Pada akhir 1990-an, minat Tun Dr. Mahathir untuk menyediakan Malaysia dengan cabaran masa depan terpapar daripada projek Multimedia Super Corridor yang menekankan IT sebagai aset rakyat Malaysia untuk memenuhi harapannya itu.kesemua perancangan pendidikan menengah dan tinggi digerakkan ke arah itu. Penubuhan berbagai-bagai universiti yang menawarkan kursus-kursus yang relevan dengan tuntutan baru itu, amat sesuai sebagai satu cara menyediakan tenaga-tenaga muda yang mahir, separuh mahir dan peka kepada perubahan dan tuntutan dunia alaf baru.

Ruangan ini terlalu kecil untuk membincangkan gagasan dan sumbangan Tun Dr. Mahathir secara terperinci. Namun, sebagai penutupnya, cukuplah dikatakan, kepimpinannya sebagai ketua eksekutif negara Malaysia telah meletakkan Melaysia di peta dunia yang jelas sifat dan peribadinya serta membangun dengan baik dari segi fizaikal dan jati dirinya. Kemelut politik dalaman yang dilaluinya sejak menjadi Perdana Menteri sehingga kini dihadapinya dengan keyakinan yang utuh. Cabaran kuasa luar kepada ekonomi dan politik Malaysia dihadapinya dengan keberanian yang amat luar biasa. Sepanjang yang telah dapat disaksikan, kegagahannya masih unggul dan jitu.



*Tun Dr. Mahathir dikerumuni Orang Ramai dan Kakitangan Kerajaan Sebelum Meninggalkan Perkarangan Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada Petang 31 Oktober 2003.*

# GAGASAN PEMIKIRAN
# TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

# PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGENAI ORANG MELAYU

Kol. Prof. Dato' Dr. Ahmad Fawzi Haji Mohd. Basri
Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Aziz
Universiti Utara Malaysia

## Pengenalan

Perkembangan dan kemajuan yang dialami oleh Malaysia, dan khususnya peningkatan kehidupan orang Melayu hari ini bertitik-tolak dari usaha-usaha pembangunan yang direncanakan oleh Kerajaan. Di dalam rancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan, tersirat idea-idea Perdana Menteri-Perdana Menteri Malaysia, dari Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tun Hussein Onn, dan dari Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri. Setiap Perdana Menteri telah menyumbangkan usaha mereka untuk pembangunan negara ini khususnya untuk meningkatkan kehidupan orang Melayu. Setiap mereka juga memperlihatkan *niche* masing-masing

Berbeza dengan Perdana Menteri yang lain, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menulis *magnum opus* sebelum menjadi terkenal sebagai ahli politik, anggota kabinet, Timbalan Perdana Menteri dan akhirnya sebagai Perdana Menteri. Melalui *magnum opus* dan segala dasar yang diperkenalkannya ketika menjadi anggota kabinet dan seterusnya Perdana Menteri Malaysia selama dua puluh dua tahun kita dapat meninjau pemikiran beliau mengenai orang Melayu.

Pemikiran Tun Dr. Mahathir mengenai orang Melayu tersebar dalam pelbagai media. Namun untuk tujuan perbincangan ini, pemikiran beliau mengenai orang Melayu dikaji dari dua buah karyanya, iaitu *The Malay Dilemma* (1970) dan *Menghadapi Cabaran* (1976). Hasil daripada penelitian terhadap kedua-dua buah buku tersebut, jelas kelihatan kecintaan dan patriotisme Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap nasib bangsanya, khususnya orang Melayu dan Malaysia. Sebagai seorang pemimpin yang serius berfikir dan bekerja, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak mudah berpuas-hati dengan pencapaian Malaysia khususnya pencapaian orang Melayu. Justeru itu, apa juga bentuk halangan yang boleh melemahkan bangsanya akan cuba dianalisa dan dicari jalan keluar untuk menyelesaikannya. Kini, apa yang dapat kita perhatikan adalah kebangkitan Malaysia sebagai sebuah negara bekas tanah jajahan yang berjaya. Kejayaan demi kejayaan yang diperolehi dan diiktiraf menguatkan lagi semangat Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk memajukan kaum definitif, iaitu orang Melayu.

Melalui karya-karyanya, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebenarnya telah mempunyai persediaan minda sebelum beliau terlibat secara aktif sebagai peneraju negara. Beliau telah mempersiapkan dirinya dengan idea-idea dan dapat membayangkan apakah yang bakal terjadi pada negara ini. Di samping itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad



mengambil setiap detik sejarah yang menimpa negara ini, dan khususnya orang Melayu sebagai ikhtibar untuk merangka pemikiran beliau mengenai sesuatu perkara. Hasilnya, ialah perasaan patriotisme yang tebal di dadanya. Misalnya, dalam *The Malay Dilemma* (1970) terlihat juga dapat dilihat kekentalan semangat Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang nasionalis. Malah yang menjadi pegangan beliau adalah kecintaan pada negara ini, tegasnya:

> "Dalam UMNO asas perjuangan adalah patriotisme dan kasih sayang kepada bangsa, agama dan tanahair. Walau apa sekalipun yang dilakukan oleh pihak lain, saya ingin mengingatkan saudara-saudara bahawa cuma patriotisme dan kasih sayang sahaja yang boleh dijadikan asas perjuangan UMNO"
>
> (Harun Derauh & Shafie Nor, 1982:23).

Tun Dr. Mahathir Mohamad begitu menjiwai negara dan bangsanya, justeru itu beliau tidak teragak-agak untuk meluahkan isihatinya pada isu-isu, walaupun pahit sekali untuk diperkatakan. Di sinilah letaknya kehebatan Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana persediaan yang beliau lakukan, khususnya melalui pencernaan pemikiran yang akhirnya dibukukan dan kemudiannya berjaya dilaksanakannya.




*Tun Dr. Mahathir Berucap di Kongres Pendidikan Melayu Ke Arah Martabat Melayu pada 1-2 September 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra.*

# Dilema Melayu: Satu Kupasan Pemikiran Tun Dr. Mahathir Tentang Permasalahan Melayu

## Latarbelakang Karya

Tun Dr. Mahathir Mohamad mengutarakan pemikiran beliau mengenai orang Melayu pada tahun 1960an melalui buku beliau yang terkenal, kontroversial, dan sering dipetik oleh sarjana-sarjana iaitu *The Malay Dilemma* (1970). Karya beliau muncul ketika orang Melayu sedang menghadapi dilema, jalan buntu, dan kehampaan kerana kemerdekaan yang diharapkan memberi pembelaan tidak berupaya memberikan satu kehidupan yang cemerlang. Cetusan pemikiran yang terkandung di dalam buku ini telah mendapat tindak balas daripada sarjana-sarjana tempatan dan luar. Salah seorang dari mereka ialah Profesor Syed Hussein Alatas melalui buku beliau *The Myth of the Lazy Native* (1977). Melalui *The Malay Dilemma* (1970), Tun Dr. Mahathir Mohamad telah meneliti dengan tajam dan kritikal terhadap kehidupan orang Melayu di sepanjang sejarahnya.

Pandangan yang diutarakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam *The Malay Dilemma* (1970) telah dinyatakan dengan penuh ketegasan, pada subjek-subjek yang agak sensitif, dan kontroversial ketika itu. Buku ini pula telah diterbitkan di Singapura dan setelah itu diharamkan pengedarannya di Malaysia. Pengharaman pengedaran buku ini adalah kerana Tun Dr. Mahathir Mohamad dianggap sebagai seorang yang ekstrim. Pengharaman buku ini dari sebaran umum telah ditarik balik oleh Dato' Tan Sri Musa Hitam, Menteri Dalam Negeri, pada 30 Julai 1981. Bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri, pengedaran buku ini akan membolehkan rakyat mengenali beliau secara lebih dekat.

## Intipati *The Malay Dilemma*

### Sejarah Orang Melayu

Antara asas yang membentuk pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam buku ini ialah sikap beliau terhadap sejarah. Bagi beliau, nasib sejarah yang pernah menimpa orang Melayu, antaranya penjajahan British, dasar pecah dan perintah, kemasukan kaum-kaum Cina dan India, kemunculan elit-elit aristokrat dan birokrat Melayu dan zaman penjajahan Jepun. Namun episod sejarah yang paling penting dan dijadikan oleh beliau sebagai dasar hujahnya ialah Peristiwa 13 Mei 1969.

Kesemua nasib sejarah yang mewarnai kehidupan orang Melayu telah dianalisa oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Hasil daripada analisa yang dilakukan beliau telah mencari sebab-sebab kenapa orang Melayu mundur di negara tumpah darah mereka sendiri. Tegasnya, bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad nasib sejarah yang melintasi kehidupan bangsa sedikit-sebanyak telah meninggalkan kesan pada '*mind-set*' sosio-budaya, politik, dan ekonomi orang Melayu.



## Punca Kemunduran Orang Melayu

Punca-punca kemunduran Melayu yang diutarakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyebabkan beliau dikritik hebat oleh tokoh-tokoh Melayu terutamanya ahli akademik ketika itu. Namun, satu hakikat yang harus kita sedar bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mencetuskan satu idea atau gagasan pemikiran yang dikira penting dalam sejarah perkembangan pemikiran orang Melayu. Melalui cetusan polemik yang dilontarkan, orang Melayu mula berfikir dan mengemukakan alasan-alasan mereka. Justeru itu, hasil dari lontaran idea Tun Dr. Mahathir Mohamad barulah munculnya respons dan kajian-kajian yang lebih terperinci mengenainya. Di sini letaknya persamaan Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Abdullah Munsyi kerana kedua-duanya mendahului zaman mereka. Cuma, bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad beliau dapat merealisasikan segala impian untuk bangsanya kerana beliau berkesempatan untuk memegang tampuk kuasa. *Organic intelligence* seperti mereka ini tidak ramai, tetapi berkat kurniaan itu ramai yang merasai nikmatnya. Hasil daripada keyakinan beliau terhadap punca kemunduran orang Melayu lahirlah kemudiannya dasar-dasar seperti dasar kad perakam waktu, bersih-cekap-amanah, kepimpinan melalui teladan, penerapan nilai Islam, dasar pandang ke timur dan beberapa yang lain.

Antara punca kemunduran orang Melayu ialah faktor Baka dan Alam Sekitar, seperti yang terdapat dalam Bab Tiga. Bab ini membincangkan analisis Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap punca kemunduran orang Melayu yang disebabkan pengaruh baka dan alam sekitar. Terdapat pengkaji-pengkaji yang menggunakan istilah *Biogenic* untuk menyingkap pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung dengan soal baka dan pengaruh alam sekitar. Buku *Dilema Melayu* (1982) iaitu terjemahan Ibrahim bin Saad memperkatakan tentang "Pengaruh Keturunan dan Alam Sekitar Ke atas Bangsa Melayu" (halaman 19 – 38). Beliau memulakan Bab Tiga dengan mengemukakan soalan: Bagaimanakah faktor-faktor keturunan memberi kesan terhadap kemajuan bangsa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu?

Berhubung dengan soal keturunan atau baka Tun Dr. Mahathir Mohamad mengatakan:

> "Satu perkara yang diterima umum ialah faktor-faktor keturunan memainkan peranan yang penting dalam perkembangan sesuatu kaum" (Hlm. 19)








*Tun Dr. Mahathir Bersama Tan Sri Azman Yahaya di Hari Perasmian Bangunan Am Finance di Kuala Lumpur pada 11 Januari 2003.*

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah memetik pandangan Cyril Dean Darlington, seorang ahli genetik British, di dalam bukunya *The Evolution of Men and Society*. Pandangan yang ekstrim bahawa evolusi masyarakat ditentukan oleh baka. Beliau telah menggunakan pandangan Darlington untuk meninjau tentang kehidupan orang Melayu, khususnya mengenai pembiakan seketurunan, yang antara lain termasuk perkahwinan di antara sepupu atau kaum keluarga yang dekat. Bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad:

> "Amalan begini agak biasa berlaku di kalangan orang-orang Melayu. Pengaruh keturunan boleh juga menimbulkan kesan yang buruk di dalam masyarakat yang menggalakkan setiap orang berkahwin, tidak kira sama ada orang itu sihat atau tidak. Oleh itu orang-orang yang cacat tubuh badan atau otak juga dikahwinkan dan beranak pinak" (Hlm. 2).

Sebagai perbandingan, adat perkahwinan orang Cina menghalang pembiakan seketurunan. Tun Dr. Mahathir Mohamad mengajak bangsa Melayu berfikir, walaupun beliau mengakui bahawa pandangannya berkemungkinan tidak mudah diterima, tetapi renungkanlah kerana seperti katanya:

> "Kalau begitu, memang wajarlah dikatakan bahawa pembiakan seketurunan dan amalan kahwin paksa di kalangan orang-orang yang cacat telah menyebabkan peratus manusia yang gagal di kalangan orang Melayu lebih tinggi kalau dibandingkan dengan kaum-kaum lain" (Hlm. 3).



Setelah menyatakan tentang pengaruh baka pada perkembangan bangsa, Tun Dr. Mahathir Mohamad membicarakan pula tentang pengaruh alam sekitar pada pembentukan watak manusia. Dalam konteks alam sekitar ini, beliau mengatakan:

> "Alam sekitar turut memainkan peranan yang penting dalam membentuk diri seseorang, keluarganya dan kaumnya. Di samping faktor keturunan, alam sekitar adalah faktor yang sangat penting dalam membentuk perkembangan manusia dari segi fizikal, mental dan psikologi" (Hlm. 22).

Alam sekitar yang melingkungi kehidupan orang Melayu adalah subur, tidak banyak halangan untuk memperolehi makanan; justeru itu membentuk keperibadian orang Melayu yang relatif selesa. Kehidupan orang Melayu di bumi kelahiran mereka adalah seperti yang diungkapkan oleh pepatah Burma Utara yang mengatakan "*Tickle the soil and it loughs into harvest.*" Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri mengakui hakikat keselesaan alam sekitar yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu, bila beliau menyebutkan "*plenty for everyone*," sehinggakan "*where even the weakest and the least diligent were able to live in comparative comfort*," dan terdapat "*a lot of free time*" sepanjang tahun terutama selepas musim menuai. Andaian yang diutarakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad ialah:

> "Sebilangan besar orang Melayu terlibat di dalam penanaman padi, iaitu satu pekerjaan bermusim. Kerja-kerja yang sebenarnya hanya memakan masa selama dua bulan, hasilnya dapat menampung bekalan hidup untuk selama setahun... Masa lapang mereka begitu banyak" (Hlm. 25).

Ini ditambah pula:

> "Iklim negeri ini yang panas dan lembab juga tidak begitu menggalakkan bagi kerja-kerja yang berat ataupun daya pemikiran yang lebih aktif. Oleh itu penduduknya, kecuali sebilangan kecil, lebih suka duduk rehat-rehat atau berbual-bual dengan jiran tetangga dan rakan-rakan mereka" (Hlm. 25).

Oleh kerana pekerjaan meneroka tanah-tanah baru, menanam padi, dan kerja-kerja pertanian yang lain begitu meletihkan tubuh badan, Tun Dr. Mahathir Mohamad melihat bahawa orang Melayu yang mendiami kawasan luar bandar kurang keazaman untuk berjaya, seperti tegasnya:







> "Azam mereka untuk maju, yang memang tidak begitu kuat kerana kurangnya hubungan dengan dunia luar, jadi semakin tipis. Lama-kelamaan mereka ketinggalan di belakang di dalam berbagai bidang" (Hlm. 33 & 34).

Berbeza dengan orang Melayu yang mendiami bandar, yang dari segi bakanya sudahpun mula mengamalkan perkahwinan campuran. Di samping itu, mereka juga lebih terpelajar dari orang Melayu luar bandar. Kemajuan yang dibawa oleh penjajah British khususnya telah sedikit sebanyak mencorakkan imej baru bagi orang Melayu bandar.

Sikap yang terbentuk dari faktor baka dan alam sekitar telah menyebabkan orang Melayu hidup dalam keadaan tidak perlu bersusah-payah. Cuma, setelah kedatangan Islam dan kehadiran kaum-kaum pendatang barulah orang Melayu merasakan sedikit pertembungan dengan kebudayaan lain. Melalui pertembungan tersebut, yang tertumpu di bandar-bandar kecil, orang Melayu yang tinggal di bandar mengalami perubahan. Dalam konteks ini Tun Dr. Mahathir Mohamad begitu positif melihat kepada pertumbuhan bandar, malah katanya:

> "Perwatakan orang Melayu di bandar bertambah kompleks dan mereka tidak menghadapi sebarang kesulitan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan masa. Ada di antara mereka yang kahwin campur. Satu perkara penting yang patut diberi perhatian dalam kahwin campur antara agama ialah sama ada sebelah bapa atau ibu itu seorang Melayu, anak-anak mereka tetap menganggap diri mereka sebagai orang Melayu. Kahwin campur begini telah memperkayakan lagi baka orang Melayu" (Hlm. 34).

Isu pertumbuhan orang Melayu hasil daripada kahwin campur ini menampakkan keyakinan Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada perlunya orang Melayu melalui proses evolusi demi untuk menjamin kejayaan di negara Malaysia. Berhubung dengan isu kahwin campur dan kemunculan generasi Melayu baru, Tun Dr. Mahathir Mohamad semacam percaya kepada kekuatan yang akan dilahirkan oleh proses evolusi Darwinisme. Walaupun beliau sendiri mengakui bahawa kajiannya tidaklah bersifat saintifik tetapi hanya tekaan-tekaan pintar dalam usahanya untuk menyerlahkan kekuatan orang Melayu supaya mereka dapat menikmati kemakmuran ekonomi.

Berdasarkan analisa yang dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad secara ikhlas dapat dilihat keprihatinannya kepada isu perbezaan tret-tret bangsa, khususnya di antara orang Melayu dan orang Cina. Kekhuatirannya terhadap tret-tret positif yang dimiliki oleh orang Cina telah menyebabkan beliau menyelongkar pengalaman sejarah yang dilalui oleh kedua-duanya, Melayu dan Cina. Tun Dr. Mahathir Mohamad menggambarkan:






*Pelancaran Dewan Muda Perniagaan Melayu Malaysia oleh Tun Dr. Mahathir.*

> "Orang-orang Melayu yang selama ini lemah disebabkan oleh pengaruh keturunan dan alam sekitar tidak berupaya untuk menghadapi cabaran pendatang-pendatang Cina ini, hingga terpaksa mengalah. Apa sahaja yang boleh dilakukan oleh orang Melayu, orang Cina boleh melakukannya, tetapi dengan lebih baik dan lebih murah. Lama-kelamaan pendatang-pendatang Cina yang mempunyai keazaman yang kuat dan rajin bekerja mula mengambil tempat perniagaan-perniagaan kecil dan semua kerja mahir yang dahulunya diusahakan oleh orang Melayu. Apabila kekayaan mereka mulai bertambah hubungan sosial mereka juga bertambah. Dari pengalaman yang diperolehi di negeri asal mereka, pendatang-pendatang Cina ini tidak lama kemudian telah mewujudkan corak hubungan yang serupa antara pegawai-pegawai dan pedagang-pedagang, seperti yang terdapat di Negeri Cina" (Hlm. 30).

Lantaran itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah meluahkan isihatinya yang ikhlas tentang betapa perlunya orang Melayu merangka strategi untuk mengatasi masalah atau dilema mereka. Tun Dr. Mahathir Mohamad seperti yang pernah dinyatakan di atas yakin dengan bandar sebagai "*the engine of growth*" iaitu perlunya orang Melayu mendiami bandar kerana di situ segala kemudahan sosialnya ada. Dalam hal ini Tun Dr. Mahathir Mohamad mengatakan:

> "Pentingnya proses urbanisasi dalam kemajuan sesuatu masyarakat terletak kepada organisasi kompleks yang terdapat di bandar-bandar dan di pekan-pekan. Ini

menyebabkan penduduk bandar lebih cergas dan berpengetahuan. Sebaliknya, penduduk-penduduk luar bandar menjadi terpisah daripada pengalaman-pengalaman ini dan mereka terikat dengan pola hidup lama yang menjadi ciri kehidupan di luar bandar. Tingkat pengetahuan mereka lebih rendah dan keupayaan untuk berubah adalah terhad. Oleh itu masyarakat luar bandar lebih statik jika dibandingkan dengan masyarakat bandar. Pendeknya terdapat perbezaan kemajuan di antara kawasan bandar dan luar bandar" (Hlm. 95 & 96).

Malahan dalam pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau begitu yakin dengan kemampuan bandar dan urbanisasi untuk mengubati penyakit yang sedang dialami oleh orang Melayu. Beliau telah membuat perbandingan dan melahirkan keyakinan tentang kemampuan bandar dan urbanisasi ini dengan mengatakan:

"Dalam zaman moden ini kita tahu bahawa negara-negara yang maju adalah negara yang mempunyai urbanisasi yang maksimum. Sewaktu Amerika Syarikat mula membangun, 95 peratus daripada penduduknya terlibat dalam pertanian di kawasan luar bandar. Hari ini hanya 5 peratus sahaja penduduknya yang dapat dianggap benar-benar sebagai penduduk luar bandar. Kekuatan Amerika Syarikat adalah di bandar-bandar, di mana perniagaan dan industri menjadi tulang belakang kesemua perkara yang penting dalam penghidupan kebangsaan dan antarabangsa Amerika. Malahan Soviet Russia juga telah melalui proses urbanisasi yang sangat pesat. Eropah pula adalah satu contoh di mana kekuatannya terletak kepada bandar dan proses urbanisasinya berlaku lebih lama daripada kawasan-kawasan lain di dunia ini"
(Hlm. 95).

Dari sudut kemunduran yang disebabkan oleh baka dan alam sekitar nampaknya penyelesaian yang diberikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah realistik, iaitu melalui perkahwinan campur dan penghijrahan ke penempatan bandar, seperti yang diperlihatkan pada petikan di atas.



Punca kedua, kemunduran orang Melayu juga berkaitan dengan tatasusila dan sistem nilai mereka. Perkara ini dikupas oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam Bab Sembilan halaman 183 sehingga 205. Melalui bab ini Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menganalisa secara panjang lebar mengenai anutan budaya Melayu yang secara perbandingan dengan orang-orang lain adalah lemah. Tujuan beliau membuat perbandingan adalah untuk memperlihatkan betapa pentingnya "tatasusila" dan "sistem nilai" dalam memandu kehidupan manusia. Istilah tatasusila bermaksud *code of ethics*, yakni akhlak atau amalan yang beretika untuk mencapai sesuatu yang baik dalam kehidupan. Manakala nilai pula bermaksud *value* iaitu sesuatu yang diberikan keutamaan dalam kehidupan

seseorang, kerana apa yang diberikan keutamaan disitulah tumpuan usaha dilakukan. Perenggan pertama dalam Bab Sembilan ini, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan:

> "Sesuatu bangsa itu berbeza bukan sahaja disebabkan oleh fisiognomi, bahasa dan tempat tinggalnya tetapi juga oleh kebudayaannya. Kebudayaan terjalin erat dengan tatasusila dan sistem nilai sesuatu bangsa. Kesusilaan dan sistem nilai inilah yang melahirkan kesusasteraan, seni kreatif dan visual dan lain-lain manifestasi yang biasanya membentuk kebudayaan. Dan yang lebih penting lagi ialah bahawa tatasusila dan sistem nilai tersebut menentukan kemajuan dan perkembangan sesuatu bangsa dalam keadaan-keadaan tertentu" (Hlm. 183).

Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak keseorangan dalam menggunakan kaedah ini. Seorang tokoh sosiologi terkenal iaitu Max Weber telah mengkaji kehebatan penganut-penganut Protestan di Eropah Barat dengan cara melihat (tret-tret) keunikan ajaran Protestan. Hasilnya, lahirlah sebuah kajian yang dikira penting, iaitu *The Protestant Ethics and the Spirit of Capitalism*. Lanjutan daripada kaedah *Weber* itu lahirlah kajian-kajian lain yang menyelidiki kehebatan kaum-kaum yang menguasai dunia, antaranya tentang kebangkitan bangsa Jepun. Malah, dalam kajian pembangunan terdapat pendekatan yang diistilahkan sebagai *Weberian Model of Development*, yakni pendekatan yang menganjurkan kepada pemupukan tret nilai budaya positif untuk mengejar pembangunan.

Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah intelektual zamannya; dan bayangkan pada tahun 1960-an beliau sudah boleh merasai kesan tatasusila dan sistem nilai terhadap kemajuan bangsa. Malah beliau mengingatkan perancang dan pembangun masyarakat supaya memerhatikan kedua-dua perkara ini, dan setelah beliau berkuasa beliau tidak putus-putus mengingatkan kepentingan kedua-dua perkara tersebut yang perlu diubah dan disesuaikan dengan tuntutan zaman. Beliau mengatakan:

> "Oleh kerana itu pemahaman darihal sistem nilai dan tatasusila orang Melayu merupakan syarat mutlak untuk merancang masa depan mereka. Kajian terhadap nilai ini mungkin terbukti mengecewakan. Tetapi tanpa memahami serba sedikit tentang nilai-nilai ini, bukan sahaja mustahil untuk membetulkan pendapat-pendapat yang salah akibat tafsiran yang tidak betul, malahan rancangan untuk memajukan orang Melayu akan gagal sebab rancangan-rancangan itu akan bertentangan dengan nilai-nilai yang sudah ditegakkan" (Hlm.184).







Pada keseluruhannya gambaran yang diberikan oleh Bab Sembilan adalah mengenai sikap orang Melayu, iaitu tatasusila dan sistem nilainya, yang dianggap lemah jika dibandingkan dengan kaum-kaum yang telah maju. Tret-tret orang Melayu yang telah dianggap sebagai streotaip telah disenaraikan oleh Khoo Boo Teik (1995), antaranya ialah:

* Orang Melayu menghargai nyawa tetapi nampaknya tidak menghargai sepenuhnya apa yang dikatakan nyawa dan tujuannya (Hlm. 192).

* Walaupun orang Melayu menghargai kehidupan, tetapi mereka nampaknya tidak tahu apa yang sepatutnya dilakukan dengan kehidupan (Hlm. 192). Dengan perkataan Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri, "Akibat tumpuan yang amat kuat kepada akhirat itulah orang Melayu dapat meyakinkan diri mereka bahawa mereka tidak kerugian apa-apa di dalam kehidupan di dunia ini sekiranya mereka tidak mempunyai apa-apa harta-benda."

* Hidup bererti berada untuk satu jangkamasa. Oleh kerana itu hidup dan masa tidak dapat dipisah-pisahkan. Jika kehidupan ini dihargai maka masa juga haruslah dihargai. Malangnya hubungan di antara hidup dan masa nampaknya tidak dihargai oleh orang Melayu (Hlm. 193).

* Mengabaikan masa – duduk-duduk sahaja, minum-minum kopi dan berbual-bual merupakan tabiat biasa orang Melayu di seluruh negara (Hlm. 193). Kesannya, tidak ada perancangan dan perlaksanaan kerja. Kata Tun Dr. Mahathir Mohamad, "Pastilah bahawa kegagalan orang Melayu untuk menghargai masa merupakan salah satu daripada halangan yang paling penting untuk mereka mencapai kemajuan" (Hlm. 194).

* Kesedaran bahawa dia akan mati … "Kesedaran ini, biasanya datang apabila seseorang itu mencapai usia 35 atau 40 tahun, sering mengidap sakit saraf yang teruk dan akan mempengaruhi seluruh sikapnya terhadap hidup. Dia sangat berhati-hati dan mengelakkan apa sahaja yang dirasakan berbahaya dalam menghadapi cabaran hidup. Seringkali dia menjadi pendiam dan enggan bersungguh-sungguh untuk mencari kebahagiaan hidup di dunia (Hlm.195).

* Tanah menguasai cara berfikir orang Melayu dan hartalah yang kerap menimbulkan perbalahan. Perbalahan begini lazimnya menjadi isu yang penuh emosi (Hlm. 198).







* Orang Melayu kurang berjaya dalam perniagaan kerana mereka tidak faham tentang kemampuan wang (Hlm. 198).

* Sifat orang Melayu yang terlalu tertib dan terlalu bersopan santun menyebabkan jarang lahir sifat terus terang (Hlm. 202).

* Menahan diri dan hasrat tidak suka menyakitkan hati orang lain tidaklah melahirkan masyarakat yang agresif (Hlm. 202 & 203).

Keperibadian Melayu yang dibentangkan di atas adalah gambaran tentang orang Melayu yang diasuh untuk berakhlak baik dan menampakkan asuhan yang sempurna. Namun dalam politik, sikap yang dibentangkan di atas telah menyebabkan orang Melayu ditindas dan dimanipulasi di tanahair mereka sendiri (Hlm. 118). Begitu juga dalam perniagaan, orang Melayu tidak berdaya menongkah arus kerana kekurangan yang terdapat dalam tatasusila dan sistem nilai mereka (161). Dengan perkataan lain, sifat fatalistik (Hlm. 158), tidak dapat menerima kemungkinan yang diluar dijangka (Hlm. 114), tidak menepati masa (Hlm. 163), suka mengaut untung cepat (Hlm. 109), dan tidak memahami potensi sebenar wang (Hlm. 167) adalah sifat dan nilai-nilai umum orang Melayu. Segala sifat-sifat itu dianalisa oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad secara terperinci dan mengaitkan pula dengan pengalaman sejarah yang dilalui oleh orang Melayu.

Tun Dr. Mahathir Mohamad menyarankan agar orang Melayu memeriksa diri mereka dan kemudiannya mencari alternatif yang terbaik untuk melakukan perubahan. Perubahan yang hendak dilakukan ke atas orang Melayu hendaklah berlandaskan ilmu-pengetahuan. Dalam konteks ini beliau mengatakan:

> "Sebelum kita membincangkan kejadian-kejadian umum dalam pengalaman manusia dalam alam sekitarnya serta sikap orang Melayu terhadap kejadian-kejadian ini, barangkali ada faedahnya jika kita mengingati kembali rumusan-rumusan umum tentang nilai-nilai etika orang Melayu untuk melihat bagaimana kedudukannya berbanding dengan nilai-nilai etika yang dianjurkan oleh ahli-ahli falsafah dahulu kala" (Hlm. 188).

*Fakta yang di gariskan di dalam petikan di atas adalah untuk memperlihatkan betapa tinggi penghargaan Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap ilmu-pengetahuan. Sebagai contoh, diperturunkan saranan Tun Dr. Mahathir Mohamad:

> "Pertama sekali, pemeriksaan diri sendiri yang begitu menarik perhatian dan menelan masa yang panjang ahli-ahli falsafah Greece tidak dianggap mempunyai apa-apa nilai



*Tun Dr. Mahathir merasmikan Pelancaran Pertama KIA di NAZAWorld.*

kebaikan yang besar. Oleh itu menganalisa diri secara kritis dengan sengaja adalah jarang sekali dilakukan. Tafsiran Socrates mengenai seruan Delphi, "Ketahuilah/ Kenali Dirimu Sendiri," yang memberi nilai kebaikan terhadap pengetahuan mengenai diri sendiri tidak terdapat persamaannya di kalangan orang-orang Melayu. Ini bukan sahaja melibatkan individu malahan juga masyarakat. Kelemahan ini menyebabkan kelemahan mengetahui dan mengatasi kesalahan-kesalahan diri sendiri. Lebih konservatif sesebuah masyarakat, maka lebih besarlah kelemahan ini. Perkara ini adalah amat ketara di dalam masyarakat luar bandar dan menyebabkan kebuntuan menghubungkan sebab dengan akibat" (Hlm. 189).

Bertolak dari mengenal diri sendiri, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga menjemput orang Melayu untuk merenungkan saranan Plato mengenai sifat-sifat yang perlu untuk menghadapi hidup, iaitu memiliki tiga perkara utama, iaitu: Kesederhanaan (*Temperate Life*), Keberanian (*Courage*), dan Kebijaksanaan/ Kesabaran (*Wisdom*). Namun, daripada ketiga keperluan yang disarankan oleh Plato, orang Melayu kata Tun Dr. Mahathir Mohamad lebih mengutamakan sifat kesabaran, tetapi tegas beliau:



"Kesabaran bukanlah falsafah yang aktif melainkan hasil daripada iklim dan alam sekitar orang Melayu. Orang yang tidak sabar tidak dipandang mulia. Gambaran yang diberikan ialah satu bendungan yang berterusan yang mencabar ketabahan hati. Ia menyebabkan



*Gembira...Tun Dr. Mahathir Menyambut Kepulangan Pelayar Jalur Gemilang, Azhar Mansur pada 11 Ogos 1999.*

> konflik di dalam diri, dan kadangkala ikatan-ikatan yang membendung ini seakan-akan putus dan tiba-tiba sikap sopan dan beradab itu hilang dan digantikan oleh satu kemarahan yang mendadak yang menakutkan kerana arus keganasannya"
> (Hlm. 189 & 191).

Sifat kesabaran yang diutarakan oleh Plato pada orang Melayu ditafsirkan dengan cara yang negatif, bukannya yang mendorong kepada kejayaan. Begitu juga dengan sifat sederhana dan keberanian. Justeru itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad amat menyarankan supaya orang Melayu mengkaji dengan lebih terperinci lagi tentang sifat-sifat mulia yang boleh membawa kepada kejayaan. Tun Dr. Mahathir Mohamad sepanjang memegang teraju pemerintahan negara amat prihatin terhadap nilai-nilai murni yang boleh mendorong kejayaan.
Sebagai usaha untuk menyimpulkan pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai tatasusila dan sistem nilai Melayu, elok kiranya kita perhatikan saranan beliau:

> "Maka perubahan dalam alam sekitar semata-mata tidak mungkin akan membawa perubahan besar yang sepatutnya dalam nilai-nilai Melayu sehingga mereka dapat bersaingan dengan usaha kaum atau komuniti lain. Dengan lain perkataan, tanpa perubahan yang radikal pada tatasusila dan konsep nilai mereka, maka usaha besar-besaran untuk mengubati penyakit yang menimpa orang Melayu hanya akan menambahkan lagi kekecewaan semua yang berkenaan, oleh kerana hasil yang diperolehi itu adalah minimum sahaja" (Hlm. 191 & 192).

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga melahirkan keyakinannya bahawa tatasusila dan nilai budaya adalah satu keperluan dalam kehidupan manusia. Andaikata manusia ingin menempa kejayaan dalam kehidupan mereka, mereka perlu mengambil langkah-langkah pembetulan. Berhubung dengan orang Melayu beliau menyarankan agar:

> "Analisa tentang sistem nilai orang Melayu ini jelas menunjukkan bahawa sistem nilai ini boleh menghalang kemajuan dan daya saing orang Melayu dalam masyarakat berbilang kaum. Memang betul bahawa bukan semua nilai itu buruk. Iman yang teguh itu memanglah baik sebab dengan sendirinya iman itu akan menjadi tenaga penggerak. Tidak ada sebab mengapa agama Islam, jika ditafsirkan dengan betul, tidak dapat mencapai kesejahteraan rohaniah dan juga kemajuan kebendaan bagi orang Melayu"
> (Hlm. 204).

Selepas sepuluh tahun kelahiran *The Malay Dilemma* (1970), Tun Dr. Mahathir Mohamad telah benar-benar bertapak di hati masyarakat Malaysia khususnya orang Melayu pada tahun 1970an setelah dilantik sebagai Menteri Pelajaran pada tahun 1974. Pencapaian Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah sesuatu yang membanggakan kerana jarang sekali orang yang pernah tersingkir dapat semula mengecapi kepimpinan tertinggi parti dan kerajaan dalam jangkamasa yang relatif singkat (Khoo Boo Teik, 1995: 34 & 35).

Pada tahun-tahun 1970an keadaan di Malaysia juga mengalami perubahan, perubahan yang sebahagiannya terkandung dalam saranan yang diutarakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam *The Malay Dilemma* (1970). Antaranya, penegasan dan pelestarian Hak Istimewa Melayu/ Bumiputera dan sebagai bangsa pentakrif haluan negara seperti yang ditegaskan dengan panjang lebar dalam *The Malay Dilemma* (1970) telah diserap kukuh dalam dasar-dasar negara selepas 1970. Apa sahaja yang terkandung dalam *The Malay Dilemma* (1970) telah seolah-olah diberikan perhatian oleh kerajaan pimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.
Perlu juga diingat bahawa lebih awal daripada kemunculan *The Malay Dilemma* (1970) telah wujud kesedaran di kalangan pimpinan UMNO tentang perlunya orang Melayu untuk melakukan Revolusi Mental, namun sambutan yang agak komprehensif dan lebih menjurus kepada sebab-akibat telah dijawab oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam *The Malay Dilemma* (1970). Walaupun gerakan Revolusi Mental telah dilakukan pada tahun 1960an, namun usaha penghasilan buku secara berkumpulan telah hanya berjaya dilakukan pada tahun 1971. Kedua-dua buah buku, yakni *The Malay Dilemma* (1970) dan Revolusi Mental (1971) adalah pembuktian yang jelas tentang keprihatian pimpinan UMNO dan Kerajaan terhadap nasib orang Melayu. Sebaiknya, kedua-dua buah buku ini dibaca sebagai bahan renungan untuk mengingati nasib bangsa dan setelah itu mencuba untuk mempraktikkan saranan-saranan yang diutarakan.



## *Menghadapi Cabaran*

Bagi sesetengah orang, mereka akan berasa puas kerana ideanya telah diberikan perhatian, tetapi bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad itu adalah langkah permulaan. Dalam buku yang dihasilkan pada tahun 1976 iaitu *Menghadapi Cabaran* beliau sekali lagi ingin memandu bangsanya untuk menempuh kehidupan seperti tegasnya:

> "Buku ini ditulis khusus berkenaan orang Melayu dan untuk orang Melayu. Tujuannya mudah-mudahan ialah supaya orang Melayu di zaman moden dan dalam masyarakat majmuk di Malaysia ini dapat menyesuaikan diri dan bersaing sesama sendiri dan dengan orang lain. Masalah orang Melayu dalam negara ini adalah masalah nasional, dan bukan masalah kaum orang Melayu sahaja. Kejayaan mereka atau kegagalan mereka akan melibatkan semua kaum lain. Oleh itu penulis (Tun Dr. Mahathir Mohamad) tidak menganggap dirinya sebagai pelampau (*ultra*) Melayu kerana menulis rencana-rencana ini. Tidak akan ada ketenangan dan ketenteraman dalam masyarakat majmuk tanpa pembangunan yang seimbang" (Hlm. 4 & 5).

*Menghadapi Cabaran* (1976) lahir ketika pemimpin-pemimpin lain sudah menarik nafas kelegaan kerana nampaknya nasib orang Melayu sudah mula terbela. Ini berlainan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana beliau melihat bahawa orang Melayu sedang menghadapi kekeliruan. Tun Dr. Mahathir Mohamad takut kepada kekeliruan pemikiran di kalangan masyarakat Melayu kerana, ianya akan menjejaskan keupayaan mereka untuk membela nasib dan memperbetulkan kehidupan yang begitu daif di tanah tumpah darahnya ini. Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang tokoh yang begitu kuat mempelajari sejarah kebangkitan dan keruntuhan sesuatu bangsa dan hasilnya terbentuklah satu konseptual yang kukuh dalam mindanya untuk menyerlahkan kembali kekuatan orang Melayu. Keyakinan beliau kepada kekuatan dalaman/ intrinsik individu atau komuniti adalah begitu kuat, dan beliau terus-menerus berusaha untuk memupuk semangat ini supaya orang Melayu dapat memperbaiki taraf sosio-ekonomi mereka. Oleh kerana hubungan Islam dengan pemikiran Melayu begitu kuat, beliau tidak sesekali mahu melihat Islam disalah tafsirkan, tegasnya:



> "Oleh kerana Melayu tidak boleh dipisahkan daripada Islam dan Islam pula menguasai seluruh gerak-geri hidup mati penganutnya, maka perbincangan berkenaan dengan orang Melayu mestilah melibatkan juga perbincangan berkenaan dengan agama Islam. Perbincangan ini menjadi lebih penting oleh kerana ada tanda-tanda penyalahgunaan agama Islam secara terancang di kalangan orang Melayu sekarang" (Hlm. 2).

Tun Dr. Mahathir Mohamad mengimbau kepada masalah orang Melayu, yang katanya sedang berdepan dengan tiga cabaran iaitu, diri mereka, agama mereka, dan politik mereka. Bagi beliau, ketiga-tiga kuasa mempunyai kaitan yang rapat dan saling-mempengaruhi. Kejayaan dan kegagalan mereka bergantung pada keupayaan untuk memanipulasi ketiga-tiga perkara tersebut tegasnya:

> "Tidaklah keterlaluan jika dikatakan kesalahan dalam memahami atau mengguna kuasa-kuasa ini boleh melemah, bahkan menghancurkan bangsa mereka. Sejarah telah membuktikan bagaimana bangsa seperti Babylonia, Assyria, Macedonia, Carthagenia yang begitu kuat dan maju jaya telah hilang dari muka bumi ini. Sudah tentu bangsa yang lemah seperti orang Melayu akan lebih mudah hapus jika mereka kurang faham tentang kuasa-kuasa yang ada pada mereka dan, kerana terdorong oleh nafsu, menyalahgunakan kuasa itu" (Hlm. 1)..

Perbahasan dalam *Menghadapi Cabaran* (1976) adalah lanjutan dari apa yang diutarakan oleh *The Malay Dilemma* (1970), tetapi dalam buku kedua ini beliau lebih menumpukan kepada cabaran luaran yang menjelma untuk menganggu-gugat orang Melayu. Justeru itu, bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad ianya perlu ditangani dengan segera kerana jika dibenarkan untuk membiak. Ini akan melambatkan proses memajukan orang Melayu atau terus melenyapkan orang Melayu. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam *Menghadapi Cabaran* (1976) antaranya adalah seperti berikut:

a. Islam sebagai sumber intrinsik untuk membangunkan orang Melayu.
b. Perlunya orang Melayu memperbaiki sistem nilai-budaya untuk mencapai kemajuan.
c. Perlunya orang Melayu mempunyai organisasi dan disiplin.

Kami tidak akan mengupas secara panjang lebar ketiga-tiga perkara yang disentuh oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam *Menghadapi Cabaran* (1976). Kami akan hanya membentang perkara-perkara dasar yang beliau bangkitkan dalam buku tersebut. Pada hemat kami, pembentangan fakta yang dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah sebagai luahan prihatin beliau terhadap nasib orang Melayu, yang telah difikirkan sebelum merdeka sehingga hari ini. Antara perkara yang dikira penting dalam ini yang dikupas secara rambang daripada *Menghadapi Cabaran* (1976) adalah seperti berikut:



## Islam Sebagai Sumber Intrinsik Untuk Pembangunan

Tun Dr. Mahathir Mohamad sedar bahawa Islam adalah sumber kekuatan orang Melayu. Kekhuatiran beliau adalah terhadap aliran-aliran pemikiran dalam Islam yang selalunya surut ke belakang dan seolah-olah tidak berani menghadapi cabaran modenisasi. Beliau mahu, malah sering memperkatakan bahawa tokoh-tokoh agama sepatutnya lebih bersikap progresif dan proaktif. Dalam *The Challenge* (1986) iaitu terjemahan *Menghadapi Cabaran* (1976) beliau menegaskan:

> *"One of the saddest ironies of recent times is that Islam, the faith that once made its followers progressive and powerful, is being invoked to promote retrogression which will bring in its wake weakness and eventual collapse. A force for enlightenment, it is being turned into a rationale for narrow-mindedness; an inspiration towards unity, it is being twisted into an instrument of division and destruction" (Introduction).*

Dua cabang pemikiran Islam yang dikhuatiri adalah yang disampaikan oleh dua guru-guru atau pejuang-pejuang Islam yang tidak meluas ufuk pemikirannya:

i) golongan yang cuba untuk mengajarkan bahawa penganut Islam mesti melupakan dunia.

ii) golongan yang menggunakan Islam dengan nada perjuangan sosialisme, iaitu mengetengahkan konsep-konsep seperti keadilan, kesamaaan, dan persaudaraan. Inilah aliran-aliran pemikiran mengenai Islam yang dilihat oleh Tun Dr. Mahathir semasa menulis *Menghadapi Cabaran*.

Perkembangan tersebut selalu mencari pengaruh di kalangan generasi muda (yang sedang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi) dan lantaran itu Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa orang Melayu mesti bersikap terbuka dan tidak mudah terpengaruh dengan label dan simbol, misalnya mengeluarkan istilah sekular semudah-mudahnya. Akibatnya, mereka yang terpengaruh telah tidak mahu menghantar anak-anak belajar di institusi yang dilabelkan sebagai sekular itu. Sedangkan seperti tegas Tun Dr. Mahathir Mohamad:

> "Hakikat ini patut disedari kerana terlalu ramai orang yang dengan mudahnya membuat nilaian terhadap keIslaman seseorang. Mereka menggunakan pengetahuan dalam bidang aqidah dan lain-lain ilmu yang ada kaitan dengannya sebagai sukatan keIslaman. Oleh sebab ini mereka memberikan nilai utama kepada pelajaran aqidah dan cuba menentukan pengangan agama melalui pencapaian dalam pelajaran ini" (Hlm. 41).



Tun Dr. Mahathir Mohamad begitu menekankan supaya orang Melayu bersungguh-sungguh dalam apa juga ilmu pengetahuan dan tidak membatasinya setakat ilmu Islam semata-mata. Beliau menegaskan:

> "Dari sejarah yang telah kita sebutkan matapelajaran lain yang diajar di sekolah-sekolah bukan berasal dari Barat dan bukan bertentangan dengan agama Islam. Sebenarnya semua matapelajaran lain berasas daripada kajian dan penyelidikan orang Islam sendiri mengikut kehendak agama, dan berkembang bersama-sama dengan perkembangan agama Islam. Sabda Nabi supaya ilmu itu dituntut walaupun ke negeri China jelas menunjukkan penghargaan yang tinggi yang diberi oleh agama Islam kepada ilmu pengetahuan amnya. Desakan ini dibuat sebelum ada agama Islam di benua China, dan sudah tentu ilmu yang dimaksudkan bukanlah aqidah dan ibadah dalam Islam" (Hlm. 42).

Tun Dr. Mahathir Mohamad begitu menekankan bahawa Islam sepatutnya menjadi unsur rohaniah yang kuat dalam diri orang Melayu. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab ahli-ahli agama untuk memainkan peranan menyemaikan ajaran Islam yang benar kepada orang Melayu. Tegasnya:

> "Orang yang menganggap pengetahuan agama iaitu aqidah dan ibadah sebagai alat ekonomi tidak akan membawa kebahagiaan kepada agama dan masyarakat. Pengetahuan agama ialah untuk pembangunan kerohanian. Jika pengetahuan agamanya seseorang itu dapat mencari nafkah, ini sepatutnya menjadi *incidental* sahaja. Menganggap pengetahuan agama sebagai satu punca pendapatan semata-mata bermakna nilai kebendaan mendahului nilai rohaniah. Dengan perkataan lain pengetahuan agama tidak berjaya membentuk nilai-nilai rohaniah yang dikehendaki"
> (Hlm. 51).

Namun begitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad cukup menghargai jasa-jasa tokoh agama Islam kerana bagi beliau mereka boleh memberikan bimbingan kerohanian dan dapat membantu menegakkan nilai-nilai murni. Katanya:

> "Walaupun demikian masyarakat perlu menghargai pengetahuan agama yang ada pada seseorang dengan cara yang tidak merendah-rendahkannya. Jika pengetahuan agama yang diberi oleh mereka yang menyampaikannya dapat menegakkan nilai-nilai yang baik di kalangan masyarakat, penghargaan yang sewajarnya akan ada" (Hlm. 51).



## Memperbaiki Nilai-Budaya Untuk Kemajuan Dan Kebahagiaan

Dalam buku *Menghadapi Cabaran* (1976) Tun Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi memuatkan analisisnya mengenai "Sistem Nilaian Dan Orang Melayu" (Hlm. 112 – 127). Perenggan pertama tulisan tersebut dimulai dengan takrif dan keperluan sistem nilai dalam masyarakat, katanya:

> "Wujudnya sesuatu masyarakat manusia ialah kerana sistem nilaian yang terbentuk atau dibentuknya sendiri. Manusia tanpa sistem nilaian tidak dapat hidup bersama dalam satu kumpulan kerana tanpa sistem nilaian, perhubungan antara anggota masyarakat tidak dapat ditentukan. Sama ada 'buruk' atau 'baik', sistem nilaian mesti ada dan diterima oleh sebilangan besar dari sesuatu masyarakat itu untuk mewujud atau mengekalkannya" (Hlm. 112).

Berhubung dengan konteks di atas, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyedari bahawa dalam mana-mana masyarakat, tidak terkecuali orang Melayu, sistem nilai-budaya akan berubah. Namun, setelah memberikan contoh-contoh, beliau menyeru agar sistem nilai orang Melayu dikaji secara sistematis dan saintifik. Hasilnya nanti akan terdapat serumpun nilai teras yang serasi dengan tuntutan Islam dan budaya Melayu tradisi. Melalui nilai-budaya itulah orang Melayu akan berupaya untuk menyerapkan ke dalam diri dan bergerak bersama lain-lain bangsa untuk melangkah maju ke hadapan.

## Organisasi dan Disiplin

Aspek "Organisasi dan Disiplin" dikira sebagai unsur utama yang boleh mengangkat kehidupan bangsa. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah memberikan contoh-contoh dari pengalaman sejarah bagaimana tentera-tentera penjajah yang kecil bilangannya telah berjaya mengalahkan tentera-tentera tempatan. Kejayaan mereka bukanlah kerana bilangan atau senjata yang canggih, tetapi adalah kerana "struktur organisasi" yang jelas, dan kejayaan mereka menyemaikan "disiplin" yang kukuh di kalangan anggota-anggotanya. Tun Dr. Mahathir Mohamad menyedari bahawa sumbangan Barat pada orang Melayu adalah mengenai "organisasi" dan "disiplin". Beliau mengatakan:

> "Bagi orang Melayu khasnya dan orang Asia amnya pelajaran yang dibawa oleh Barat ialah organisasi dan disiplin adalah penting dan berkesan dalam sesuatu tindakan. Organisasi dan disiplin juga boleh memberi kekuatan kepada yang lemah dan yang kecil. Peranan organisasi dan disiplin tidak terhad kepada tentera dan peperangan, walaupun bagi tentera dan peperangan organisasi dan disiplin memainkan peranan yang utama. Dalam lain-lain lapangan juga organisasi dan disiplin memainkan peranan yang penting yang boleh menjamin kejayaan" (Hlm. 161).



Satu daripada beberapa contoh yang diberikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah dalam bidang perniagaan, yang sangat-sangat memerlukan "organisasi" dan "disiplin". Komentar beliau adalah seperti berikut:

> "Dalam bidang perniagaan moden umpamanya organisasi amatlah penting. Organisasi bukan bermakna susunan pegawai dan pekerja sahaja tetapi juga susunan kerja-kerja supaya tiap-tiap sesuatu yang berlaku berjalan mengikut rencana dan diketahui oleh peniaga. Mengadakan kira-kira yang lengkap bagi peniaga seorang diripun adalah penyusunan kerja yang sama pentingnya dengan kira-kira yang diperlukan bagi syarikat raksaksa. Begitu juga penentuan tanggungjawab kakitangan adalah sebahagian yang penting bagi organisasi perniagaan. Tanpa penyusunan ini perniagaan bergantung pada "agak-agak" dan mungkin khayalan yang tidak berasas dan kerugian boleh berlaku dengan tidak disedari" (Hlm. 163).

Pada pemerhatian Tun Dr. Mahathir Mohamad, punca kegagalan peniaga Melayu adalah kerana tidak ada "organisasi" dan "disiplin" (Hlm. 163). Kelemahan dan kegagalan orang Melayu bukan sahaja terletak dalam bidang perniagaan, malah dalam bidang pendidikan, sebagai pekerja, dan sebagainya. Justeru itu, saranan beliau supaya orang Melayu dapat memahatkan dalam minda mereka berhubung dengan "organisasi" dan "disiplin" adalah penting.

### Orang Melayu Semasa Dan Selepas Dr. Mahathir Mohamad

Apakah Tun Dr. Mahathir Mohamad sudah berpuas-hati dengan pencapaian orang Melayu sekarang? Dilihat dari ucapan-ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau masih belum berpuas-hati sepenuhnya dengan pencapaian orang Melayu, dalam bidang perniagaan, bidang sektor swasta, pendidikan anak-anak Melayu, dan taraf hidup seluruh orang Melayu. Tun Dr. Mahathir Mohamad masih merasakan adanya "halangan-halangan" dalam usaha suci beliau untuk memartabatkan orang Melayu khususnya dan Malaysia amnya. Justeru itu, sekali-sekala Tun Dr. Mahathir Mohamad melahirkan keraguannya, dan antara keraguan beliau adalah seperti berikut:

> "Patriotisme semakin hilang di kalangan generasi muda. Justeru itu, usaha-usaha pemupukan perlu dilakukan oleh orang-orang Melayu dewasa untuk menghidupkan dalam sanubari generasi muda tentang patriotisme. Patriotisme adalah unsur penting dalam menghidupkan semangat perpaduan dan kesatuan arah-tuju negara".
>
> "Jangan khianat pada bangsa dan negara melalui kerjasama dengan orang luar". "Jangan mudah tertipu oleh bangsa asing".



"Melayu-Islam ada dikotomi, yakni pemisahan berdasarkan kecenderungan fahaman. Sepatutnya, perpaduan Melayu mesti diwujudkan segera. Bila tidak ada perpaduan, timbullah amalan tidak sihat, seperti mencaci kawan yang pernah menolong kita. Perebutan kuasa menyebabkan kita jatuh akhlak. Jangan lupa – beri penghargaan pada jasa dan bakti orang yang pernah menolong kita".

"Perlunya perubahan minda oleh elit agama yang sangat perlu untuk menggerakkan perpaduan Melayu, perubahan sikap ke arah pembangunan dan sebagainya".

"Hanya mereka yang sanggup belajar, sabar, jujur sahaja yang akan berjaya".

"Walaupun sudah 43 tahun Merdeka, pencapaian Melayu masih lagi rendah. Kenali kelemahan yang ada pada diri sendiri – "Ingin kaya cepat akan miskin cepat."

"Tidak bertanggungjawab. Sehingga matlamat yang digariskan sewaktu mencapai kemerdekaan dilupakan. Anak-anak muda Melayu – ramai anak-anak kita tidak berminat untuk mengejar ilmu, malas berusaha dan cenderung ambil bidang yang mudah-mudah sahaja".

"Kuasai ICT. Kuasai semua ilmu – jangan semuanya tumpu pada ilmu agama, takut kita tertinggal bidang-bidang ilmu lain".

"George Santayana ... "Mereka yang tidak belajar daripada sejarah akan didera dengan mengulangi kesalahan berkali-kali".



## Kesimpulan

Tidak ramai pemimpin Asia yang benar-benar berjaya memikat hati dunia. Sehingga kini, terdapat tiga orang pemimpin Asia yang telah berjaya membawa imej negara mereka ke persada dunia. Mereka yang dimaksudkan Tun ialah Mahatma Gandhi, Soekarno, dan kini Dr. Mahathir Mohamad. Ketiga-tiganya mempunyai keunikan idea untuk dipersembahkan kepada dunia, Gandhi dengan kaedah anti-keganasannya, Soekarno dengan idea dunia berkecuali, dan Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan kejayaannya membangunkan Malaysia mengikut acuan sendiri, mentakrifkan semula peranan Barat dan Timur, dan akhir-akhir ini menjelaskan tentang kekeliruan Dunia (Timur/ Barat) mengenai Islam. Kejayaan tokoh bukanlah untuk dimiliknya, demikian juga kejayaan Tun Dr. Mahathir Mohamad bukanlah untuk diri dan keluarganya, ianya adalah kejayaan kita – rakyat Malaysia. Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah teladan yang perlu dicontohi oleh rakyat Malaysia khususnya oleh orang Melayu, melalui diplomasi, hujah yang konkrit, cara bertutur yang tersusun dan tidak sekali-kali menampakkan sifat konfrontational dalam mengemukakan ideanya. Sesungguhnya Tun Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya memperkasakan Melayu-Islam dan Malaysia ke persada dunia.





## Rujukan


Alatas, Syed Hussein (1988). *Mitos Pribumi Malas: Citra Orang Jawa, Melayu dan Filipina Dalam Kapitalisme Kolonial*. Jakarta: Penerbit LP3ES.

Alatas, Syed Hussein (1974). *Siapa Yang Salah: Di Sekitar Revolusi Mental dan Peribadi Melayu*. Singapura: Pustaka Nasional.

Alatas, Syed Hussein (1978). *Modernisation and Social Change*. Angus & Robertson.

Adshead, Robin (1989). *Mahathir of Malaysia*. United Kingdom: Habiscus Publishing Company.

Ahmad Fawzi Mohd. Basri (1992). "The United Malays National Organization (UMNO) 1981 – 1991: A Study of the Mechanics of a Changing Political Culture". Centre for Southeast Asian Studies, The University of Hull, Ph. D. Thesis.

Aziz Zariza Ahmad (1997). *Mahathir's Paradigm Shift: The Man Behind The Vision*. Taiping: Firma Malaysia Publishing.

Harun Derauh dan Shafie Nor (1982). *Mahathir: Cita-Cita Dan Pencapaian*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Khoo Boo Teik (1995). *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Mahathir Bin Mohamad (1982). *Menghadapi Cabaran*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Mahathir Bin Mohamad (1982). (Terjemahan Ibrahim Bin Saad). *Dilema Melayu*. Kuala Lumpur: Times Books International.

Mahathir Bin Mohamad (1986). *The Challenge*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.

Mahathir Bin Mohamad (1995). "My Personal History", Article in Japanese carried by the Nihon Keizai Shimbun (From 1st – 30th November, 1995) and translated by the Embassy of Malaysia, Tokyo.

Mahathir Mohamad (1995). *The Malaysian System of Government*. Kuala Lumpur: The Prime Minister's Office.

Morais, Victor. J (1982). *Mahathir: A Profile in Courage*. Petaling Jaya: Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd.

Rajendran M (1993). *Mahathir Mohamad Prime Minister of Malaysia*. IBS Buku Sdn. Bhd.

Senu Abdul Rahman (Penyelenggara)(1971). *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.

Zainuddin Midin (1994). *Mahathir Di Sebalik Tabir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.






# WAWASAN 2020:

**Dato' Seri Dr. Zainul Ariff Hj. Hussain**
**Ketua Pengarah**
**Unit Perlaksanaan dan Penyelarasan**
**Jabatan Perdana Menteri ( ICU JPM )**

*"And without vision the people perish" Anon*

## Pengenalan

Wawasan 2020 telah diketengahkan oleh Tun Dr. Mahathir di Majlis Pelancaran penubuhan *Malaysian Business Council* pada 28hb Februari 1991. Telah lebih dasawarsa wawasan ini diperkenalkan. Semenjak itu pelbagai intepretasi dan pandangan telah diketengahkan. Apa yang telah dinyatakan di dalam sembilan puluh empat para telah dijela-jelakan hingga terhasil pelbagai kertas, buku kecil dan buku koleksi penulisan-penulisan mengenai Wawasan 2020. Kini selepas satu dasawarsa kita dapat melihat terjemahannya berbentuk dasar dan pelbagai agenda negara. Kita masih mempunyai dua dasawarsa lagi untuk meneruskan penterjemahannya bagi mencapai matlamat tersebut. Perjuangan masih belum selesai.

## Cabaran-cabaran Wawasan 2020

Sebelum kita berbicara mengenai pemikiran Wawasan 2020 ada baiknya jika kita ulangi apakah Wawasan 2020 itu. Tun Dr. Mahathir dalam menjelaskan mengenai Wawasan 2020 telah mendefinisikannya sebagai:

> "Menjelang tahun 2020 Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang bersatu padu dengan masyarakat Malaysia mempunyai rasa keyakinan diri, ditunjangi oleh nilai-nilai moral dan etika yang utuh, menikmati kehidupan dalam sebuah masyarakat yang demokratis, liberal lagi bertolak ansur, berbudi, adil dan saksama ekonominya, progresif dan makmur dan sepenuhnya menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamis, tangkas serta mempunyai daya ketahanan."

Malaysia yang benar-benar maju tidak akan dibentuk selagi kita tidak dapat mengatasi sembilan cabaran asasi yang strategis yang telah digariskan oleh Wawasan 2020. Cabaran-cabaran itu ialah:





- Membentuk sebuah negara dan bangsa yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama. Bangsa ini mestilah sejahtera, terintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok-kelompok etniknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah "Bangsa Malaysia" dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut.
- Melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang bebas, teguh dan telah terbentuk jiwanya, yakin akan dirinya sendiri, bangga akan keadaannya kini dan segala sesuatu yang telah dicapainya, dan cukup tangkas untuk menghadapi segala macam rintangan. Masyarakat Malaysia itu mestilah mempunyai sifat-sifat mengejar kecemerlangan, benar-benar menyedari segala kemungkinan dirinya, tidak terkongkong jiwanya, dan dihormati pula oleh semua bangsa lain.
- Membentuk dan memperkembang sebuah masyarakat demokratis yang matang, yang mengamalkan sesuatu bentuk demokrasi Malaysia yang unggul, berasaskan muafakat dan musyawarah, dan dapat pula dicontohi oleh negara-negara membangun lainnya.
- Membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.
- Membentuk sebuah masyarakat yang matang yang bersifat toleran, dengan setiap warga bangsa Malaysia, tanpa mengira keturunan mahupun kepercayaan, bebas mengamalkan dan melaksanakan adat resam, kebudayaan serta kepercayaan agamanya masing-masing, tanpa merasa tersisih daripada bangsa tersebut.
- Membentuk sebuah masyarakat yang bersifat sains serta progresif, berdaya cipta dan berpandangan jauh ke hari muka, yakni sebuah masyarakat yang bukan sahaja dapat memanfaatkan teknologi kini tetapi turut menjadi penyumbang terhadap pembentukan peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan.
- Membentuk sebuah masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang, sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri, dengan kebajikan rakyat tidak diasaskan pada negara mahupun individu tetapi pada sistem kekeluargaan yang kukuh lagi mantap.
- Menjamin terbentuknya sebuah masyarakat yang adil ekonominya. Masyarakat itu akan menjamin pengagihan kekayaan negara secara adil lagi saksama, dengan kemajuan ekonominya dinikmati bersama oleh setiap rakyat. Masyarakat yang demikian tidak akan terbentuk selagi terdapat penentuan fungsi ekonomi berdasarkan kaum dan pemusatan kemunduran ekonomi kepada kelompok-kelompok kaum yang tertentu.
- Membentuk sebuah masyarakat yang makmur, dengan ekonomi yang mampu menghadapi persaingan, bersifat dinamis, tangkas, dan mempunyai daya ketahanan.








*Majlis Pelancaran Putrajaya oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada Ogos 1995.*

Banyak yang telah kita capai dalam usaha melaksanakan matlamat-matlamat tersebut. Sembilan cabaran utama ini tidaklah semestinya tersenarai menurut urutan keutamaan kita bagi tiga dasawarsa yang akan datang. Nyatalah bahawa keutamaan bagi sesuatu titik waktu yang tertentu perlu didasarkan pada keadaan khusus zaman itu sendiri.

Namun demikian, cabaran strategi pertama adalah amat penting:

> *"yakni pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu akan merupakan cabaran yang paling utama dan paling asasi". [Petikan daripada ucapan "Malaysia Melangkah Kehadapan" oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad]*

Petikan di atas mengingatkan kita kembali pada cabaran-cabaran wawasan. Apa yang perlu juga diketahui ialah apakah yang telah mempengaruhi penghasilan pemikiran sedemikian. Di sini akan cuba dipaparkan beberapa perkara pokok yang besar kemungkinannya telah mempengaruhi pemikiran Tun Dr. Mahathir dalam mempertimbangkan isu-isu pembangunan negara dalam Wawasan 2020.

## Penjajahan

Pengalaman Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai penjajahan telah banyak membentuk *world view* atau pun disebut sebagai *weltenschuungnya*. Penjajahan adalah amat pedih. Ia merupakan satu penghinaan bukan saja kepada individu tetapi juga kepada bangsa. Maruah dan martabat bangsa tergadai dan lebih sedih lagi digadaikan. Kisah Si Kitol serta pengkhianat bangsa dalam *Sejarah Melayu* serta pelbagai kisah pemerintahan, kerajaan dan kesultanan Melayu yang telah hilang harta, takhta dan kuasa semata-mata kerana perbuatan khianat serta rela meminta-minta pada pihak lain telah acapkali membawa bangsa sentiasa dijajah. Beratus-ratus tahun kita telah dijajah bukan oleh sebab kekuatan musuh tetapi oleh sebab dengki khianat angkara derhaka sesama kita sama ada merebut takhta atau kuasa.

Penghinaan penjajahan bukan terbatas kepada politik sahaja tetapi juga dalam pelbagai bidang yang tersebut dalam Wawasan 2020. Namun demikian Tun Dr. Mahathir menyatakan cabaran strategi pertama yang saya kemukakan itu *"yakni pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu akan merupakan cabaran yang paling utama dan paling asasi"*.

Penjajah telah mengamalkan strategi "pecah dan perintah". Pelbagai kaum dalam negara telah dikotak katikkan dan dihimpit serta dihalang daripada membangun negara bersama secara bersatu padu. Justeru itu, pembentukan bangsa yang bersatu dianggap syarat utama yang paling penting didalam menjayakan cita-cita negara yang terkandung di dalam Wawasan 2020.





Walau apa pun protes, masyarakat majmuk yang kini wujud hasil persefahaman yang telah membawa pada kemerdekaan dengan kontrak sosial (yang mengandungi isu Kerakyatan, Kedudukan Raja-Raja Melayu, Agama Islam, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan hak istimewa Melayu dan bumiputera) telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan inilah yang menjadi hakikat negara. Negara tidak akan dapat membangun jika sekiranya rakyat tidak dapat bersatu hati dan enggan bekerjasama. Amat mudah kita dipecah-pecah dan di perintah semula oleh penjajahan baru yang kita sendiri jemput. Banyak contoh negara-negara yang telah menderita akibat dilanda sengketa dan rusuhan kaum. Ataupun di mana kumpulan minoriti ditekan sehingga tidak dapat membangun langsung serta nilai budayanya diubah dan dirobah, khusus untuk membentuk budaya baru.

Dalam usaha untuk bergerak jauh dari bencana rusuhan kaum, perpaduan di antara rakyat adalah amat penting dan menjadi asas kukuh untuk pembinaan negara. Negara yang ingin dibina ialah negara yang rakyatnya bersatu padu menjunjung masa hadapan yang dikongsi bersama dan sejahtera. Rakyat Malaysia juga mesti mengutamakan terintegrasi wilayah dan kelompok-kelompok ethnik, menikmati kehidupan bersama dengan berasaskan persamaan hak dan keadilan dan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut.

Kegagalan menghasil benteng kebangsaan ini akan melemahkan kita dan mendedahkan kita balik semula pada penjajahan – satu keadaan yang amat hina pada pandangan YAB Dato Seri Perdana Menteri. (lihat saja pada petikan sajak-sajak "Perjuangan Yang Belum Selesai" dan "Melayu Mudah Lupa" (versi penuh sajak-sajak seperti di lampiran I & II).



*"Sesungguhnya tidak ada yang lebih menyayat dari melihat bangsaku dijajah.*
*Tidak ada yang lebih menyedihkan dari membiarkan bangsaku dihina".*
*(petikan dari sajak YAB Perdana Menteri "Perjuangan Yang Belum Selesai")*

*"Dulu bangsanya hina*
*Melayu mudah lupa*
*Dulu bangsanya sengketa*
*Melayu mudah lupa.*
*Dulu bangsanya derita.*
*Melayu mudah lupa*
*Dulu bangsanya kerdil*
*Melayu mudah lupa*
*Dulu bangsanya terpencil*
*tiada daulat tiada maruah tiada bebas*
*Melayu mudah lupa "*



*(petikan dari sajak YAB Perdana Menteri "Melayu Mudah Lupa")*

Dalam soal membina bangsa YAB Dato Seri Perdana Menteri telah menyatakan pandangan serta pemikirannya di Majlis Makan Malam anjuran Kelab Harvard di Kuala Lumpur pada 31 Januari 1992. Mengikut beliau:

"Bagi mengukuhkan bangsa Malaysia yang bersatu padu, kita telah memperkenalkan dasar-dasar dan program dalam tempoh tiga puluh tahun lalu selain Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional. Dasar-dasar tersebut termasuk Dasar Pendidikan

Negara, Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Perpaduan negara adalah matlamat penting dalam dasar dan program berkenaan. Kesemua dasar dan program ini boleh menyumbang ke arah hubungan sosial yang sehat di kalangan masyarakat majmuk, perkongsian nilai dan persepsi, persamaan identiti sebagai rakyat Malaysia dan kebudayaan yang mengekalkan warisan bangsa".

Sejak dari awal lagi, pada masa Tun Dr. Mahathir baru sahaja mengambil alih pucuk pimpinan negara beliau telah menjelaskan pendiriannya mengenai isu penjajahan. Dalam perutusan tahun baru 1982 antara lain beliau telah menyatakan seperti berikut:



"Mereka dari negara maju, sudah mempengaruhi orang Malaysia dengan berbagai pendapat yang bertujuan supaya kita tidak bekerja dan oleh itu tidak dapat bertanding dengan mereka. Bilakah kita akan sedar bahawa kita telah dipermainkan oleh mereka, bahawa walaupun negara telah dibebaskan, fikiran kita masih dijajah. Bilakah kita akan sedar bahawa masa depan kita bergantung kepada kesanggupan kita bekerja dan bekerja dengan rajin, bukan sebagai hamba kepada upahan tetapi kerana tanggungjawab dan kesayangan kepada kebebasan dan maruah kita".

(Perutusan Tahun Baru 1982)

Serta beliau telah menegaskan dalam ucapan yang sama bahawa :

"...akan membebaskan kita daripada pergantungan sepanjang kepada ilmu dan kebolehan serta kekayaan negara-negara maju. Selagi kita jahil dalam bidang-bidang pengetahuan dan kecekapan yang terdapat di zaman ini, selama itulah kemerdekaan kita mudah digugat dan kita terpaksa tunduk kepada kuasa asing."

(Perutusan Perdana Menteri sempena Tahun Baru 1982)







Juga di Pusat Dagangan Dunia Putra 8 November 1991 Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menegaskan:

> "Oleh kerana orang Melayu tidak mengubah cara hidup mereka dengan cepat, mereka ditewas dan ditakluk. Hampir empat ratus lima puluh tahun. Tetapi kemerdekaan yang diperolehi bukan terjamin selama-lamanya. Jika kita tidak bersedia untuk mengikuti perubahan zaman, pihak yang dahulu menjajah akan menjajah kita semua. Hanya kali ini pendekatan penjajahan adalah berbeza. Mereka tidak lagi perlu menempatkan tentera dan pentadbiran mereka untuk menakluk kita. Melalui ilmu dan kepintaran serta kekayaan, mereka dapat menguasai kita".

Jelas pada kita akan kentalnya kebencian beliau kepada penjajahan. Kekentalan kebencian ini diolah secara positif melalui strategi-strategi negara yang berpandukan Wawasan 2020. Kesemua kesembilan cabaran yang di ketengahkan memperlihatkan strategi untuk mengelak daripada dijajah semula. Dasar-dasar itu ialah :



*Mesra Rakyat...Perasmian Rumah Terbuka Tahun Baru Cina yang dihadiri Tun Dr. Mahathir Mohamad.*

a) Bebaskan bangsa dan negara.
b) Bebaskan minda,
c) Bebaskan nilai - toleran, hak, budi, budaya, adab
d) Bebaskan ekonomi – mampan, adil, daya saing, dll
e) Bebaskan memerintah (demokratis dalam acuan sendiri), dan
f) Bebaskan ilmu – saintifik dan teknologi progresif.

Moga-moga dengan strategi begini negara akan dapat mengelak daripada dijajah semula.

**Maruah dan Martabat Bangsa**

*Tunduk kepala mengadap ketua*
*Bertentang mata mengadap rakan*
*Cekak pinggang mengadap musuh*

Satu perkara yang telah lama terpendam di minda Tun Dr. Mahathir ialah perlunya maruah dan martabat bangsa diutamakan. Beliau di pelbagai majlis di semua peringkat, sering membicarakan perkara ini. Apa juga yang diusahakan bukan hanya untuk matlamat dan tujuan singkat atau terkongkong, tetapi menggambarkan matlamat yang lebih besar, lebih tinggi dan lebih murni. Ujar beliau :

> "Bilakah kita akan sedar bahawa masa depan kita bergantung kepada kesanggupan kita bekerja dan bekerja dengan rajin bukan sebagai hamba pada upahan, tetapi kerana tanggungjawab dan kesayangan kepada kebebasan dan maruah kita."
>
> (Perutusan Tahun Baru 1982)

Maruah dan martabat bangsa diukur bukan dari segi kekuatan fizikal tetapi dari segi keupayaan kita untuk membina negara yang boleh di teladani. Kejayaan yang harus dihasilkan adalah kejayaan yang bermakna dalam mengisi erti kemerdekaan; kejayaan dalam membawa kesejahteraan dengan menghapuskan kemiskinan dan membawa pembangunan serta ekonomi yang mampan, dinamis, tangkas dan mampu bersaing. Kejayaannya adalah kerana ekonominya yang adil, menjamin pengagihan kekayaan secara saksama dan mampu dinikmati oleh setiap rakyat. "*There is enough for everybody's need but not enough for one main greed*" – Mahatma Gandhi.

Bagi Tun Dr. Mahathir, negara harus menjadi negara contoh dan diteladani, bukan negara yang mengikut negara lain. Negara dihormati kerana perpaduan bangsanya, kerana rakyatnya bebas berdikari, kerana rakyatnya mempunyai nilai budi yang tinggi, toleran, berjiwa yakin diri (Malaysia Boleh), penyayang dan bertimbang rasa ("*win-win philosophy*" dan "*prosper thy neighbour*"), beramanah dan beretika, mementingkan masyarakat daripada diri sendiri dan kebajikan rakyat tidak diasaskan pada individu tetapi sistem kekeluargaan yang kukuh lagi mantap.

Maruah dan martabat bangsa di kaca dunia diasaskan pada kecemerlangan serta pencapaian sains dan teknologi yang progresif, berdaya cipta dan berpandangan jauh di hari muka iaitu satu masyarakat yang bukan sahaja dapat memanfaatkan teknologi terkini tetapi turut menjadi penyumbang terhadap pembentukan peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan.

Jelas sekali, nilai dan pemikiran untuk mendaulatkan negara dan mengangkat maruah dan martabat bangsa menjadi cita-cita murni seorang Perdana Menteri. Kita tidak lagi mahu manjadi negara yang meminta-minta. Negara yang meminta-minta, sentiasa akan dijajah dan terus terjajah. Kita mahu menjadi negara penyumbang. Semoga kita akan menjadi negara mulia – bukan negara angkuh. 'Tangan yang memberi itu adalah lebih mulia daripada tangan yang menerima', kata ajaran agama Islam.





**Islam dan Nilai Budaya**

" • Bulat air kerana pembentung
• Bulat manusia kerana muafakat
• Bersatu teguh bercerai roboh"

Sejak dari awal pentadbirannya, Tun Dr. Mahathir sentiasa mengulang perkara-perkara ini di pelbagai majlis tertutup dan terbuka, di kem-kem hujung minggu, di Pasir Panjang, Telok Burau, Bukit Raya, Ulu Seperi dan pelbagai tempat lain: Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah lupa menyentuh isu nilai.

Nilai yang ingin diketengahkan ini bukan sebarang nilai tetapi nilai murni yang telah difardhukan oleh agama Islam. Beliau telah menyatakan bahawa:

> "Kita harus sedar akan betapa pentingnya kita mengamalkan nilai-nilai dan cara-cara yang boleh menjayakan kita. Berjaya atau tidaknya seseorang, atau sesuatu kaum, atau satu bangsa bergantung kepada sifat-sifat yang ada kepada individu, kaum atau pun bangsa itu. Jika pihak-pihak ini tidak rajin, tidak jujur, tidak mempunyai pandangan yang jauh, tidak tertib dan tidak mempunyai etika yang mulia, mereka tetap akan gagal".

Beliau turut menegaskan:

> "Orang Islam yang hanya menyalahkan takdir sedangkan ia boleh memperbaiki nasibnya adalah orang yang kurang percaya kepada keadilan Allah s.w.t. Allah s.w.t. tidak memberi akal fikiran, tenaga dan pancaindera kepada manusia jika mereka hanya dikehendaki menunggu dan menerima nasibnya sahaja. Segala anggota, tenaga dan akal fikiran diberi kepada makhluk Allah s.w.t. untuk digunakan bagi menyelamat dan menjayakan diri mereka.
>
> Zaman beredar dan semuanya beredar dan berubah dengannya. Mereka yang tidak sanggup berubah akan ketinggalan zaman. Tidak ada bangsa atau negara yang boleh mengasingkan diri daripada perubahan yang berlaku di seluruh dunia moden ini.
>
> Kejayaan atau kegagalan seseorang banyak bergantung kepada dirinya sendiri. Bangsa yang dikelilingi oleh keadaan yang menekan boleh berjaya sedangkan bangsa yang mempunyai negara yang serba mewah mungkin lebih miskin dan lemah. Sebabnya ialah kualiti dan sifat yang ada pada bangsa-bangsa berkenaan.
> Hanya jika kita dapat menjadi negara maju barulah kita akan dapat bertahan jika sekatan dagang dan lain-lain ancaman bukan tentera dilancarkan terhadap kita".
>
> (Ucapan Tun Dr. Mahathir di Pusat Dagangan Dunia Putra 8 Nov, 1991).









*Tun Dr. Mahathir Mohamad pada Majlis Perhimpunan Cina SeMalaysia di Sekolah Menengah Putrajaya.*

Program penerapan nilai-nilai Islam memperlihatkan kelangsungan pada usaha ini. Kalau kita hendak maju, kita perlu ada kesanggupan untuk berubah, berhijrah daripada yang kurang baik, yang menyekat dan yang tidak menguntungkan pada yang maju, progresif dan memberi manfaat. Kesejahteraan tidak datang menggolek tetapi memerlukan usaha, tekun dan kerajinan. 'Dasar Pandang ke Timur' memperlihatkan pemikiran mahu mencari nilai yang terbaik untuk maju.

Pembangunan rohani dan jasmani sentiasa menjadi imbangan pemikiran – satu imbangan visi 2020 yang baik. Justeru itu pembangunan fizikal harus diimbangi dengan pembangunan rohani serta nilai budi yang luhur yang akan dapat mensejahterakan negara. Mereka yang rakus, tidak bertimbangrasa, ingin kaya segera, malas, tidak rajin, tidak jujur, tidak berpandangan jauh, tidak tertib dan tidak mempunyai etika yang mulia, akan tetap gagal.

Wawasan 2020 mencernakan keprihatinan mengenai nilai-nilai budaya yang dicerna oleh Tun Dr. Mahathir melalui pemerhatiannya di dalam pelbagai siri lawatan beliau keluar negara. Beliau lantang dan tidak jemu-jemu membicara soal Islam, nilai dan budaya sebagai tunjang kebangkitan bangsa dan negara.

Baginya, penjajahan terhasil oleh sebab nilai-nilai lemah menjadi pegangan masyarakat. Nilai-nilai kolot, hasad dengki, cepat mencari kesenangan, belot, menipu akhirnya menghancurkan negara.




*Majlis Makan Malam Sempena 20 Tahun Dasar Pandang ke Timur.*

Tun Dr. Mahathir sedar bahawa negara kita adalah negara majmuk. Justeru itu agama Islam, walaupun agama rasmi negara, tidak harus digembar-gemborkan. Memadai jika nilai-nilai murni yang dituntut oleh agama Islam sama ada dalam soal fardu ain atau fardu kifayah atau hablumminallah atau pun hablumminannas (hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia) diterap dan dijadikan nilai sebati oleh setiap individu dan warga negara Malaysia. Ummah yang terbaik adalah ummah yang sederhana (ummatauwasata). Rakyat yang terbaik ialah rakyat yang boleh menyumbang kepada pembangunan dan kemakmuran negara. Nilai terbaik ialah yang memungkin matlamat itu berlaku.

## Ilmu

Sebagai seorang doktor, ilmu adalah menjadi teras pada kepakaran yang diperolehinya. Tetapi kepakarannya tidak terhad pada bidang didikan formalnya. Pemikirannya jelas, untuk maju kita harus ada kesanggupan untuk menuntut ilmu. Hanya ilmu akan menjamin kebebasan kita. Ujar beliau:

> "Ilmu akan membebaskan kita daripada pergantungan sepanjang masa kepada ilmu dan kebolehan serta kekayaan negara-negara maju. Selagi kita jahil dalam bidang-bidang pengetahuan dan kecekapan yang terdapat di zaman ini, selama itulah kemerdekaan kita mudah digugat dan kita terpaksa tunduk kepada kuasa asing".
>
> (Perutusan Perdana Menteri sempena Tahun Baru 1982).



Ilmu tidak datang menggolek. Ianya harus dicari dan dikejar. Mereka yang tidak mengejar ilmu dianggap sebagai telah mensia-siakan pemberian Illahi dari segi akal budi, pancaindera serta kudrat empat kerat yang harus digilap untuk dicernakan guna memantap harga diri, menyumbang bakti, membangun dan mempertahankan negara sendiri. Memetik pemikiran Tun Dr. Mahathir,



> "Orang Islam yang hanya menyalahkan takdir sedangkan ia boleh memperbaiki nasibnya adalah orang yang kurang percaya kepada keadilan Allah s.w.t . Allah s.w.t tidak memberi akal fikiran, tenaga dan pancaindera kepada manusia jika mereka hanya dikehendaki menunggu dan menerima nasibnya sahaja. Segala anggota, tenaga dan akal fikiran diberi kepada makhluk Allah s.w.t untuk digunakan bagi menyelamat dan menjayakan diri mereka".

Tun Dr. Mahathir sentiasa menekankan kepentingan penguasaan ilmu pengetahuan, kemajuan dan negara yang maju tidak akan tercapai tanpa ilmu pengetahuan. Lebih-lebih lagi apabila kita memperkatakan mengenai masyarakat yang saintifik dan berteknologi.





Akal dan pemikiran yang dikurniakan oleh Ilahi tidak harus dijadikan asas untuk memikirkan secara negatif dan mencerna ketidakadilan. Hasil usaha mengejar ilmu akan menjadikan kita maju. Akal fikiran akan mengangkatkan sebagai makhluk terbaik ciptaan Ilahi sepertimana ayat Surah Al Baqarah yang mengkesahkan ciptaan Nabi Adam a.s yang telah pun diajar oleh Allah (s.w.t.) dan terus malaikat menerima hakikat bahawa martabat Adam lebih daripada malaikat dan iblis.

Dalam usaha untuk membangunkan ilmu dan keluar daripada kepompong yang meletakkan kita sebagai "katak di bawah tempurung". Tun Dr. Mahathir telah menghantar pelajar ke negara Jepun dan Republik Korea pada awalnya. Kini kita mempunyai pelajar di segala pelusuk dunia dan beliau tidak jemu-jemu berjumpa, berdialog dan beramah mesra dengan pelajar di dalam mahu pun di luar negara. Walau pun sibuk dengan agenda yang telah tersedia di luar negara setiap kali lawatan, beliau sentiasa menjadikan perjumpaan dengan pelajar sebagai salah satu agenda lawatan.

Tunggak dan tiang seri pada banyak keputusan hubungan luar serta pembelian bahan-bahan keperluan import ialah berkaitan dengan perpindahan ilmu dan teknologi ***(technology transfer)***. Tanpa memperdagangkan maruah dan martabat, tanpa meminta-minta, dengan penuh rasa hormat dan budi jalinan dwi-hala menguntungkan semua pihak ***(win-win relationship)***. Semua pihak harus mendapat manfaat dan faedah daripada setiap keputusan hubungan dwi-hala dan perdagangan antarabangsa. Soal tindas-menindas, menipu, mencari keuntungan luar jangka atau keuntungan lebih bukan menjadi matlamat Tun Dr. Mahathir.




*Bergambar Bersama-sama Tun Dr. Mahathir Mohamad Selepas Jamuan Makan Malam Sempena Persidangan WAY di Copenhagen, Denmark, 1995.*

Beliau berpandangan jauh dan dahagakan ilmu dan teknologi yang diasaskan pada hubungan saling hormat menghormati, bukan penindasan dan pemerasan. Beliau menyatakan bahawa hubungan lama dengan negara-negara yang pernah menjajah dan memeras kita harus dikaji semula dan dengan berani patut dimaklumkan bahawa hubungan tidak adil itu perlu diubah.

Kini dunia faham bahawa ilmu adalah hak masyarakat dan untuk kebaikan setiap insan. Menyembunyikan ilmu serta kedekut untuk berkongsi teknologi tidak menguntungkan sesiapa jua, lebih-lebih lagi negara yang kurang maju. Dengan demikian "*universalisation of knowledge*" adalah menjadi "*cornerstone*" pemikiran Tun Dr. Mahathir. "*Knowledge is not the sole rights of developed nations*".

Tun Dr. Mahathir sendiri mempelopori gerak kerja mengejar ilmu ini. Beliau sendiri melawat negeri-negeri luar untuk mendapat penerangan dan penjelasan. Beliau sentiasa dengan buku nota kecilnya, kamera kecilnya, serta model-model teknologi yang ingin diketahuinya. Setiap kali beliau keluar negara dibawanya rombongan ahli-ahli serta pakar-pakar yang boleh memungkinkan pengembangan ilmu, pemahaman teknologi serta penjanaan reka cipta baru bersama. Setiap kembalinya dari luar negara maka banyaklah keputusan-keputusan



*Tun Dr. Mahathir Mohamad Melihat Potret Besar Lukisan Minyak Wajahnya di Perhimpunan Agung UMNO 2003.*

lanjutan serta kajian-kajian yang lebih mendalam akan terhasil. Contoh dan model yang boleh menguntungkan negara sentiasa diambil dan diperkenalkan.

Contoh perubahan ilmu dan teknologi baru yang telah diperkenalkan oleh Tun terlalu banyak untuk dinyatakan satu persatu. Memadailah jika kita tenung dan renung serta kenang sumbangan besar seorang pemimpin besar pada negaranya.

## Kesimpulan

Rencana ini telah mengenengahkan apa itu Wawasan 2020 untuk kita ingati. Rencana ini juga cuba mencungkil pemikiran Tun Dr. Mahathir yang telah mempengaruhi penghasilan wawasan tersebut. Dengan pengalaman, pendedahan dan pemikiran yang tajam serta berpandangan jauhnya beliau telah berjaya memaparkan cadangan beliau untuk negara. Kini Wawasan 2020 merupakan hak negara dan perlu diterjemahkan dalam agenda-agenda negara sama ada dari segi makro atau mikronya.



Wawasan 2020 yang telah diungkapkan oleh Tun Dr. Mahathir bukan sesuatu yang kekal dan tidak boleh berubah. Ianya terserahlah kepada negara untuk mentafsirkannya dan merangka pelan pelaksanaannya. Pelaksanaan itu harus praktikal dan sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa. Tetapi falsafah, konsep serta rangka makro Wawasan 2020 harus kekal dan menjadi panduan perencanaan tersebut. Pacuan utama pembangunan negara menghala ke arah tahun 2020 harus berteraskan wawasan yang telah dijelaskan jika negara ingin membangun di dalam semua aspek kenegaraannya.

Negara maju yang kita inginkan adalah dalam "acuan kita sendiri", mempunyai maruah dan martabat sendiri dan bukan mengikut apa yang diketengahkan oleh negara yang kini dianggap telah maju. Sifat-sifat negara maju yang kita inginkan seperti berdaya saing, bebas, mampan, progresif, berilmu, beretika dan moral dengan berlandaskan Islam serta nilai-nilai murni, masih jauh untuk dicapai. Maka perjuangan kita masih belum selesai.

Apa pun usaha kita untuk mencapai taraf negara maju dalam acuan kita sendiri, serta bertekad 'Malaysia Boleh', jangan sekali-kali kita lupa dari mana kita datang (sebuah negara yang telah dijajah) dan ke arah mana hendak kita tuju ( Negara Maju ala Wawasan 2020) kerana "Melayu Mudah Lupa".

Doa Tun Dr. Mahathir pada negara serta pesanan beliau jelas dalam kedua sajak beliau yang harus dijadikan iktibar dalam menempuh gelombang dan badai yang mencabar. Moga-moga kita tidak mudah lupa dan semoga setiap usaha kita mencapai wawasan yang murni itu mendapat keberkatan dan keredaan Ilahi.



# PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD DALAM MENJANA PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN EKONOMI MALAYSIA

Dato' Mustapa Mohamed

Pengarah Eksekutif

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)

## Pengenalan

Perbincangan mengenai pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah amat bersesuaian sekali pada masa ini, khususnya dalam usaha kita menilai sumbangan Tun untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang maju, aman dan makmur dan juga sebagai sebuah negara Islam contoh. Jika dinilai, sumbangan pemikiran beliau adalah sungguh besar dan begitu berharga sekali, khususnya jika diukur dari segi pencapaian prestasi pembangunan ekonomi, keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat dan paling lama menerajui tampuk pemerintahan negara serta juga pemimpin yang paling berpengalaman di rantau Asia, beliau telah menunjukkan prestasi yang begitu cemerlang dan telah mencapai tahap *statesman* dunia yang begitu disegani di peringkat antarabangsa pada masa ini. Walaupun dalam usia persaraan bagi kebanyakan orang, beliau masih lagi bertenaga serta mampu membuahkan idea-idea bernas dengan pemikiran-pemikiran baru dalam menjana pertumbuhan yang berterusan bagi ekonomi negara. Malah berjaya mengelak beberapa kali, negara kita daripada terjebak dalam kemelut kemelesetan ekonomi dan seterusnya menentukan yang matlamat jangka panjang seperti yang dinyatakannya dalam Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya tercapai.

Jika dibandingkan prestasi pemerintahan beliau dengan pemimpin-pemimpin negara membangun lain di dunia, kebolehan beliau berfikir secara strategi dan sumbangan beliau adalah yang terbaik bukan sahaja bagi rakyat Malaysia, tetapi juga rakyat dunia ketiga. Kita sungguh bertuah kerana selepas 45 tahun mencapai kemerdekaan, negara kita terus maju, aman dan membangun dengan jayanya hasil berkat daya pemikiran beliau, sedangkan di beberapa buah negara membangun yang lain, kedudukan ekonomi mereka menjadi bertambah mundur dan kucar kacir selepas beberapa lama negara-negara tersebut mencapai kemerdekaan.

Terdapat beberapa perbezaan asas yang membantu kepada kebolehan berfikir dan kematangan yang beliau miliki berbanding dengan pemimpin-pemimpin lain di dunia, termasuk pemimpin-pemimpin baru yang lebih muda dan berkelayakan tinggi. Antaranya ialah beliau mempunyai visi dan berwawasan besar, mempunyai










*Perasmian Fasiliti Penyelidikan di Proton Shah Alam pada Mei 1999.*

keberanian tersendiri dalam menghadapi segala kegetiran dan tidak semata-mata mengikuti cara konvensional, sama ada teori atau fakta pemikiran sejagat (*conventional wisdom*). Pemikiran yang lateral, berpaksi kepada fakta, kebenaran dan berstrategi untuk tempoh jangka panjang membolehkan ianya dilaksanakan dengan berkesan. Reputasi dan kredibiliti yang terhasil dari pemikiran dan idea-idea yang dilaksanakan tersebut telah dapat menarik minat pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara kerana ianya sungguh konsisten dan berterusan.

### Dasar Pemikiran

Secara ringkasnya, pemikiran dalam mengurus pembangunan ekonomi negara memerlukan rangka kerja (*framework or school of thought*) dan paradigma bagi mencapai matlamat yang ditetapkan dalam suasana ekonomi dunia yang begitu kompetitif, dinamik dan sentiasa berubah-ubah. Ianya memerlukan bukan sahaja pemikiran secara biasa, tetapi bentuk-bentuk pemikiran lain seperti *lateral thinking, critical thinking dan analytical thinking* yang lebih mendalam dan pelbagai dimensi. Tujuannya adalah untuk menjana idea-idea baru yang lebih inovatif, mengurangkan jurang komunikasi yang ada bagi mendapatkan alternatif-alternatif baru dalam pencapaian matlamat yang disasarkan.

Asas utama pemikiran beliau ialah pengurusan ilmu pengetahuan yang diperolehi daripada pelbagai sumber dan jika digabungkan secara murni dengan pengalaman dan kuasa kepimpinan yang telah diberi mandat (*knowledge, experience and legitimate power*), maka matlamat yang disasarkan tentunya akan menjadi kenyataan. Tambahan pula jika ianya dilaksanakan dengan berani (*without fear and favor*) dan berkemampuan menukarkan status quo yang ada bagi kemajuan bersama maka hasilnya akan menjadi lebih bermakna dan berkesan. Pemikiran besar, imaginasi yang tinggi dan pandangan yang terkehadapan memerlukan ilmu pengetahuan, komitmen, kebolehan mengatur keutamaan dan konsistensi dalam perlaksanaan.

Di samping pemikiran yang mendalam, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga dapat menterjemahkan ideanya melalui komunikasi dalam bentuk yang begitu mudah difahami untuk dilaksanakan diperingkat operasi. Fleksibiliti dalam pengurusan beliau dengan mengurus dari jauh, berkompromi dan dalam banyak keadaan pendekatan *hands on* dibuat bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Peningkatan kapasiti dan menyediakan budaya kerja cemerlang juga menjadi elemen-elemen penting dalam pemikiran beliau. Dengan kebolehan berfikir yang baik, beliau menetapkan agenda-agenda besar untuk negara, kemudiannya berusaha



mendapatkan penerimaan rakyat keseluruhannya melalui komunikasi yang efektif dan seterusnya menjayakan perlaksanaan matlamat-matlamat wawasan yang ditetapkan.

Beliau juga telah menghasilkan beberapa penulisan dalam bentuk buku ilmiah seperti *The Malay Dilemma* (1970) dan *New Deal for Asia* (1999), disamping ucapan-ucapan penting beliau dikumpul dan dibukukan untuk kegunaan dan rujukan awam. Antaranya termasuk *Wawasan 2020* , Melangkah Kehadapan (1991) dan *Managing the Malaysian Economy* (Volume 2/ 2000).



*Tun Dr. Mahathir Mohamad Sedang Mendengar Taklimat Daripada Pegawai-Pegawai Proton Semasa Perasmian Fasiliti Penyelidikan di Proton Shah Alam pada 15 Mei 1999.*

**Dekad 80an – Perlaksanaan Dasar-Dasar Utama**

Di peringkat awal memegang jawatan, Tun Dr. Mahathir menekankan betapa pentingnya penyediaan perancangan pembangunan ekonomi dibuat melalui penerbitan dokumen-dokumen rasmi Kerajaan untuk makluman orang ramai. Namun begitu, di dalam pelaksanaan dasar-dasar ekonomi awam, fleksibiliti serta pragmatism sentiasa menjadi tunjang utama dengan mengambil kira perubahan-perubahan semasa ekonomi, kejutan dan pengaruh-pengaruh luaran di peringkat antarabangsa. Sistem ekonomi pasaran bebas yang dalam keadaan tertentu memerlukan campur tangan Kerajaan bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan sedia ada diterima menjadi teras perancangan dan dasar pembangunan negara.

Awal tahun 80an adalah merupakan tempoh di mana pemikiran-pemikiran beliau dapat menjadi kenyataan iaitu setelah beliau dilantik menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981. Pemikiran-pemikiran tersebut adalah berkisar kepada usaha-usaha untuk membangun dan memperluaskan lagi asas-asas ekonomi negara dengan menyediakan prasarana, pembangunan institusi, kemajuan pentadbiran, memperkemaskan perundangan, pengawal seliaan dan pemantauan. Dasar-dasar yang diperkenalkan sebagai lanjutan dari dasar-dasar utama sebelum ini adalah berteraskan nilai-nilai murni dalaman, keperluan serta kepentingan strategik negara sebagai sebuah negara merdeka yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan rakyat berbilang kaum.

Dasar-dasar baru telah diperkenalkan dan langkah-langkah tegas diambil, khususnya dalam menyediakan suasana perniagaan yang bersesuaian dan persekitaran pelaburan yang mesra kepada pelabur, disamping terus memperkemaskan lagi jentera pentadbiran kerajaan agar ianya lebih cekap dan berkesan. Beliau menekan kepada



strategi pertumbuhan ekonomi melalui eksport, menggalakkan kemasukan pelaburan langsung asing dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan insentif, di samping terus menggembeling tabungan dalam negeri untuk membiayai pelaburan swasta tempatan.

**Dasar Pandang Ke Timur** yang diumumkan oleh Tun Dr. Mahathir pada tahun 1982 merupakan usaha awal ke arah penerapan nilai-nilai perdagangan dan perindustrian yang baik dari negara-negara maju di rantau Asia seperti Jepun dan Korea Selatan. Pengurusan berkualiti, kemajuan sains dan teknologi dan etika kerja adalah merupakan aspek-aspek penting yang ingin diterapkan oleh beliau dalam usaha meningkatkan tahap teknologi dan sistem pengurusan dan melahirkan pekerja-pekerja beretika tinggi, di samping semangat hubungan kejiranan berteraskan "*prosper-thy-neighbor*". Pelaksanaannya dibuat dengan mengadakan sistem kad perakam waktu kerja, pemakaian tanda nama, penubuhan pasukan kawalan mutu kerja, manual prosedur kerja dan juga latihan ke negara-negara tersebut. Ini diperkemaskan lagi dengan Dasar Kepimpinan Melalui Teladan dan juga Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran yang diumumkan dalam tahun 1983.

Peranan Kerajaan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang bersaing pesat dengan sektor swasta, terutamanya Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) telah dikurangkan melalui **Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam** pada tahun 1982 dan seterusnya perlaksanaan **Dasar Penswastaan** pada tahun 1983. Dalam memperkemaskan peranan sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan ekonomi **Dasar Pensyarikatan**

**Malaysia** juga diperkenalkan dalam tahun 1983. Ianya bertujuan mewujudkan kerjasama dan saling membantu antara sektor awam dan swasta, di mana sektor awam membantu menjayakan rancangan dan projek-projek sektor swasta. Hasilnya Kerajaan akan memperolehi cukai pendapatan dari keuntungan syarikat yang dikutip.



*Perasmian Cyberjaya di Putrajaya pada Julai 1999.*

Sebagai Ketua Eksekutif "***Malaysia Incorporated***" Tun Dr. Mahathir menentukan yang persaingan tidak berlaku di antara sektor swasta dan pihak Kerajaan. Dasar tersebut dilaksanakan melalui penubuhan sebuah Panel Perundingan Perniagaan, ceramah-ceramah dan penempatan sementara pegawai-pegawai untuk berkerja dengan syarikat-syarikat swasta. Kerjasama yang erat melalui dialog, mesyuarat dan sebagainya telah dapat mengurangkan rungutan dan aduan mengenai kelewatan memproses dan kelulusan permohonan, karenah birokrasi dan seterusnya memberi layanan yang lebih mesra kepada syarikat-syarikat dari dalam dan luar negeri. Asas yang diletakkan ini telah membolehkan sektor swasta berkembang maju dan seterusnya menerajui pertumbuhan ekonomi negara. Di samping itu, liberalisasi garis panduan pemegangan ekuiti telah menggalakkan kemasukan dengan pesatnya pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia.

Penubuhan **Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN)** adalah merupakan langkah penting dalam meletakkan pembangunan ekonomi Malaysia di atas landasan yang betul bagi menentukan kemantapan, ketahanan dan daya saing untuk tempoh jangka masa panjang diperolehi. Perlaksanaannya membolehkan impian rakyat pelbagai kaum digabungkan dalam pembentukan dasar-dasar ekonomi yang berasaskan perbincangan, rundingan dan input-input berkesan dari pakar-pakar yang dilantik atas kebolehan mereka sendiri. Pemerintahan beliau telah menyaksikan sambungan **Dasar Ekonomi Baru (1970 –1990) perlaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000)** dan kini **Dasar Pembangunan Wawasan (2001 – 2010)**.

## Dekad 90an - Melangkah Kehadapan Dengan Wawasan 2020

Dekad 80an telah menyaksikan yang negara menghadapi kemelesetan ekonomi dalam tahun 1985/86, di mana ianya telah meletakkan asas-asas kukuh kepada sektor swasta untuk menjadi peneraju kepada pertumbuhan ekonomi dan seterusnya pengurangan secara berperingkat-peringkat peranan Kerajaan dalam kegiatan ekonomi, khususnya yang bersaing terus dengan sektor swasta. **Dasar Penswastaan** diperkukuhkan dengan pelancaran **Pelan Induk Perindustrian (1986 – 1995)** dan **Pelan Induk Perindustrian Kedua (1996 – 2005)**. Di samping itu, industri berat dan strategik terus mendapat bantuan, sementara langkah-langkah khusus dibuat bagi menggalakkan **Industri-industri Kecil dan Sederhana (IKS)** yang pada masa ini menjadi tunjang sektor pembuatan negara.

Di samping pembangunan ekonomi dan kewangan, pembangunan institusi dan pentadbiran juga diberikan perhatian. Ini termasuk pembinaan pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan yang baru di **Putrajaya** yang kini sedang membangun dengan pesat. Dalam pada itu, beliau telah berjaya melaksanakan projek-projek prasarana yang besar seperti **Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), KLCC**, pelabuhan-pelabuhan dan lebuhraya yang kini menjadi mercu tanda, merobah lanskap dan seterusnya menjana pertumbuhan ekonomi negara. Syarikat-syarikat tempatan yang melaksana projek-projek mega tersebut kini telah menjadi syarikat-syarikat besar yang mampu bersaing dengan syarikat-syarikat ternama asing di luar negara.

Asas-asas kukuh yang diletakkan dalam dekad 80an telah membolehkan negara bergerak maju dengan yakin dalam dekad 90an. Negara telah berjaya melaksanakan projek-projek prasarana yang besar sebagai penyediaan asas kepada pertumbuhan ekonomi dan pembentukan kapasiti dalam menjana kekayaan ekonomi negara masa hadapan. Pensyarikatan Malaysia dan Dasar Penswastaan digabungkan secara bersama dengan keperluan pengagihan ekuiti dalam usaha mengurangkan jurang pendapatan dan kadar kemiskinan.

Intipati kepada tindakan yang diambil adalah terkandung dengan jelas dalam Wawasan 2020 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Februari 1991. Ianya bermatlamat menjadikan Malaysia negara maju dalam segala aspek ekonomi, politik, sosial, rohani, psikologi dan kebudayaan mengikut acuan atau cara kita sendiri. Pembangunan sumber manusia adalah input terpenting melalui peningkatan kemahiran dan kebolehan menerima perubahan-perubahan dan kemajuan baru, di samping menekankan tentang pentingnya fleksibiliti dan pragmatism.



Wawasan 2020 menekankan tentang betapa penting dan perlunya rakyat Malaysia terus bersatu padu, berusaha secara aktif menyesuaikan diri dengan arus perdana globalisasi, deregulasi dan liberalisasi yang melanda ekonomi dunia. Kemajuan teknologi maklumat dan perhubungan (ICT) dan teknologi-teknologi baru yang

canggih perlu kita pelajari agar negara tidak ketinggalan, di samping kita terus berpegang teguh kepada nilai-nilai murni agama dan kerohanian.




Ekonomi negara berkembang begitu pesat dalam tempoh 1991 – 1997 di mana pertumbuhan ekonomi mencapai purata 9.2 peratus setahun, dengan gunatenaga penuh dan kadar inflasi pengguna yang rendah. Kadar tabungan swasta adalah yang antara yang tertinggi di rantau Asia, sementara hutang luar jangka pendek negara adalah paling rendah. Di sektor kewangan, sistem perbankan adalah kukuh, sementara pasaran modal menunjukkan harga saham dan nilai pemodalan pasaran yang tinggi. Dalam pada itu, petunjuk-petunjuk sosial dan kesejahteraan terus menunjukkan peningkatan mencerminkan peningkatan dalam kualiti taraf hidup rakyat keseluruhannya.

## Krisis Kegawatan Ekonomi 1997/98

Krisis kegawatan ekonomi yang melanda negara dengan teruknya dalam tahun 1997/98 telah mengasak kepimpinan Perdana Menteri dan menguji tahap pemikiran beliau dalam menghadapi kejutan buruk luar, terutamanya dari serangan penyangak mata wang asing. Bagaimanapun, asas-asas kukuh ekonomi negara telah membolehkan kita menghadapi kejutan luaran tersebut dengan yakin dan begitu berani sekali berbanding dengan negara-negara lain yang juga dilanda krisis yang sama. Kita telah mengambil langkah-langkah drastik untuk melindungi kepentingan ekonomi negara dan menjaga keutuhan kerangka sosial memandangkan rakyat negara kita yang berbilang kaum dan suasana ekonomi yang begitu kompleks. Ianya dilaksanakan tanpa menjejaskan sedikit pun kepentingan rakyat di negara lain.

**Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)** ditubuhkan pada bulan Januari 1998 dengan dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri, di mana langkah-langkah bagi mengatasi krisis kegawatan ekonomi dibincangkan dan seterusnya **Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN)** dilancarkan pada bulan Ogos 1998. Dalam pada itu, beliau sendiri



mempengerusikan Jawatankuasa Exco MTEN yang bermesyuarat pada setiap hari semasa krisis dengan mengambil pendekatan *hands on* dan pemerhatian terperinci perkembangan petunjuk-petunjuk ekonomi dan seterusnya membuat keputusan dasar.

Di peringkat awal, beliau mencuba dasar-dasar konvensional yang disarankan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tanpa mendapatkan bantuan kewangan, tetapi kita masih gagal menstabilkan pasaran saham dan tukaran asing yang seterusnya menjejaskan kedudukan ekonomi negara. Dengan pendekatan dasar yang sentiasa fleksibel dan pragmatik, Malaysia telah melaksanakan langkah kawalan keluar masuk modal jangka pendek dan menetapkan nilai ringgit kepada RM3.80 bagi satu dolar Amerika Syarikat. Di samping langkah penstabilan pasaran kewangan, langkah-langkah penyesuaian dan penyusunan semula ekonomi dilaksanakan dengan penubuhan **Danamodal, Danaharta** dan **Jawatankuasa Penstrukturan Hutang Korporat (CDRC)**.

Tanpa menerima bantuan IMF, kita telah dapat membebaskan diri dari dibelenggu dengan syarat-syarat ketat mereka yang membawa kepada kemusnahan seperti yang berlaku di Indonesia, Rusia dan Argentina pada masa ini. Kemerdekaan dan kedaulatan yang dipertahankan dengan gigihnya oleh YAB Perdana Menteri dengan mengambil langkah proaktif menerangkan dengan sendiri kepada pelabur-pelabur, pengurus dana dan pakar-pakar kewangan di institusi kewangan dunia melalui roadshows, penulisan makalah dan temuramah telah dapat memulihkan kembali kestabilan ekonomi negara.

Pertumbuhan ekonomi negara yang menguncup kepada tahap 7.4% dalam tahun 1998 kembali meningkat mencapai 6.1% dalam tahun 1999 dan seterusnya 8.3% dalam tahun 2000. Kadar inflasi dan pengangguran terus menunjukkan prestasi yang rendah dan tidak membebankan rakyat. Pengalaman yang diperolehi telah membolehkan kita mengatasi kesan kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat dalam tahun 2001 dan seterusnya mengelak negara dari terjebak dengan kesan serangan 11 September 2001 yang menjejaskan pertumbuhan ekonomi dunia.

Pada tahun ini, ekonomi negara dijangka berkembang pada kadar 3.5% berbanding dengan pertumbuhan yang begitu perlahan sebanyak 0.4% dalam tahun 2001. Walaupun ransangan fiskal terus memainkan peranan dalam menjana pertumbuhan ekonomi, Kerajaan akan terus menentukan yang perbelanjaan swasta khususnya penggunaan dan pelaburan berkembang pesat dan seterusnya kembali menjadi penjana kepada pertumbuhan ekonomi seperti yang berlaku dipertengahan dekad 90an. Pemulihan semula ekonomi dunia, khususnya di Amerika Syarikat dan permintaan dalam negeri yang semakin kukuh akan menolong meransang pertumbuhan ekonomi pada tahun ini dan seterusnya menjana peningkatan dalam pendapatan isirumah dan taraf hidup rakyat keseluruhannya.



## Malaysia Sebagai Negara Contoh

Kita sungguh bertuah kerana dengan usaha gigih yang tidak kenal penat lelah yang ditunjukkan oleh Tun Dr. Mahathir, Malaysia telah bertukar menjadi sebuah negara yang maju ekonominya, bersatu padu, aman dan makmur dalam tempoh yang kurang dari tiga dekad. Ini dapat dinilai melalui pelbagai petunjuk-petunjuk utama ekonomi dan kesejahteraan sosial. Di samping penilaian berbentuk kuantititatif seperti pertumbuhan KDNK, KNK per kapita, kadar celik huruf, jangka hayat dan sebagainya, petunjuk-petunjuk lain yang berbentuk kualitatif, terutamanya dari segi peningkatan nama baik, kemashyuran dan imej baik Malaysia di persada antarabangsa dan kebolehan Malaysia menjayakan beberapa persidangan dan acara-acara utama antarabangsa telah menaikkan nama Malaysia di persada antarabangsa. Di samping itu, kempen kebersihan dan penekanan kepada penjagaan alam sekitar, keharmonian rakyat dan kepelbagaian kehidupan telah dapat menarik pelancong-pelancong luar berkunjung ke Malaysia dengan jumlah yang begitu besar.



*Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama Gabenor Bank Negara di Majlis Pelancaran Duit Syiling Kijang Emas.*

Dengan usaha gigih Tun Dr. Mahathir, Malaysia kini telah menjadi negara membangun dan negara contoh di dunia. Melalui peranan dan kegiatan aktif yang beliau curahkan dalam persidangan kerjasama ekonomi antarabangsa seperti dalam ASEAN, APEC, OIC dan sebagainya, pandangan Malaysia kini dianggap penting kerana Tun Dr. Mahathir begitu berani sekali menyuarakan hasrat dan cita-cita negara-negara membangun. Tun Dr. Mahathir adalah pemimpin ulung pada masa ini yang sering memperjuangkan isu-isu penting semasa yang dihadapi oleh rakyat miskin dan tertindas di negara-negara membangun. Beliau juga mengambil peranan aktif dalam Forum Ekonomi Dunia, Persidangan Komonwel dan Persidangan Pertubuhan Islam Antarabangsa. Walaupun saranan dan pandangan beliau dianggap kontoversial diperingkat awalnya, tetapi pada akhirnya ianya diterima dengan baik setelah melihat kejayaan dan hasilnya.

Semasa perasmian Seminar Antarabangsa Pasaran Modal Islam pada 26 Mac 2002 yang lalu, beliau dengan berani mencadangkan penggunaan **Dinar Emas** yang mempunyai nilai intrinsik sebagai mata wang bagi urusan pembayaran perdagangan antarabangsa dan sistem pemindahan dana (*trade settlements and fund transfer system*), samada dua hala dan pelbagai hala antara negara. Ini tentunya akan menarik banyak kritikan dan



*Tun Dr. Mahathir Mohamad Menyambut Jacques Chirac, Presiden Perancis pada Julai 2003 di Kompleks Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya Sempena Lawatannya ke Malaysia.*

pandangan serong, khususnya dari pihak barat yang mengganggap matawang berasaskan komoditi adalah "*barbaric relic*". Tetapi sebelum mengumumkannya, beliau telah pun membuat perbincangan dan kajian terperinci dengan mengkaji mekanisma sistem penjelasan tersebut secara praktik, dimana ianya adalah *viable*.

Saranan beliau ini juga dapat dilihat sebagai memperlengkapkan lagi sistem kewangan Islam yang beliau sendiri mengasaskannya semenjak tahun 1983, khususnya melalui penubuhan **Bank Islam** yang pertama di Malaysia. Kini perbankan Islam dan industri takaful berkembang pesat, sementara pasaran wang antara bank Islam dan pasaran modal Islam juga berkembang pesat, terutamanya sekuriti hutang Islam. Malaysia adalah dikira paling terkehapadan dalam perlaksanaan sistem kewangan Islam. Saranan beliau akan memperlengkapkan lagi pasaran kewangan Islam diperingkat antarabangsa yang kini 80% adalah bersandarkan dolar kertas Amerika Syarikat sementara peratusan besar urusniaga mata wang adalah bagi kegiatan spekulatif.





## Kegiatan Ekonomi di Peringkat Antarabangsa

Sebelum negara-negara di rantau Asia mengalami krisis kegawatan ekonomi, beliau telah mencadangkan penubuhan **Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG)** dimana ini telah dianggap sebagai saingan kepada Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), NAFTA dan Kesatuan Eropah (EU). Saranan tersebut telah diketepikan oleh negara-negara maju Asia sendiri, seperti Jepun dan Korea Selatan. Tetapi, saranan beliau terbukti jelas perlu selepas negara-negara Asia Timur, khususnya Korea Selatan, Thailand dan Indonesia mengalami kesan *contagion* kegawatan ekonomi berikutan dari serangan spekulatif penyangak-penyangak matawang asing yang menghakis kekayaan yang mereka bina sebelum ini. Dengan suasana ekonomi Jepun yang begitu tenat pada masa ini dan kesan buruk dari kegawatan bagi negara-negara Asia yang lain, kepentingan untuk mengadakan kerjasama tersebut menjadi lebih terdesak dan diperlukan, terutamanya dengan penyatuan ekonomi dan kewangan negara-negara di sebelah Eropah dan perluasan NAFTA di Amerika Utara dan Selatan.

Tun Dr. Mahathir tidak segan silu menekankan betapa perlunya kerangka sistem kewangan dunia diperkemaskan lagi bagi kepentingan negara-negara miskin, khususnya dengan mengharamkan urusniaga spekulatif mata wang oleh para spekulator yang menjejaskan ekonomi negara-negara membangun yang miskin. Beliau menyarankan yang mata wang hendaklah digunakan untuk tujuan produktif pembangunan sebenar ekonomi dan kesejahteraan, dan bukannya alat urusniaga yang menjahanam dan menjejaskan kedaulatan negara miskin dunia ketiga.

Di bawah teraju kepimpinan Tun Dr. Mahathir, Malaysia memainkan peranan penting melalui **Kerjasama Negara Selatan-selatan** dengan pelbagai program dan strategi dimana usaha-usaha ditumpukan kepada memakmurkan negara jiran dan rakan dengan pendekatan "*prosper-thy-neighbour*". Negara-negara yang telah maju hendaklah lebih prihatin kepada keperluan negara-negara jiran mereka yang lebih miskin dengan melaksanakan dasar-dasar yang tidak menjejaskan suasana perniagaan dan merencatkan prestasi pembangunan ekonomi negara-negara jiran dan rakan perdagangan.







## Kesimpulan

Di dalam menilai pemikiran Tun Dr. Mahathir dan sumbangannya kepada rakyat Malaysia dan dunia amnya, kita perlu melihatnya dalam perspektif jangka masa yang panjang, khususnya sepanjang tempoh pemerintahan beliau dan juga masa hadapan. Sebahagian dari pemikiran beliau hanya akan dapat dinilai setelah beliau meninggalkan kita, khususnya dari segi pencapaian matlamat Wawasan 2020, iaitu untuk 18 tahun yang akan datang.

Secara amnya, beliau mempunyai wawasan besar, berpengalaman luas sebelum beliau memegang tampuk pemerintahan, mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi, berdisiplin dan sanggup meluangkan masa mempelajari ilmu-ilmu baru yang dapat dimanfaatkan bagi kemajuan dan pembangunan ekonomi negara. Ini termasuk penggunaan teknologi baru dan juga kemudahan perhubungan yang canggih, disamping sanggup turun ke padang melihat sendiri masalah dan keperluan rakyat, termasuk ke Kutub Selatan di Antartika.

Di samping itu, beliau mempunyai keberanian tersendiri dalam menghadapi banyak suasana kegetiran, berfikiran *lateral* pelbagai dimensi dan tidak tertakluk kepada cara konvensional, samada teori atau fakta pemikiran sejagat. Keputusan-keputusan yang diambil oleh beliau kebanyakannya adalah melalui perbincangan terperinci dan mendapatkan *consensus* dahulu sebelum dilaksanakan. Ini adalah selaras dengan pendekatan Musyawarah yang dianjurkan dalam Syariat Islam. Dengan kebolehan berkomunikasi yang baik, beliau secara mudah dan mesra memperolehi mandat dari rakyat dalam menjayakan idea-idea dan pemikiran murni beliau untuk dilaksanakan.







# PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGENAI ISLAM

Dato' Dr Ismail bin Hj Ibrahim
Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

Satu subjek yang amat diminati oleh Tun Dr. Mahathir ialah masalah Islam dan umatnya. Beliau semenjak daripada permulaan kerjayanya di dalam bidang politik telah sering berbicara tentang Islam dan umatnya, iaitu dengan memberikan pandangan dan analisisnya secara kritikal tentang isu-isu yang dihadapi oleh umat Islam, cabarannya dan bagaimana permasalahan umat Islam seharusnya ditangani dan diusahakan dengan bersungguh-sungguh untuk diselesaikan. Di peringkat nasional dan antarabangsa Tun Dr. Mahathir sering menyatakan kebimbangannya tentang elemen-elemen yang membawa kepada perpecahan umat Islam, kemunduran mereka di dalam bidang ilmu pengetahuan, perekonomian, keruntuhan moral dan sebagainya. Beliau juga amat prihatin tentang keadaan negara Islam yang kaya raya, dengan hasil minyak dan lain-lain, tetapi tidak dapat menggunakan kekayaan itu dengan sebaik-baiknya untuk mempertingkatkan prestasi dan kekuatan umat dalam dunia global dan maju ini.

Ketika berucap di Sidang Kemuncak Negara-Negara Islam yang dihadiri oleh 56 ketua negara Islam di Doha pada 12 November, 2000, Tun Dr. Mahathir antara lain menyentuh isu kelemahan negara-negara Islam dalam menghadapi penjajahan Zionisme Yahudi, iaitu dengan berkata :

> *"Sadly, Muslim Countries, representing more than a third of the membership of the United Nations, watch helplessly Palestinians... . Such is the dire state of Muslim countries that we are unable to respond effectively to the challenge posed by the cowardly acts of Israel. Not only are the Palestinians under assault, so are Muslim Muslim honour and unity".*

Kekejaman dan tindakan golongan Zionist Yahudi yang menindas dan menjajah rakyat Palestin sehingga berjaya mengawal pergerakan Presidennya, Yasser Arafat, dan kepungannya ke atas kediaman Presiden itu akhir-akhir ini menjadi simbol kelemahan dan penghinaan umat Islam seluruh dunia, iaitu yang amat menjatuhkan maruah serta kewibawaan umat, yang sekaligus turut menjatuhkan imej Islam itu sendiri di mata dunia.



*Upacara Pecah Tanah Muzium Islam Malaysia pada Mei 1997.*

Tun Dr. Mahathir sering membicarakan punca kelemahan umat Islam iaitu akibat dari kelemahan politik, ilmu pengetahuan dan ekonomi. Dengan itu negara-negara Islam yang kaya dan umatnya yang berjumlah lebih satu billion itu menjadi umat yang sentiasa bergantung kepada kuasa asing dan tidak mempunyai kebebasan sendiri.



*Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama rakyat pelbagai kaum di rumah terbuka Hari Raya Perdana Menteri Malaysia.*

Keadaan inilah yang menjadikan negara-negara Islam itu tidak mencapai tahap kemerdekaan sepenuhnya, malahan masih dijajah oleh penjajahan bentuk baru. Tun Dr. Mahathir menjelaskan hal ini ketika berucap di dalam simposium anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan *Oxford Centre for Islamic Studies* di Petaling Jaya pada 25 April, 1997 Katanya:

*"Today, there is not a single Muslim national that can be classified as developed, although a number of them are very wealthy, endowed with natural resources. But almost all are lagging behind in modern knowledge, technological skills and, in many instances, effective government. In fact, a state of near-anarchy prevails in quite a number of countries. By no criteria can any of these countries be classified as developed. Poverty, ignorance and instability have become such common features in Muslim nations that it is assumed that these are a natural consequences of following the teachings of Islam."*

*"It is therefore not surprising that today the world associates Islam with backwardness. This angers many Muslim. They think that it is an unfair judgment. They are right, of course. It is unfair. It is not due to the teachings of Islam. But the fact remains that the Muslim nations are poor, backward, weak, disunited and dependent on non-Muslims for all kinds of things, including their own security and the continued existence of Islam itself."*

Pendirian beliau yang amat konsisten ini dapat difahami oleh seluruh masyarakat dunia, baik pun dunia Islam, Eropah dan Amerika, sehingga dengan itu beliau merupakan satu-satunya pemimpin Islam yang sanggup berbicara tentang umat Islam dan negaranya secara lantang dan berterus terang. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan-kenyataan yang pernah dikeluarkan oleh kalangan umat Islam di seluruh dunia, termasuk kenyataan Menteri Luar Palestin dan beberapa orang perwakilan lain, ketika berlangsungnya Persidangan Khas Menteri-Menteri Luar Negara *Organization of Islamic Countries (OIC)* tentang keganasan di Kuala Kumpur pada 1–3 April, 2002 di Kuala Lumpur yang dihadiri oleh 52 negara Islam daripada 56 negara anggota OIC. Para perwakilan telah meletakkan harapan yang besar agar Malaysia, terutamanya Tun Dr. Mahathir sendiri akan dapat menggunakan pengaruhnya untuk memberikan definisi dan gambaran yang jelas tentang keganasan, terutamanya kepada Amerika Syarikat dan dunia Barat umumnya yang sering mengaitkan isu keganasan dengan Islam dan umatnya.



Isu kemunduran dan kelemahan umat Islam berpunca daripada krisis dalaman umat Islam dan permainan politik kuasa besar dan negara-negara maju yang mengeksploitasi krisis tersebut untuk kepentingan mereka. Proses globalisasi umpamanya telah meletakkan negara Islam di dalam perangkap negara maju seperti yang dijelaskan oleh Tun Dr. Mahathir di dalam ucapannya di Persidangan Kemuncak Yang Ke-2 Kumpulan D8 (8 buah negara membangun Islam) yang berlangsung di Dhaka, Bangladesh pada 1 Mac, 1999 ketika beliau menyatakan pandangannya seperti berikut :

> *"Globalisation assumes many forms. When we agreed to globalisation, we thought that we would be able to share the wealth and technology of the rich countries. But the rich countries are actually thinking about how globalisation would enable them to exploit the untapped resources of the poor countries by using their huge capital and sophisticated technology. The attack on the currencies of Thailand, Indonesia, South Korea and Malaysia is just one example of how they exploit globalisation. Even though exploiting the poor to enrich themselves cause more poverty and misery, so long as it is done in the name of globalisation, it is considered fair and proper."*

dan:

> *"Currency speculation and stock-market raids are just the beginning. We can be assured that newer interpretations of globalisation will be made which open up newer ways for the exploitation of the poor by the rich."*

Negara-negara Islam dalam menghadapi arus globalisasi ini kelihatan amat kebingungan dan cemas kerana dilanda krisis identiti, kurang keyakinan diri dan tidak mampu menghadapi arus eksploitasi yang amat deras itu, sehingga terdapat negara-negara Islam yang menyerah kalah dan tunduk di bawah telunjuk negara-negara maju yang mencetuskan gagasan globalisasi itu. Tun Dr. Mahathir menyebut hal ini di dalam Persidangan Kemuncak Yang Ke-2 Kumpulan D8 dengan berkata:

*"While the exploitation takes place, the developing Muslim nations are struggling to cope with ideologies and systems of government. We are trying hard to make democracy work, but as soon as we succeed, the goal post is moved or shifted and democracy is reinterpreted. And this is when the Muslim world finds itself unable to cope with the even more liberal interpretations of democracy."*

Contoh-contoh yang saya sebutkan di atas jelas membayangkan pemikiran Tun Dr. Mahathir yang mendahului para pemimpin dunia Islam dan negara-negara membangun umumnya dalam memahami isu global yang banyak sekali membawa cabaran kepada pembangunan dunia Islam, dan sekaligus mencabar kemerdekaan dan kewibawaan negara-negara Islam yang mengakibatkan pencemaran imej Islam dan umatnya.

Cetusan rasa dan idea yang dikeluarkan oleh Tun Dr. Mahathir sejak beberapa lama sebenarnya telah mendahului sejarah dan peristiwa yang dialami umat Islam pada masa ini. Penonjolan Tun Dr. Mahathir tentang imej Islam dan umatnya yang sentiasa dipandang rendah kerana kemunduran dan ketinggalannya di dalam segala bidang kemajuan di dunia ini telah menjadi kenyataan dengan penindasan dan permusuhan yang ditujukan kepada umat Islam dalam peristiwa Bosnia Herzegovina, rakyat dan negara Palestin, dan peristiwa 11 September, yang mengakibatkan seluruh dunia Islam dan umatnya di mana saja mereka berada dipandang dengan pandangan jelek dan hina, serta dibenci dan disumpah secara berterusan.

Pengiktirafan antarabangsa terhadap pemikiran Tun Dr. Mahathir amat terserlah sekali, terutamanya ketika beliau sering menggunakan forum-forum dunia, seperti persidangan OIC, Bangsa-Bangsa Bersatu, G-8 dan sebagainya untuk menyuarakan secara konsisten pandangannya tentang dunia Islam dan umatnya, serta mengemukakan kesimpulan dan cadangan-cadangannya bagaimanakah menghadapi cabaran-cabaran semasa yang sering dihadapi umat Islam. Ketika berucap di Universiti Al-Azhar pada 10 Mei, 1998 semasa menerima ijazah kehormat Universiti tersebut, Tun Dr. Mahathir menyatakan kesimpulannya tentang Islam dan umat Islam yang sering disalahtafsirkan oleh pihak musuh-musuh Islam dan golongan-golongan yang berkepentingan karyanya:

*"... I hold very strongly to my religion and I regret the perceptions of it by both the Muslims and non-Muslims which have led to Islam and Muslims being vilified, being associated with unsavoury activities and even made fun of. All these perceptions and vilifications are due not to Islam itself but to the interpretations given to it by Muslims and non-Muslims with vested interests, wanting to justify the wrongs that they have done or intend to do. Islam is a perfect religion, but we are not perfect. It is our imperfections and refusal to adhere to the true teachings of Islam that have led to the decline and to the unfortunate circumstances that Muslims worldwide are in today."*



Pengalaman peribadi saya dengan pemikiran Tun Dr. Mahathir tentang Islam sejak sekian lama memberi gambaran yang jelas kepada saya tentang keiltizaman (*consistency*) persepsi dan tanggapannya tentang imej Islam dan permasalahan yang dihadapi oleh kerajaan dan umat Islam sejak kejatuhan tamadun Islam akibat dari krisis dalaman dan tekanan penjajahan Barat ke atas dunia Islam.

Ketika beliau mengemukakan cadangannya untuk menubuhkan Institut Kefahaman Islam di negara kita pada tahun 1991, beliau secara peribadi telah mengemukakan idea penubuhannya kepada saya agar ditekankan tentang agenda kefahaman Islam yang global dan universal di kalangan orang-orang Islam dan bukan Islam. Masalah yang dihadapi oleh Islam dan umatnya ialah masalah kefahaman yang luas tentang Islam dan ajarannya yang komprehensif sebagai satu cara hidup yang lengkap.

Orang-orang Islam melihat dan memahami Islam sebagai satu "ritual" yang menyentuh sebahagian kecil kehidupan mereka, tetapi tidak dapat melihat Islam sebagai satu sistem yang menyeluruh untuk pembangunan mereka dalam segala cabang ilmu pengetahuan, sains dan teknologi, ekonomi, politik, sosial dan sebagainya.

Orang-orang bukan Islam pula mempunyai persepsi yang negatif terhadap Islam akibat daripada - kempen-kempen memburukkan Islam secara yang amat teratur yang dilakukan oleh media Barat, iaitu dengan memperbesar-besarkan senario pertelagahan dan krisis dalaman umat Islam yang membawa kepada pertumpahan darah sesama sendiri dan perpecahan yang berlarutan.

Orang Islam juga digambarkan sebagai umat yang ganas dan radikal, mundur dan terkebelakang kerana ajaran Islam yang didakwa kononnya tidak mendorong umat Islam bagi mencari kemajuan di dunia ini. Hal ini amat mempengaruhi persepsi orang bukan Islam tentang Islam dan umatnya yang sememangnya dapat mereka saksikan hakikat yang digambarkan itu di dalam realiti masyarakat Islam sendiri.






*Tun Dr. Mahathir Mohamad Berucap Di Majlis Perasmian Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam 2002 di Melaka.*

Tun Dr. Mahathir merasakan bahawa sekurang-kurangnya kita haruslah berusaha mengikis persepsi negatif terhadap Islam dengan memberikan gambaran yang sebenar tentang ajaran Islam dan menunjukkan contoh serta model orang Islam di negara kita sebagai satu set umat yang memahami dan menghayati ajaran Islam untuk kemajuan dunia dan akhirat maka dengan itu kita akan dapat memprojekkan Islam dalam imej yang progresif, dinamik dan maju.

Kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dalam memprojekkan imej positif tentang Islam dan umatnya di negara kita, maka kita telah benar-benar dapat menunjukkan model yang baik bagi pembangunan Islam dan umatnya, iaitu dengan kemajuan yang dicapai oleh orang-orang Islam di Malaysia dalam bidang ekonomi dan industri, teknologi dan ilmu pengetahuan yang lain, di dalam bidang politik dan peningkatan taraf hidup rakyat umat Islam, juga dalam pembangunan wanita Islam yang berketrampilan dalam pelbagai bidang kehidupan, dan dalam masa yang sama mereka dapat mempertahankan maruah dan kehormatan mereka sebagai golongan yang komited terhadap ajaran Islam.

Sistem pemerintahan negara kita juga sebenarnya telah banyak menolong pembangunan Islam dalam bentuknya yang global dan universal. Sistem berkongsi kuasa dalam pemerintahan di antara orang Islam dan bukan Islam, pengagihan kekayaan yang sama rata, pemberian tempat yang sejajar kepada wanita, perlindungan terhadap kaum minoriti walau sekecil mana sekalipun kaum minoriti itu, semuanya ini menggambarkan toleransi dan keadilan pemerintahan yang diterajui oleh umat Islam, dan sejajar dengan ajaran Islam sendiri yang berdasarkan hidup bersama secara aman dan produktif di antara semua rakyat tanpa mengira latar belakang etnik dan agama.

Hal ini diperkuatkan lagi oleh pucuk pimpinan negara, terutamanya pada era Tun Dr. Mahathir yang terus membangun negara ini berdasarkan Perlembagaan Malaysia yang telah memberikan status yang tinggi kepada Islam sebagai agama negara.

Tun Dr. Mahathir dalam menerajui negara ini terus menerus mencari wadah untuk membangunkannya menjadi negara maju di bidang ekonomi dan perindustrian menjelang tahun 2020. Dengan itu beliau mengemukakan Wawasan 2020 yang pada dasarnya memerlukan pembangunan negara berasaskan nilai-nilai moral, etika dan agama. Dalam suratnya kepada saya bertarikh 22 Julai 1991, beliau telah memberikan satu komen yang menjadi prinsip beliau tentang kepentingan penghayatan Islam dalam realiti hidup kita daripada hanya memukul gendang raya tentang Islam, tetapi kehidupan kita semakin bertambah mundur dan ketinggalan. Gambaran Islam secara retorik inilah yang seharusnya dijauhi dalam zaman yang serba mencabar.

Keprihatinan Tun Dr. Mahathir, tentang pembangunan umat dalam pendidikan juga yang mendorong beliau menghadiri Kongres Pendidikan Islam Sedunia yang berlangsung di Universiti King Abdul Aziz, Makkah al-Mukarramah atas sifatnya sebagai Menteri Pendidikan ketika itu. Rumusan kongres tentang konsep pendidikan Islam secara sepadu yang menggabungkan ilmu wahyu dan ilmu akli mendorong beliau menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa yang menjadi kenyataan pada awal tahun 1983. Atas nama Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, saya telah memberikan beberapa cadangan balas terhadap penubuhan Universiti tersebut, dan seperti biasa Tun Dr. Mahathir amat positif dalam menerima dan memberikan pertimbangan terhadap pandangan pihak lain.


Masjid Putrajaya

## Kesimpulan

Untuk menggambarkan secara keseluruhan pemikiran Tun Dr. Mahathir tentang Islam tentulah mengambil ruang dan masa yang panjang. Tetapi memadailah jika disebutkan di sini bahawa pemikiran beliau tentang Islam dan umatnya amatlah jelas dari awal-awal lagi, iaitu ketika beliau mula berbicara dengan penuh minat tentang Islam dan umatnya sebagai seorang penulis sekitar tahun 1970, pemikir dan pemimpin negara ketika beliau menceburkan diri sepenuh masa sebagai ahli politik pada tahun 1974.

Perbicaraannya tentang kehidupan umat yang seharusnya diwarnai oleh keharmonian, adab sopan dan beretika, serta pembangunan Islam sendiri yang seharusnya dibina secara konkrit dan praktikal, merupakan di antara pandangannya yang berjaya dihayatinya atas sifatnya sebagai individu atau sebagai pemimpin yang berjaya mencorakkan pembentukan negara dan rakyatnya yang dinamik seperti yang dapat disaksikan dalam era pemerintahannya.

Visi beliau dalam menangani isu keganasan dan kekerasannya umpamanya telah lama mendahului segala macam tindak dan pemikiran pemimpin lain selepas peristiwa 11 September. Beliau telah memberikan pentafsiran yang cukup jelas tentang keganasan dalam ucapannya pada 1 April, 2002 yang lalu. Sesungguhnya tidak ramai pemimpin yang berani bercakap demikian. Tetapi Tun Dr. Mahathir tetap jujur dengan prinsipnya.

# PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGENAI SAINS & TEKNOLOGI

Haji Abdullah Kadir Bacha
Chief Knowledge Officer
Multimedia Development Corporation ( MDC )

Tun Dr. Mahathir adalah seorang yang amat berminat dalam bidang sains dan teknologi. Kecenderungannya sejak zaman kanak-kanaknya terbukti apabila mengambil aliran sains di Maktab Sultan Abdul Hamid sebelum melanjutkan pelajarannya dalam bidang perubatan.

Beliau pernah mengakui bahawa pendidikan dalam bidang perubatan banyak membantu beliau dalam karier politik dan pentadbiran negara. Beliau berpendapat bahawa sains dan teknologi mempunyai peranan yang sangat luas untuk pembangunan manusia sejagat dan sains adalah prasyarat kepada segala usaha manusia. Petikan ucapan dibawah jelas menunjukkan pendapat akan pendirian beliau:

> *" Dalam erti kata yang amat luas sains ialah kaedah sistematik penghuraian dan pangawalan dunia yang rasional dan adalah kajian hukum alamiah sejagat. Perkembangan hukum, teori dan prinsip sains sepanjang 6000 tahun yang lalu ialah hasil minda manusia dalam usaha menimba ilmu dan mencari kebenaran. Sains tidak mencipta, tetapi menukar apa yang sedia wujud. Kita seharusnya melihat ilmu dan sains sebagai prasyarat segala usaha manusia".*

Menurutnya lagi, sains dan teknologi, malahan keseluruhan spektrum ilmu mestilah dikembang dan digunakan sebagai alat untuk memenuhi aspirasi ke arah keamanan, kemakmuran, perpaduan dan keadilan untuk semua. Beliau juga menyuarakan bahawa Malaysia menyanjung tinggi peranan sains dan teknologi dalam kemajuan. Beliau percaya bahawa sains dan teknologi tidak sepatutnya digunakan bagi kemajuan material sahaja tetapi juga untuk peningkatan kualiti hidup, kedamaian keharmanian rakyat Malaysia dan juga perhubungan dengan negara-negara lain.

Sains & teknologi telah memainkan peranan sangat penting dalam merealisasikan sesebuah negara. Beliau juga mengatakan bahawa kuasa teknologi boleh dibeli dan sebagainya tetapi sekiranya rakyat tempatan tidak bersedia untuk menerima sehingga bilapun proses ini tidak dapat dilaksanakan dengan usaha yang gigih. Tun Dr. Mahathir percaya bahawa " tidak ada apa-apa yang sukar atau ajaib tentang sains mahupun teknologi. Jika kita berusaha denagan gigih tidak mustahil bagi kita untuk menguasai sains malahan untuk membina kapal angkasa atau roket".







Misteri sains harus dilenyapkan dengan mendedahkan rakyat Malaysia yang cukup sederhana pengetahuan sainsnya kepada asas bagi kejadian sehari – hari boleh dicapai melalui pendedahan yang tidak formal kepada bahan pameran di pusat – pusat sains, kebun bunga dan zoo, muzium sains dan planetarium. Pendedahan ini harus dilakukan seawal mungkin dalam kehidupan seseorang. Dengan cara ini akhirnya rakyat Malaysia akan terdiri daripada sebilangan besar warganegara yang mempunyai ingin tahu dan minat mencari dan mengkaji persekitarannya. Dengan kata lain, rakyat Malaysia akan menjadi cenderung kepada bidang sains. Berasaskan pemikiran diatas beliau telah meminta pihak pendidik mengubahsuai cara mengajar sains. Disamping itu Pusat Sains Nasional dan beberapa muzium telah ditubuhkan untuk tujuan ini. Para penerbit buku telah diminta mengeluarkan buku – buku untuk kalangan kanak-kanak yang menerangi konsep-konsep sains dengan mudah dalam cara yang menarik.




*Perasmian Infotech 95 di PWTC (Kebangsaan Teknologi Maklumat)*

Beliau pernah mengatakan bahawa tidak ada keajaiban dalam penemuan dan penciptaan yang telah dilakukan oleh golongan genius teknologi. Penemuan ini menjadi nyata dengan mengaplikasikan perinsip sains yang telah diketahui berulang kali tanpa mengira penat lelah sehingga formula yang betul ditemui. Tambahan beliau inspirasi adalah penting tetapi apa yang lebih penting adalah kerja keras. Kita tidak perlu menjadi genius untuk menghasilkan penemuan – penemuan baru dalam sains dan teknologi, cuma kita perlu bersungguh – sungguh dan berdedikasi.

Keperluan pengurusan sumber manusia amat penting memandangkan negara memerlukan golongan sains dan jurutera yang mencukupi kerana sains & teknologi amat penting untuk mewujudkan satu masyarakat saintifik yang progresif. Beliau telah masukkan ini dalam salah satu cabaran dalam Wawasan 2020. Salah satu teras Wawasan 2020 perkara No. 7 adalah:-

> "Mewujudkan masyarakat saintik dan progresif inovatif dan memandang ke depan bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang





*Pelancaran MSC Flagship di Hotel Nikko pada 26 Julai 1997.*

kepada tamadun saintifik dan teknologi masa hadapan Malaysia sepatutnya mempunyai sebilangan saintis yang komited terhadap kerjayanya dan Malaysia bukan sahaja memerlukan pekerja-pekerja yang tahu menggunakan teknologi malah tahu mencipta teknologi baru untuk keperluan industri".

Selepas Tun Dr. Mahathir mengambil alih pentadbiran beberapa langkah penting di ambil serta idea-idea baru dilaksanakan untuk mengembangkan sains dan teknologi. Pada tahun 1986, satu Dasar Sains Negara telah dilancarkan.

Dalam pemerintahan beliau, sains & teknologi ini telah diberi penekanan yang amat penting. Buat kali pertama satu bab khas telah diadakan dalam Rancangan Malaysia yang ke-5 untuk sains dan teknologi, menurut peredaran masa kini, di mana ICT menjadi tumpuan. Dalam rancangan Malaysia ke-8 juga telah diwujudkan bab khas mengenai ICT. Perkara ini jelas menampakkan kesungguhan kerajaan Malaysia dibawah pimpinan Tun Dr. Mahathir untuk mementingkan sains & teknologi dan ICT dalam rancangan pembangunan Malaysia.

Pada masa yang sama satu program juga telah dibuat iaitu "*Intensifed Research in Priority Areas*" (IRPA). Ini adalah untuk memastikan bahawa kajian yang dilakukan diperingkat institusi penyelidikan dan universiti dilakukan untuk memenuhi kehendak industri dan tidak semata-semata untuk penyelidikan akademik. Tun Dr. Mahathir telah menasihati para penyelidik supaya memilih beberapa bidang dan tumpuan yang tertentu dan meminta mereka memberi tumpuan kepada penyelidikan-penyelidikan yang berbentuk aplikasi (*appllied research*) dan bukan kepada penyelidikan yang asli iaitu '*pure research*'. Kepada beliau penyelidikan yang asli itu begitu mahal bagi sesebuah negara membangun seperti Malaysia dan kita tidak mampu melakukannya.

Dia juga banyak menekankan tentang '*autornsted manufacturing*'. Malaysia kini sebuah negara yang kemajuan berasaskan "*manufacturing*". Bagi kita untuk mempertingkatkan lagi daya saing, kita harus mempermodenkan industri pembuatan (*manufacturing*). Beliau juga beberapa kali meminta pihak swasta menyumbangkan lebih banyak kepada R & D. Di Malaysia kebanyakan R&D banyak dilakukan oleh pihak kerajaan dan ini tidak memuaskan. Di negara – negara yang maju, sumbangan pihak swasta kapada R & D adalah lebih tinggi daripada pihak kerajaan dan hasil R & D daripada pihak swasta lebih banyak dikomersilkan bagi faedah mereka.



Antara aspek-aspek yang selalu dipentingkan oleh Tun Dr. Mahathir adalah perkembangan sumber manusia. Adalah penting bagi kita mengeluarkan pekerja yang mahir dan berkebolehan. Selagi rakyat kita tidak dapat menguasai teknologi terkini, kita tidak akan mencapai taraf negara maju. Penguasaan teknologi bukan bermakna mempelajari teknologi daripada luar tetapi ialah penghasilan teknologi sendiri. Untuk ini bilangan universiti, kolej dan sekolah-sekolah teknik, telah dipertingkatkan dengan pesatnya.

Di bawah dasar liberalisasi pendidikan pihak swasta telah dibenarkan membuka kolej dan universiti. Dalam hal ini penekanan beliau ialah bilangan pelajar dalam bidang sains hendaklah 50 peratus iaitu antara 25 hingga 30 peratus. Beliau juga telah meminta universiti – universiti tempatan untuk meningkatkan lagi bilangan pelajar dalam bidang ini. Bilangan pelajar di Singapura adalah 40 peratus manakala pegangan kita cuma 20 peratus sahaja. Bilangan pelajar dalam bidang ini perlu dipertingkatkan ke 35 peratus pada tahun 2010.

Satu lagi strategi yang akan membolehkan Malaysia memperolehi teknologi canggih adalah dengan mengambil alih syarikat teknologi tinggi luar negara. Dengan itu kita bukan sahaja dapat miliki bidang teknologi tinggi tetapi juga syarikat tersebut. Contohnya adalah syarikat terkemuka *Automobile Lotus Engineering United Kingdom* yang kini dimiliki oleh Malaysia. Caranya ini akan membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia didedahkan kepada teknologi canggih dengan cara latihan dan penggunaan teknologi.

Tun Dr. Mahathir sering kali mengamalkan prinsip "*Kepimpinan dan Tauladan* ". Sekiranya beliau berminat dalam sesuatu perkara itu, beliau akan melakukannya sendiri. Pada suatu ketika dulu beliau menyarankan rakyat Malaysia supaya mengamalkan konsep Buku Hijau. Dalam hal ini menanam sayur secara *Hidrophonik* amat di minati beliau. Ramai yang melawat Seri Perdana, kediaman rasmi beliau pada satu ketika dulu tidak akan melepaskan peluang melihat tamanan sayur *hidrophonik* yang diusahakan oleh beliau sendiri.

Membaca dengan seluas-luasnya dan memperolehi pengetahuan dengan beberapa cara adalah perkara yang selalu diamalkan oleh Tun Dr Mahathir. Beliau juga akan berkongsi bahan-bahan bacaan dan pengetahuannya dengan orang lain. Untuk mendapat pengetahuan teknologi terkini beliau sering mengunjungi pameran-pameran teknologi dalam dan luar negeri.




Baru-baru ini, di satu mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC, beliau telah meminta pihak kerajaan untuk menggunakan perisian *open source* sebagai tajuk *alternative* kepada Microsoft dan ini telah menjadi satu dasar kerajaan. Ramai yang kagum dengan pengetahuanya tentang *open source* satu subjek teknikal.

Salah satu sifat yang harus di contohi adalah kesanggupan beliau meminta pandangan orang lain serta sifat mengakui bahawa beliau kurang arif dalam satu-satu hal dan meminta penjelasan daripada orang yang lebih mengetahui. Beliau berbuat demikian kerana berpegang kuat kepada beberapa ayat Al-Quran yang berasaskan "-sekiranya tidak mengetahui sesuatu, tanyalah kepada orang yang lebih mengetahui".

Beliau pernah meluahkan perasaan tidak puas hatinya melihat syarikat-syarikat Malaysia lebih suka menunggu dan melihat dalam perkembangan teknologi. Mereka selalu teragak-agak untuk mencuba sesuatu yang baru. Sikap ini akan cuma membuatkan kita menjadi pengikut dan bukan sebaliknya.

Minat Tun Dr. Mahathir merangkumi semua bidang seperti industri kecil. Beliau pernah menyuarakan bahawa semua pengusaha kecil harus menggunakan teknologi untuk menghasilkan kuantiti yang banyak serta produk yang bermutu tinggi.

Banyak industri telah diwujudkan atas cetusan ideanya seperti industri automobil yang mana Malaysia boleh berbangga dengan pengeluaran bas, kereta, motosikal, van dan juga kapal terbang yang juga dieksport kepada negara lain. **Akademi Sains Malaysia** telah diwujudkan sebagai satu forum untuk meningkatkan taraf sains dan teknologi Negara. Industri lain seperti *aerospace, mikroelectronik* dan lain-lain juga





*Tun Dr. Mahathir Mohamad di perasmian Sapura-Nokia pada Ogos 1994.*

digalakkan oleh beliau. Beliau berpendapat tidak mustahil satu hari nanti Malaysia akan dapat menguasai ilmu angkasa dan menghantar kapal angkasa.

Salah satu perkara yang diilhamkannya yang dikagumi oleh masyarakat antarabangsa ialah konsep *Multimedia Super Corridor (MSC)*. Konsep MSC kini menjadi tiruan beberapa negara membangun. MSC bertujuan melonjak pembangunan negara serta mewujudkan satu masyarakat yang berilmu. Ini akan dapat mengubah cara pemikiran, cara pemerintahan, cara bekerja dan cara kehidupan rakyat Malaysia amnya. Kemudahan MSC yang diwujudkan oleh kerajaan termasuk kemudahan komunikasi bertaraf dunia, infrastruktur yang mencukupi seperti perundangan dan sebagainya. Sebanyak 7 aplikasi perdana yang bertujuan mengubah cara hidup rakyat Malaysia telah dilancarkan dan kini dalam beberapa tahap pelaksanaan. Terdapat lebih daripada 50 buah syarikat antarabangsa yang telah memulakan operasi malah, terdapat hampir 600 syarikat tempatan yang telah mencapai taraf MSC.

Untuk menggulung rencana ini saya merumuskan bahawa PM kita yang disayangi, Tun Dr. Mahathir Mohamad amat mementingkan sains dan teknologi. Beliau berpendapat bahawa ianya amat perlu untuk mencapai pembangunan yang pesat disamping bersaing dengan negara-negara lain. Kepada beliau, sains dan teknologi menjadi prasyarat bagi meninggikan taraf hidup rakyat Malaysia dan imej negara di peringkat antarabangsa.



*Majlis Perhimpunan Literasi ICT- K-ekonomi.*




*Tun Dr. Mahathir Berjabat Tangan Dengan Robot Selepas Merasmikan Ekspo Sains dan Teknologi di Kula Lumpur pada 2 Julai 2001.*

# PEMIKIRAN TUN DR MAHATHIR MOHAMED

# MENGENAI PERANAN DAN KEDUDUKAN WANITA MALAYSIA

Datuk Prof. Dr. Ramlah Adam
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya

## Pengenalan

Seorang pengkaji politik Malaysia, R.S. Milner telah mengatakan bahawa wanita pada masa ini telah mempunyai satu kedudukan yang amat baik dalam pemerintahan Tun Dr Mahathir. Banyak perkara yang telah dilakukan oleh kerajaan dibawah pentadbirannya demi memajukan kedudukan wanita Malaysia. Antaranya ialah perkenalan beberapa undang-undang yang telah dilaksanakan dengan cara yang '*affirmative*' dalam pentadbiran beliau. Sebuah kementerian hal ehwal wanita juga telah ditubuhkan sebagai bukti komitmen beliau terhadap kebajikan dan kedudukan kaum wanita secara keseluruhannya.

## Sejarah

Perjuangan kaum wanita untuk melibatkan memartabatkan negara Malaysia sebenarnya bukanlah hanya bermula pada tahun 1990-an tetapi telah bermula sejak sebelum merdeka. Pada tahun 1946, kita boleh melihat perjuangan atau penglibatan wanita dalam bidang politik dan juga dalam hal ehwal kenegaraan dengan begitu jelas sekali. Mereka bersama-sama kaum lelaki telah bangun menentang *Malayan Union*. Sebuah persatuan wanita iaitu Persatuan Kaum Ibu Selangor adalah satu-satunya persatuan wanita yang telah terlibat dalam penentangan *Malayan Union*, 1946.

Malah, beberapa tokoh wanita seperti Halimahton Majid, Datin Putih Mariah, Tan Sri Ibu Zain dan ramai lagi pada masa itu termasuk beberapa orang guru telah memberi sumbangan. Sumbangan mereka ini memperlihatkan bahawa telah ada satu titik permulaan dalam penglibatan wanita dalam ketatanegaraan dan juga pentadbiran dalam masyarakat Melayu pada masa itu. Walaupun pada masa itu memang semuanya beragama Islam, tetapi tidak ada masalah untuk wanita mengambil bahagian atau melibatkan diri dalam kegiatan terbuka masyarakat.

Oleh kerana itu, suara wanita telah diberi perhatian oleh pemimpin-pemimpin Tanah Melayu yang awal seperti Dato' Onn Jaafar, Dato' Panglima Bukit Gantang dan sebagainya. UMNO sebagai parti Melayu yang awal juga menubuhkan satu Jabatan Kaum Ibu selepas tahun 1947 telah menjadi satu sayap UMNO yang berusaha untuk memartabatkan kedudukan wanita menjadi begitu jelas, lebih fokus, lebih sistematik dan lebih berstruktur.

Selain itu, dengan perlantikan ketua-ketua wanita yang berkaliber seperti Ibu Zain ataupun seperti Hajah Zainun Sulaiman, Tan Sri Aishah Ghani, Fatimah Hashim, Ibu Khadijah Sidek pemimpin-pemimpin negeri yang






namanya telah banyak untuk disebut, kita dapati bahawa perhatian mereka kepada nasib wanita amat fokus sekali. Dengan kerjasama *NGO* seperti *Women Institution (WI)*, dan mereka dapat mencadangkan kepada kerajaan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn untuk membuat tindakan-tindakan yang lebih baik bagi meningkatkan kedudukan wanita dengan lebih baik dan dihormati sesuai dengan penglibatan mereka di bidang politik, ekonomi dan pembangunan negara secara keseluruhannya.

Antaranya menambahkan peluang-peluang pendidikan yang lebih baik dan banyak untuk wanita, memberi gaji yang sama bagi kelulusan dan pekerjaan yang sama dengan lelaki, hak mengundi, hak mendapat perlindungan undang-undang, kemudahan kesihatan, hak berpersatuan dan sebagainya. Dengan layanan yang baik ini, wanita Malaysia menjadi lebih progresif jika dibandingkan dengan nasib wanita di negeri-negeri jiran atau dunia ketiga yang lain.

**Wanita di bawah pemerintahan Tun Dr. Mahathir**

Apa yang berlaku pada zaman Tun Dr. Mahathir adalah suatu lanjutan, kerana dengan perjuangan wanita yang begitu lama iaitu hampir 40 tahun, akhirnya dibawah pimpinan Tun Dr. Mahathir, kita telah melihat tindakan-tindakan yang lebih bernas dan lebih tegas telah dapat dilaksanakan. Misalnya kita dapati usaha untuk mengatasi kekerasan di kalangan wanita telah menjadi perhatian yang utama.

Ini termasuklah penderaan wanita sebagai surirumahtangga. Akhirnya pada tahun 1994, sebuah undang-undang telah dilaksanakan iaitu *'Domestic Violence Act'*. Akta ini adalah untuk menjaga kepentingan surirumahtangga dan juga anak-anak perempuan daripada dianiaya atau dikasari atau mengelakkan tindakan-tindakan keras dilakukan terhadap mereka sehingga mahkamah akan mengambil ini sebagai satu tindakan jenayah dan suami atau bapa boleh dikenakan tindakan undang-undang. Ini adalah cara untuk mengatasi amalan dahulu. Pada masa dahulu, wanita-wanita terutamanya yang bergelar isteri, apabila didera dan dianiayainya akan dianggap sebagai suatu urusan rumahtangga dan pihak polis biasanya tidak akan mengambil berat dalam soal ini. Dengan



adanya akta ini, maka kita dapati perjuangan wanita sejak sebelum merdeka sehinggalah menjelang kurun ke-21 telah pun berjaya.

Pada tahun 1997, satu akta telah dilaksanakan iaitu gangguan seksual di tempat kerja juga telah dilaksanakan, dan ini sebenarnya pada mulanya telah mendapat tentangan dari masyarakat terutamanya daripada kaum lelaki yang melihat ini sebagai sesuatu yang amat subjektif. Namun, akibat tekanan daripada pemimpin wanita dalam kerajaan dan juga *NGO*, akta ini telah dapat diadakan.

Akhirnya pada tahun lepas, kita dapati Kementerian Hal Ehwal Wanita yang dipegang oleh Yang Berhormat Dato' Shahrizat Jalil adalah kemuncak kepada usaha supaya melihat permasalahan wanita adalah satu permasalahan yang unik dan ia mesti diberi suatu perhatian yang wajar dan tersendiri daripada kaum lelaki. Ini kerana wanita sentiasa ingin dianggap sebagai sebahagian daripada masyarakat dan tidak sepatutnya dipinggirkan. Ini kerana apabila kita mengkaji masyarakat kita lihat kepentingan yang diutamakan adalah kepada kaum lelaki. Dalam perkara ini, kita tidak cuba bersifat *gender bias* atau terlalu bersifat tidak seimbang. Kita mengalu-alukan mesyarakat lelaki dan wanita, memainkan peranan yang penting untuk membangunkan, keluarga, masyarakat dan juga tentunya negara dan bangsa itu sendiri. Oleh sebab itulah, '*gender studies*' atau perkataan *gender* jadi popular di kalangan wanita kerana kita ingin melihat peranan mereka lebih dihargai dalam masyarakat bersama-sama dengan peranan kaum lelaki.

Dalam soal ini, pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir terhadap wanita melalui, pertubuhan sebuah kementerian adalah amat wajar dan ini adalah suatu pengiktirafan kepada suara-suara mendesak kerajaan untuk menjaga kepentingan wanita, daripada soal pelaksanaan undang-undang dan penubuhan sebuah kementerian untuk menjaga kepentingan mereka.

Mengikut satu pendapat, bahawa Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, telah memainkan peranan penting dalam membantu pencapaian tinggi kaum wanita di era pemerintahan Tun Dr. Mahathir.

*"They enjoy support from Mahathir's wife, Tun Dr. Siti Hasmah, and also from Tun Mahathir himself. Groups concerned about women's issues have focussed upon violence againts women, including domestic*







*violence, trafficking in women and young girls, lack of an opportunity to work with equal pay, the need for greater participation in higher education an attaining high ranking positions".*

Tun Dr. Mahathir juga cuba meningkatkan kedudukan dan kebajikan wanita dalam perlaksanaan undang-undang Islam di negara ini seperti soal poligami yang sangat sensitif, sentiasa akan menimbulkan kontroversi dan tidak pernah selesai permasalahannya. Walau bagaimanapun, kita dapati bahawa dengan adanya tindakan-tindakan yang positif, seperti adanya usaha menyatukan sistem pentadbiran di seluruh negeri di dalam bidang mahkamah syariah dan enakmen-enakmen lain, keadaan dan perhatian kepada isu wanita dan poligami serta kebajikan mereka dapat dilakukan. Mengikut kata seorang pengkaji:

> *'Those has been also a drive to improve the positions of Muslim women especially as regards polygamy, individual states have been asked to standardize the rules on polygamy by National Council for women. The council was not officially againts polygamy, as it is allowed under Islamic Law, but urged that stringent measures should be taken to ensure that the practice was not abused. Dr. Siti Hasmah spoke and strongly against a Selangor state goverment ruling that a married Muslim men could lawfully used another wife without the consent of the first wife'.*
>
> **(R.S. Milner & Diana II. Mauzy, Malaysian Politics and Mahathir Reneflage, Imam, 1999.)*

Bagaimanapun, ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan. Ini kerana sejak sebelum kita merdeka dalam tahun, kita dapati telah menjadi fokus dalam soal adat istiadat agama Islam adalah di dalam tangan Raja-raja Melayu 1957 dan di bawah kuasa pentadbiran negeri. Maka, kita dapati bahawa untuk kita menyelaraskan suatu sistem pentadbiran undang-undang Islam, dan juga Majlis Agama Islam negeri, di kalangan umat Islam di seluruh Malaysia adalah sesuatu yang sukar dilakukan. Oleh kerana itulah, permasalahan itu masih berlaku walaupun sebuah mahkamah syariah telah ditubuhkan sebagai suatu badan untuk menyelesaikan masalah poligami atau hal-hal yang berkaitan dengan perlaksanaan undang-undang Islam.

Kementerian Hal Ehwal Wanita telah ditubuhkan bagi menangani kebajikan kaum wanita secara khusus. Salah satu perkara yang telah dapat dicadangkan dan diterima oleh Dewan Rakyat ialah tentang pencen kepada seorang isteri yang telah kematian suami, dan berkahwin semula. Dalam sistem lama, apabila seorang isteri yang kematian suami, kemudian berkahwin semula, maka pencen daripada suami yang telah meninggal itu akan diberhentikan. Ini adalah satu perkara yang dilihat sebagai satu diskriminasi kepada wanita. Ini kerana dalam penggunaan pencen, jika seseorang isteri meninggal, suami, terus dapat pencen walaupun telah berkahwin lain. Namun, apabila wanita berkahwin semula, dia akan kehilangan pencen suami. Walau bagaimanapun, kini telah diluluskan supaya wanita yang berkahwin akan terus mendapat pencen untuk dapat menjaga anak-anaknya







bersama suami dahulu. Ini adalah suatu pencapaian yang amat penting, yang telah dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Wanita dan Pembangunan Keluarga.

Mengikut Milner, bahawa soal yang paling penting juga yang telah dicapai atau dibuat dalam pentadbiran Tun Dr. Mahathir iaitu tentang kedudukan wanita dalam pendidikan. Beliau mendapati bahawa pendidikan dikalangan wanita tidak menjadi satu soal yang amat sukar untuk ditingkatkan dalam pemerintahan Tun Dr. Mahathir. Dasar negara yang mengamalkan layanan yang baik kepada wanita sejak sebelum merdeka sehingga hari ini, telah membolehkan peluang untuk mendapat pendidikan di kalangan kanak-kanak perempuan adalah semakin baik. Tun Dr. Mahathir sendiri adalah seorang yang mengamalkan sikap terbuka terhadap wanita. Misalnya, dalam petikan *Berita Harian* dalam tahun 1992, Tun Dr. Mahathir telah memperkatakan, pencapaian wanita, terutamanya wanita Melayu pada masa ini adalah sama dengan lelaki; dengan itu sumbangan mereka amat diperlukan dalam usaha memajukan bangsa dan negara.

Pengasingan wanita dalam bidang ilmu dan teknologi tinggi akan melumpuh separuh daripada tenaga orang Melayu. Jika dilihat data-data yang ada ternyata Tun Dr. Mahathir bersetuju bahawa wanita mesti memainkan peranan yang sama seperti kaum lelaki, dan dalam hal ini soal mendapat pendidikan adalah salah satu bidang yang patut digalakkan untuk membangunkan bangsa. Ada pendapat mengatakan bahawa kerana kedudukan isterinya iaitu Tun Dr. Siti Hasmah sebagai seorang yang berpendidikan tinggi iaitu dalam bidang perubatan, yang telah menjadi asas kepda Tun Dr. Mahathir untuk memberi ruang kepada wanita untuk mencapai peluang dan kedudukan setinggi mana yang mereka mahukan. Oleh sebab itu, kita dapati bahawa statistik wanita hari ini di IPTA dan IPTS adalah cukup tinggi daripada kaum lelaki. Tun Dr. Mahathir juga mengatakan bahawa sekarang kita dapati bahawa 70% - 75% pelajar-pelajar di IPTA dan IPTS adalah perempuan dan selebihnya adalah 30% -25% sahaja adalah anak-anak lelaki.



Selain itu, beliau berpendapat ini adalah suatu statistik yang amat penting untuk kita perhatikan kerana jika ini tidak dibetulkan supaya keseimbangan dapat diwujudkan, kita akan dapati akan lahir satu pembinaan masyarakat yang pincang dan akan mencabar peranan kaum lelaki sebagai ketua keluarga itu sendiri. Sudah tentu kaum lelaki tidak akan berfungsi dengan baik sebagai pemimpin masyarakat atau negara jika pencapaian akademik, sosial dan kewibawaan mereka lebih rendah daripada kaum wanita.

Beliau juga dapati anak-anak Melayu terutamanya anak-anak lelaki yang tidak berminat pada pelajaran. Kebanyakannya telah masuk ke pusat serenti, 70 peratus daripadanya adalah orang melayu dan ini telah menarik anak-anak kita daipada menumpukan perhatian kepada pendidikan tinggi. Oleh itu, masalah ini adalah masalah masyarakat Islam, masyarakat Melayu dan masyarakat Malaysia juga. Ini akan menjadi satu masalah negara pada masa depan. Di harap, tidak terdapat suatu *'escapisme'* daripada kalangan lelaki untuk menjadi wanita, seperti sekarang nampaknya menjadi satu fenomena yang merebak dalam masyarakat.

Malah, untuk mengimbangi pengambilan guru-guru, dicadangkan supaya diadakan dasar *minimum qualification* bagi anak-anak lelaki, jika tidak wanita akan terus menjadi majoriti dalam pengambilan guru-guru di sekolah. Jadi kalau kita mahukan 1,800 guru di kalangan anak-anak perempuan, maka 1700 pula terpaksa diambil daripada kaum lelaki dan kelulusan mereka mesti direndahkan, sedangkan di kalangan anak-anak wanita, kelulusan mereka adalah yang terbaik. Walhal, dalam soal pengambilan guru-guru, kelulusan yang baik adalah amat penting. Maka kita dapati kecerdikan yang tidak sama akan menyebabkan produk yang tidak sama. Ini tentulah akan melemahkan mutu pendidikan negara.

Penglibatan wanita dalam bidang saintifik, dan bidang profesional juga semakin tinggi bukan sahaja daripada jumlahnya, tetapi juga daripada segi kepakaran.. Namun, pengiktirafan kepada mereka hanya 1.5 peratus sahaja. Jadi maknanya pengiktirafan kepada profesional wanita sebagai pemimpin atau sebagai pakar amat rendah jika dibandingkan daripada kaum lelaki.

*'The andvances made in women opportunities have been extremely uneven, and they have been more advanced in the educational, than in the occupational sphere. In the scientific and medical fields, women now constitute more than half university graduates, while only about 1.5% of women hold what are described as desicion-making post,* 'kata Milner lagi.

Kebolehan wanita sebagai pemimpin negara yang atau pembuat dasar dalam pentadbiran negara juga diiktiraf oleh Tun Dr. Mahathir. Dibawah kepimpinan beliau, beberapa orang wanita telah diberi tugas yang mencabar. Antaranya Dato' Seri Rafidah Aziz yang dilantik sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa, kerana satu tugas yang bukan sahaja memerlukan ilmu yang sesuai (ekonomi) tetapi juga kebolehan untuk meyakinkan





pelabur-pelabur dan negara luar tentang keupayaan Malaysia sebagai tempat pelaburan yang selamat -kestabilan politik dan pentadbirannya yang kukuh. Mengikut seorang pengkaji,

> *'The World Trade Organization had first meeting in Singapore in December 1996. Interestingly, Malaysia and Malaysia External Trade the most acrimonious issues at the meeting - the US and EU demand, as anticipated, to link social clauses and labour standards to trade agreements. The contest created a geniuine multilateral asian concensus, led by the group of fifteen (G 15) developing states.'*

Tun Dr. Mahathir sebagai pemimpin Negara melihat keupayaan seorang wanita yang berpendidikan tinggi untuk mengendalikan rombongan dagangan Malaysia dengan dunia supaya Malaysia akan sentiasa mendapat keuntungan maksima.

> *Rafidah is well respected internationally for her management in the Ministry of International Trade and Industry....she was both bright and tough....."*

Pemilihan wanita untuk mengendalikan sebuah kementerian penting ini adalah satu pembaharuan kepada pandangan pemerintah atau pemimpin negara kepada kebolehan seorang ahli politik wanita. Sejak negara merdeka, pemimpin negara melihat ahli politik wanita hanya layak untuk menjadi Menteri Kebajikan. Masyarakat, jawatan yang disandang oleh Fatimah Hashim (Tan Sri, Tun) selama 16 tahun dan kemudian oleh Aishah Ghani (Tan Sri) untuk 14 tahun lagi. Hanya dengan kenaikan Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri pada 1981, seorang wanita diberi kepercayaan yang baru. Ternyata ini telah dapat dilaksanakan dengan baik sekali.

Peluang kaum wanita untuk terlibat dalam membuat dasar (*policy-making*) Negara juga kelihatan begitu menonjol selepas Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri. Peningkatan calon-calon Barisan Nasional wanita di peringkat negeri dan parlimen telah berlaku, iaitu 19 orang bagi kerusi parlimen dan 23 orang bagi kerusi ADUN. Ini tentulah baik jika dilihat pada 1955 hanya seoang sahaja calon iaitu Halimaton Majid (Dato'). Ruang untuk membanyakkan calon-calon wanita memang telah dilakukan sejak 1959. Dalam pilihanraya 1999 jumlah itu telah ditambah kepada 5% lagi.

Bagaimanapun jumlah ini amat rendah jika dibandingkan dengan keseluruhan calon pilihanraya 1999. Dalam pilihanraya 1999, daripada 573 kerusi negeri, 27 diberi kepada wanita; Rajah dibawah ini menjelaskan hal ini:



| Negeri | Jumlah Kerusi | Adun Wanita | Peratus Wanita |
|---|---|---|---|
| Johor | 40 | 5 | 12.5 |
| Kedah | 36 | 3 | 8.3 |
| Kelantan | 43 | 0 | 0.0 |
| Melaka | 26 | 2 | 8.0 |
| N.Sembilan | 32 | 8 | 6.3 |
| Pahang | 38 | 2 | 5.3 |
| Perak | 52 | 2 | 8.9 |
| Perlis | 15 | 1 | 6.7 |
| Pulau Pinang | 33 | 4 | 12.1 |
| Sabah | 54 | 2 | 3.7 |
| Sarawak | 56 | 2 | 3.6 |
| Selangor | 48 | 2 | 4.2 |
| Terengganu | 32 | 0 | 0.0 |
| **Jumlah** | **573** | **27** | **6.2** |

Bagi kerusi parlimen pula daripada193 kerusi, hanya 20 kerusi sahaja untuk wanita. Barisan Nasional meletakkan calon yang paling ramai daripada parti-parti lain. Ini boleh dilihat dibawah ini :

| Nama Parti | Jumlah Kerusi | Jantina | | Peratus Wanita |
|---|---|---|---|---|
| | | Lelaki | Wanita | |
| **Barisan Nasional** | 151 | 135 | 16 | 10.6 |
| PAS | 27 | 27 | 0 | 0.0 |
| DAP | 10 | 7 | 3 | 30.0 |
| Keadilan | 5 | 4 | 1 | 20.0 |
| **Jumlah Besar** | **193** | **173** | **20** | **10.4** |

Perwakilan kaum wanita dalam kerajaan di peringkat negeri dan daerah ini bukan sahaja tidak seimbang dengan kaum lelaki, tetapi juga dengan jumlah pengundi wanita itu sendiri. Wanita merupakan pengundi yang terbesar iaitu 5.2 juta daripada yang layak mengundi. Jika dilihat daripada jumlah penduduk Malaysia seramai 22 juta bagi 1999, suara wanita dalam pembuatan negara hanyalah 6.2% sahaja. Ini amat jauh daripada keputusan **Delekarasi Beijing 1995** yang menuntut 30% suara wanita dalam proses pembuatan dasar sesebuah negara yang merdeka.

Akibat daripada keadaan ini, wanita tidak akan dapat dibela dengan baik. Dikatakan 'Pemimpin lelaki kurang sekali membincangkan soal wanita, kurang meninjau dan mengambil perhatian tentang permasalahan



wanita atau kurang yakin dengan isu wanita'. Malah, keadaan ini pula telah mendorong kaum wanita yang dilantik supaya tidak lantang bersuara dalam isu wanita. Mereka bimbang akan dilabelkan sebgaai garang atau agresif. Akibatnya, wanita tetap dilihat sebagai penyokong kepada kaum lelaki sahaja, oleh itu suara mereka sebagai pembuat dasar atau pemutus undang-undang tidak akan dipandang tinggi.

Beliau juga telah memberi satu ruang menggalakkan pendidikan di kalangan wanita secara terbuka dan ketika itu juga beliau menentang keganasan terhadap wanita dan ini bukan sahaja keganasan dalam keluarga seperti adanya akta-akta tetapi beliau juga di peringkat antarabangsa telah memberi satu penekanan yang agak terbuka atau suatu pendapat yang terbuka tentang bagaimana wanita-wanita mesti dilindungi dan ini menjadi satu tanggungjawab bangsa. Misalnya kita dapati di Bosnia, bahawa penganiayaan kepada golongan wanita sama ada dirogol, dibunuh atau dicederakan oleh golongan Serbia pada masa gerakan misi-misi mestilah di atasi dan mesti dilihat oleh dunia sebagai satu perkara yang mesti dilakukan dan diatasi. Dan ini menyebabkan kita dapati Dr. Mahathir melihat wanita sebagai suatu anggota masyarakat yang penting bukan sahaja dalam Malaysia tetapi juga luar negara.

Jadi, kita boleh simpulkan bahawa beliau memberi satu pandangan yang amat positif kepda wanita dan peranan mereka kepada pembinaan bangsa.



*Tun Dr. Mahathir Tekun Mendengar Sesuatu Yang Diperkatakan Oleh Tun Dr. Siti Hasmah Pada Perhimpunan Hari Pekerja 2003 di Stadium Putra, Bukit Jalil pada Mei 2003.*

# PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGENAI PENDIDIKAN[1]

Awang Had Salleh

## Pengenalan Ringkas

Kertas ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama memperkenalkan pendekatan atau kaedah yang digunakan oleh penulis untuk mengenal pasti pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam bidang pendidikan. Bahagian kedua mengenal pasti dan menyenaraikan pemikirannya itu.

BAHAGIAN A

## Pendekatan

Pemikir pendidikan pelbagai coraknya. Walaupun mereka memikirkan tentang pendidikan sebagai suatu subjek khusus, di kalangan mereka ada yang menumpukan pemerhatian kepada aspek-aspek yang terkhusus pula. Ada yang melihatnya dari segi falsafah pendidikan. Ada pula yang melihatnya dari segi pedagogi. Ada pula yang melihatnya dari segi kurikulum, perbandingan, sejarah, psikologi, sosiologi, anthropologi. Ada pula yang bersifat futuris dalam penerokaan pemikiran mereka mengenai pendidikan. Biar apa pun pemusatan pemikiran mereka, mereka dikatakan *pemikir pendidikan* kerana yang menjadi obsesi dalam pemikiran mereka ialah pendidikan sebagai spesialisasi mereka dan sebagai bidang tumpuan pemikiran mereka.

Mengenali aliran pemikiran mereka tidak begitu sulit dikesani mengingat bahawa mereka menulis dengan banyak dan langsung mengenai pendidikan. Yang lebih sukar ialah mengenal pasti aliran pemikiran mengenai pendidikan di kalangan tokoh yang ruang pemusatan pemikiran mereka tidak sekadar pendidikan tetapi jauh mencakupi bidang-bidang besar yang pelbagai. Demikianlah kita di sini bukannya mengupas Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai *pemikir pendidikan*. Kita sebaliknya mencuba menganalisis pemikirannya mengenai pendidikan di tengah-tengah pemikirannya dalam bidang-bidang besar yang lain, dan juga di tengah-tengah tugasnya yang berat sebagai *CEO Malaysia Incorporated*.

Demikianlah dalam meneliti pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam bidang pendidikan ini, penulis merasa perlu terlebih dahulu menyatakan beberapa pendekatan yang telah digunakannya: Pertama, yang ingin dibicarakan nanti ialah apa yang dipersepsikan oleh penulis berdasarkan kepada

apa yang tertulis mengenai pendidikan (a) oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri, (b) oleh orang lain mengenainya, dan (c) apa yang diucapkan oleh sama ada Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri atau pun orang lain mengenai pengucapannya itu.

Pendekatan kedua yang ingin digunakan oleh penulis ialah meneliti apa yang tersirat daripada apa yang tersurat daripada apa-apa langkah atau tindakan yang dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad atau pihak-pihak pelaksana yang berkaitan sehubungan dengan pendidikan.

Pendekatan ketiga ialah bahawa yang tersirat itu merupakan tafsiran penulis sendiri yang tentunya berkemungkinan subjektif sifatnya. Walau bagaimanapun, dalam membuat tafsiran itu, betapapun subjektif sifatnya, penulis memilih untuk tidak membuat sebarang telahan atau penghakiman bersalut nilai, iaitu, sama ada buruk atau baik dari sudut apa pun juga, dan apakah pula akibat buruk dan baiknya nanti di masa hadapan. Penulis merasa bahawa bukanlah haknya untuk berbuat demikian. Sementelah itu, penulis tidak mempunyai bola kristal untuk dapat berbuat demikian.

**Keterbatasan Tulisan Ini**

Baik pula dinyatakan awal-awal lagi bahawa tulisan ini bukanlah merupakan kajian yang terperinci seperti umpamanya kajian tesis untuk ijazah universiti atau kajian yang memakan masa yang panjang dengan sorotan yang mendalam. Ia hanyalah sebuah pemerhatian yang agak spontan dan dilakukan dalam tempoh yang singkat. Oleh yang demikian, penulis tidak berpeluang meneliti banyak sumber, baik bertulis baik lisan, yang selengkap-lengkapnya. Walaupun sekejap tadi penulis menyenaraikan pendekatan yang digunakannya, tetapi sebahagian daripadanya adalah dalam bentuk "hajat" atau "ingin". Jadi, tidaklah semua pendekatan itu dapat diikuti sepenuhnya.

Dengan kata lain, tulisan ini tidak sekali-kali membuat dakwaan bahawa penulisnya telah membuat rujukan kepada semua tulisan Tun Dr. Mahathir Mohamad, semua ucapannya, dan semua komen orang terhadap tulisan dan ucapannya itu sehubungan dengan pendidikan. Paling banyak yang dapat didakwa oleh tulisan ini ialah bahawa ia mungkin dapat dimanfaatkan sebagai jejak permulaan kepada pengkajian-pengkajian seterusnya kelak sehubungan dengan pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad tentang pendidikan.

BAHAGIAN B

**Beberapa Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Tentang Pendidikan**

Berdasarkan pendekatan yang dinyatakan di atas tadi, penulis mencuba rumuskan isi-isi penting dalam pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai pendidikan. Sehingga kajian yang lebih bersungguh dijalankan maka penemuan-penemuan dalam kertas ini hanyalah sementara sahaja sifatnya.

Susunan pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di bawah ini dibuat tidak menurut susunan kronologi. Sebaliknya, susunan itu dibuat secara bertema mengikut aliran hujahan mengenainya. Ia juga tidak disusun mengikut besar kecilnya, atau penting tidaknya idea-idea itu. Tema-tema pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai pendidikan itu adalah seperti rumusan berikut:

**Pertama:**

**Debat Mengenai Kesan Keturunan Dan Kesan Alam Sekitar**

Bukunya, *The Malay Dilemma* (1970), memaparkan beberapa pemikiranya tentang orang Melayu. Usahanya menulis buku itu dapat dikatakan tercetus dari tragedi berdarah 13 Mei, 1969. Amatlah menarik bahawa sebahagian daripada hujahan yang dibuatnya dalam *Dilema Melayu* itu sudah pun ditulisnya seawal 1947 lagi.[2] Sesetengah tulisannya dalam antologi itu merupakan kebimbangan dan ramalan. Dalam tulisannya pada 23 Mac 1968 dia mengatakan:

> *"There is a tendency for a lot of people to gloss over or just ignore problems. If by doing this the problems are solved, well and good. But there is every indication that the problems do not cease to grow just because they are ignored. If we have any claim to level-headedness and political sophistication, it is better if our problems are well-stated and squarely faced."* [3]

Dengan kata lain beliau tidak mahu sikap menyorok sampah di bawah tikar atau hamparan. Seminggu sebelum itu, iaitu pada 19 Mac 1968, setelah berhujah betapa perlunya diambil langkah jangka panjang dan jangka pendek bagi mengatasi ketidak-imbangan antara kaum, beliau menulis:

> *"Being in close contact with the rural bumiputera who are incapable of writing intelligent letters in English, I know that the signs and symptoms are already there. If I may say so again, soon it may be too late."* [4]

Memanglah benar bahawa "*soon it may be too late*" bila telahanya itu kemudiannya menjadi kenyataan dengan tercetusnya tragedi berdarah 13 Mei, 1969 – kira-kira hanya dua bulan tulisanya itu disiarkan oleh The Straits Times.

Dari bukunya *Dilema Melayu* itu banyak yang dapat kita pelajari tentang pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai beberapa hal, termasuk pendidikan. Amatlah menarik bahawa dalam Pendahuluan kepada bukunya itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyebut tentang pendapat yang dikemukakannya dalam suatu seminar di Kuala Lumpur pada tahun 1966 di mana dia mengatakan bahawa di antara sebab-sebab lemahnya pencapaian pelajar-pelajar Melayu ialah pengaruh keturunan.

Tun Dr. Mahathir Mohamad mengakui bahawa kontroversi yang ditimbulkannya itu – iaitu faktor genetik memainkan peranan penting menjadikan pencapaian pelajar Melayu lemah – tidak dapat diterima dengan mudah. Beliau menerangkan bahawa tujuannya menimbulkan hal itu ialah dengan harapan dapat mengenalpasti faktor-faktor penyebab dan, setelah itu, melihat pula mana-mana di antaranya yang boleh dimanipulasi ke arah memperbaiki keadaan.

Pada kira-kira waktu yang sama, di Amerika Syarikat terbit sebuah laporan oleh sebuah Suruhanjaya berjudul *Equality of Educational Opportunity* sehubungan dengan kemunduran pencapaian pelajaran penduduk kulit hitam dan pelajar-pelajar Chicano di sana. Laporan itu memberi penekanan yang banyak kepada kesan alam sekitar termasuk peluang yang dinafikan kepada mereka. Seorang ahli psikologi Amerika, sebagai reaksinya kepada laporan tersebut membuat hujahan bahawa faktor genetiklah yang menjadikan mereka itu begitu. Segala usaha intervensi alam sekitar akan hanya mendatangkan hasil yang tidak seberapa. Pada waktu itu, hal ini menjadi satu kontroversi dan berlakulah polemik di antara kelompok yang pro genetik dengan kelompok yang pro alam sekitar.

Hujahan dan hujahan balas berlarutan beberapa tahun dan akhirnya menjadi reda bila banyak betul bukti yang dikemukakan yang menunjukkan bahawa walaupun faktor genetik itu memang wujud tetapi faktor peluang, pendapatan, keadaan sekolah, dan pelbagai sekitaran sosio-ekonomi, sosio-emosi dan sosio-budayalah yang menjadi penyebab utama.

Dalam bab 3, berjudul "Pengaruh Keturunan dan Alam Sekitar" dalam bukunya itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengakui bahawa tulisannya itu bukanlah suatu kajian yang saintifik. Di dalam bab yang sama, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyebut:

> *"Alam sekitar turut memainkan peranan yang penting dalam membentuk diri seseorang, keluarganya dan kaumnya. Di samping faktor keturunan, alam sekitar adalah faktor yang sangat penting dalam membentuk perkembangan manusia dari segi fizikal, mental dan psikologi."*

Jelaslah di sini bahawa apa yang dicuba kemukakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad ialah faktor keturunan ada peranannya dalam pertumbuhan manusia, tetapi faktor alam sekitar memainkan peranan yang sangat penting. Pemikirannya ini amat penting. Jika ia ditafsirkan bahawa perkembangan manusia, keluarga dan bangsa ditentukan secara mutlak oleh faktor keturunan, maka tiadalah perlu dilakukan langkah-langkah *affirmative action* dalam melaksanakan penyusunan semula masyarakat Malaysia menerusi pelajaran. Jika sebaliknya faktor alam sekitar menjadi penentu mutlak pembangunan manusia, keluarga dan bangsa, kita mungkin cuba menangani faktor alam sekitar semata-mata, lalu mengalpakan faktor keturunan atau genetik.

Walaupun lebih mudah faktor alam sekitar diatasi daripada faktor genetik, bukanlah pula kita tak dapat berbuat apa-apa langsung tentang kesan genetik. Kahwin campur adalah suatu kemungkinan. Begitu juga galakan atau anjuran supaya jangan kahwin pada umur yang terlalu muda dan tidak matang.

Hal ini amatlah penting dalam menangani masalah ketiadaan pencapaian yang cemerlang di kalangan pelajar-pelajar Melayu dan bumiputera. Dalam hubungan ini, Tun Dr. Mahathir Mohamad memerhatikan bahawa penubuhan RIDA oleh British pada masa itu adalah sebuah ikhtiar British untuk menolong orang Melayu dalam perniagaan tetapi sebenarnya mereka hanya melepaskan batuk di tangga sahaja kerana matlamat British ialah untuk mendapatkan persetujuan pemimpim-pemimpin Melayu mengenai kerakyatan kepada bukan Melayu. Dr. Mahathir mengatakan RIDA tidak berjaya menaikkan penyertaan orang Melayu dalam perniagaan. Ia tidak mempunyai peruntukan untuk mengeluarkan pinjaman kepada peniaga-peniaga Melayu. Walau bagaimanapun, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengakui bahawa RIDA jauh berjaya dalam bidang pendidikan. Katanya:

> *"Dengan bantuan RIDA ramai anak Melayu telah mendapat pendidikan yang sesuai dengan pekerjaan di dalam firma-firma perniagaan. Sebelum itu orang-orang Melayu hanya bergantung kepada pekerjaan dengan Kerajaan."*

Di sinilah letak pentingnya manipulasi alam sekitar itu untuk membantu merobah sikap orang Melayu dan sekali gus merobah pula nasib mereka.







**Kedua:**

**Sistem Pendidikan Kebangsaan**

Di dalam buku *Dilema Melayu*, dapat juga kita lihat pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad tentang pendidikan bila dia berhujah tentang sistem pendidikan kebangsaan. Tentang dasar pelajaran, Tun Dr. Mahathir Mohamad menulis:

> *"Selain daripada fungsi menyampai dan memajukan pengetahuan, dasar pelajaran mana-mana negara sekalipun biasanya adalah suatu cara bagi menanamkan dalam fikiran bakal rakyat perasaan bersatu, taat setia dan bangga terhadap negara. Di negara-negara yang baru merdeka, pelajaran dipergunakan dengan meluas untuk tujuan di atas."* [7]

Tun Dr. Mahathir Mohamad kemudiannya merujuk kepada Amerika Syarikat dan Australia yang melakukan amalan begitu. Berhubung dengan bahasa pengantar, beliau menulis:

> *"Bahasa pengantar sangatlah penting dalam membentuk perasaan bersatu. Oleh itu bahasa pengantar lazimnya adalah bahasa kaum yang tetap. Memang sesiapa pun tidak terlintas untuk menuntut supaya bahasa pendatang-pendatang baru dijadikan bahasa pengantar."* [8]

Walau bagaimanapun, berbanding dengan bahasa pengantar yang lebih penting ialah seluruh kurikulumnya. Katanya:

> *"Pengajaran sejarah, geografi dan sastera semuanya direncanakan untuk memupuk suatu idea: yakni negara adalah milik penduduk tetap dan untuk menjadi warga negara itu dan mendakwa menjadi milik negara itu, maka seseorang itu hendaklah mengenal pasti dirinya dengan penduduk tetap. Mengenal pasti ini meliputi segala-galanya dan sekali-kali tidak boleh ada kenal pasti dengan negara atau kebudayaan lain. Mengenal pasti dengan penduduk tetap bererti menerima sejarah mereka, geografi mereka dan sastera mereka, kebudayaan dan bahasa mereka dan menolak semua yang lainnya."* [9]

Tun Dr. Mahathir Mohamad merasa kesal bahawa semasa mencapai kemerdekaan, semasa kuasa politik berada di tangan sendiri, pemimpin-pemimpin kita mengabaikan tugas meletakkan landasan yang teguh kepada pendidikan negara ini.

**Ketiga:**

**Affirmative Action Kerana Padang Yang Tak Rata**

Keperihatinan Tun Dr. Mahathir Mohamad tentang hal ini bukan sahaja ditulisnya dalam *Dilema Melayu*. Dalam antologi tulisan-tulisannya dalam *The Straits Times* dalam jangka waktu dari akhir empat-puluhan sehingga awal tujuh puluhan, enam daripada 32 tulisannya itu ialah sehubungan dengan pendidikan.

Daripada enam tulisan itu, dapat kita baca pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad tentang pendidikan menengah Inggeris dan pendidikan untiversiti di kalangan anak-anak Melayu dan wanita Melayu. Dia menghujahkan mengapa *affirmative action* itu menjadi suatu kemestian dengan kadang-kadang menunjukkan beberapa perangkaan. Antara lain hujahannya ialah seperti berikut:

Dalam tahun 1947, beliau menyimpulkan: *"Unless social reforms are carried out, and that quickly, Malay girls would be in danger of being neglected and despised by boys of their own race."*[10] Dengan *social reforms* beliau bermaksud:

> *"A sound education system and thorough knowledge of modern housecraft should be made available to Malay girls. Religious teaching designed to enable them to distinguish between the good and evil of Western culture must be initiated. Let all Malay parents admit the inevitability of these reforms and take an active part in them. ..... And as for the political bodies; they must shape a definite policy immediately on social problems or else . . . ."*[11]

Dalam tahun 1948, dia menulis tentang *Malays and Higher Education,* di mana dia merujuk kepada apa yang disebut seorang anggota *Perak Council of State* yang mendedahkan bahawa daripada kira-kira 17,000 murid Melayu yang menghadiri sekolah, kurang daripada seratus yang menghadiri sekolah Inggeris.[12] Dalam makalah yang sama disebutnya bahawa kenaikan enrolment murid Melayu selepas perang adalah lebih baik daripada tahun-tahun sebelum perang, tetapi perangkaan menunjukkan bahawa peratus kenaikan di kalangan murid Melayu hanyalah 25 peratus, sedang kenaikan di kalangan murid Cina di setengah-setengah tempat lonjakan itu sampai 100 peratus.[13]

Tun Dr. Mahathir Mohamad mengakhiri tulisannya itu dengan berkata:

> *"A comprehensive educational programme specially for Malays should be launched immediately and the Government should cooperate with responsible*

*Malay political parties in a drive for more students. More scholarships should be created out of Government funds and contributions from the Malay public. The kampong folk must be made to realize that the salvation of their children and hence their race lies in education."* [14]

**Keempat:**

**Model Ikutan Pendidikan Malaysia**

Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang anak didik Malaysia. Pendidikan awal, menengah dan universiti diterimanya di tanah air sendiri, termasuk di Singapura yang pada waktu itu masih di dalam *Persekutuan Tanah Melayu* dan masih berupa tanah jajahan British.




Tidak seperti tiga Perdana Menteri sebelumnya yang masing-masing lama dan banyak mendapat pendedahan pendidikan di bumi British, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak sehebat mereka dari segi pendedahan kepada proses pemasyarakatan cara hidup dan cara pemikiran British. Maka itu beliau mempunyai pandangan yang lebih melebar daripada pergantungan kepada model pendidikan British semata-mata. Maka itu beliau lebih sanggup untuk mengenengahkan, untuk seketika, *buy British last* dalam usahanya untuk mengendurkan cengkaman British ke atas ekonomi Malaysia.

Tidaklah menghairankan bila beliau kemudiannya memperkenalkan pula Dasar Pandang ke Timur (*Look East Policy*) sebagai sebuah lagi model alternatif. Tumpuan pandangan Tun Dr. Mahathir Mohamad ialah ke Jepun kerana Jepun dilihatnya maju dari segi ekonomi, pendidikan, kesenian dan kebudayaan serta dilihatnya ciri-ciri keefisenan, kesungguhan dan malah kebersihan dan keestetikaan dalam cara hidup dan cara berorganisasi masyarat Jepun.

Dengan dasar itu, Malaysia dapat mempelajari dari sana aspek-aspek positif yang mahu kita anuti. Dengan kata lain, bukanlah dalam pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad yang orang Malaysia perlu menjadi seperti orang Jepun seratus peratus.

Dasar Pandang Ke Timur boleh dilakukan dengan mempelajari pengalaman Jepun menerusi buku dan media, tetapi kesannya mungkin terbatas. Malah ada juga berlaku salah tafsiran di kalangan kita. Sebagai contoh, pernah dianjurkan oleh beberapa orang pemikir Melayu supaya, untuk maju dalam perniagaan dan perdagangan, orang Melayu hendaklah besikap kurang ajar seolah-olah seperti yang diamalkan oleh orang Jepun. Jelas di sini bahawa orang Jepun tidaklah kurang ajar tetapi bersifat gigih, mengusahannya bertubi-tubi, berkali-kali, bersungguh-sungguh dan tidak mudah tawar hati dan mengalah.

Oleh itu, pendidikan untuk memanfaatkan pengalaman Jepun itu perlu dibuat secara *total cultural immersion*. Mata kursus bahasa Jepun dijadikan mata pelajaran bahasa pilihan dalam kurikulum sekolah menengah. Universiti Malaya pula menubuhkan program matrikulasi Bahasa Jepun dan pelajar-pelajar Malaysia dihantar ke Jepun untuk mengikuti program ijazah dalam bidang-bidang tertentu. Di samping itu, dilaksanakan pula pelbagai rancangan, di antaranya ialah, rancangan kemahiran, rancangan kursus-kursus pendek dan rancangan-rancangan pertukaran.

Hal ini kebetulannya pula mengingatkan penulis kepada kesesuaiannya dengan sabda Rasulullah yang begitu mementingkan penguasaan ilmu lalu baginda menasihati supaya kita pergi ke mana-mana sahaja untuk mununtut ilmu malah hingga ke negeri China sekalipun.

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga amat menekankan peri perlunya kebersihan dan kesestetikaan. Jepun juga menjadi salah satu model kepada kita dalam hal itu. Ini mengingatkan kita kepada Muhammad Abduh yang dikatakan menjawab soalan pemberita sempena kepulangannya dari buangan di Paris dengan berkata kira-kira begini:

> *"Kulihat Islam di mana-mana di sana tanpa muslimin, tetapi di Mesir ini kulihat muslimin di mana-mana tanpa Islam."*

Adalah dikatakan bahawa yang dimaksudkannya itu ialah bahawa hadir kebersihan di Paris tetapi tidak-hadir kebersihan itu di kalangan orang Islam di Mesir pada hal kebersihan itu adalah sebahagian daripada iman.[15]

Pada pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad ilmu dan kemahiran itu ada di mana-mana dengan profil kekuatan yang berbeda. Maka itu, usahlah kita bertumpu kepada suatu sumber sahaja, tetapi manfaatkanlah ke seberapa sumber dan tradisi yang berbeda mengikut keperluan berbeda berdasakan kekuatan yang ada pada sumber-sumber itu masing-masing. Dengan demikian banyaklah jendela







yang kita miliki untuk menerawang ke dunia luar sana. Dengan tidak mengikat diri kepada mana-mana suatu negara sasar, sebagai model mutlak, kita sebenarnya membebaskan diri untuk dapat memilih mana-mana terbaik dari pelbagai sumber. Dalam hal ini, yang membataskannya ialah bahasa. Ini pun dicuba atasi dengan pelbagai cara.

Jika ditanya, memanglah jawabnya benar bahawa sejak lepas Perang Dunia Kedua kita menghantar ramai pelajar ke tempat-tempat lain selain daripada U.K. iaitu ke Australia, New Zealand, Canada, Amerika Syarikat, dan seumpamanya; tetapi semua negara itu adalah negara-negara berbahasa Inggeris. Dr. Mahathir mahu pelajar-pelajar kita didedahkan kepada negara-negara berbahasa lain daripada Inggeris juga untuk dimanfaatkan jendela tradisi yang berbeda tadi.

**Kelima:**
**Pendidikan Dan Isu Bahasa**

Mengenai isu bahasa dan pendidikan, Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai pendirian tertentu. Pada pendapat saya, Tun Dr. Mahathir Mohamad amat memberi keutamaan kepada perkara-perkara berikut dalam caranya mentadbir dan mengurus negara. Pertama, perpaduan nasional; kedua, keutuhan ilmu; ketiga penyertaan dan pengagihan yang adil kekayaan negara dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum yang tidak saksama dari segi pemilikan kekayaan.

Perpaduan Negara adalah teragung dalam agenda pembangunan negara. Hancur perpaduan negara, musnahlah segala program pemajuan negara. Di tengah-tengah ini semua, wujud isu bahasa yang berpotensi menggugat perpaduan tadi. Bahasa Melayu itu sendiri sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara tidak merupakan masalah. Beliau pernah suatu waktu dulu bila berucap di hadapan mahasiswa di dalam Dewan Tuanku Canselor, Universiti Malaya, pada era awal penubuhannya, telah meneruskan ucapannya dalam bahasa Melayu di tengah-tengah hiruk-pikuk kebisingan mahasiswa yang mirip sosialis pada masa itu. Mendengar ucapan yang berterusan dibuat dalam bahasa Melayu oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, akhirnya kebisingan itu menjadi reda. Ketika itu baru beliau menjelaskan dalam bahasa Inggeris yang beliau sekejap tadi berucap dalam bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Negara mereka sendiri. Maka timbullah keinsafan dan tergurislah perasaan di hati kecil khalayak mahasiswa itu tentang betapa perlunya mereka menghormati lambang-lambang negara dan betapa, sebelum itu tadi, mereka telah menghina bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara mereka.



Jadi masalah bahasa Melayu dan statusnya tidak merupakan masalah kepada beliau, tetapi soal bahasa itu bila dihubungkan dengan tradisi persekolahan rendah menerusi bahasa pengantar

vernakular Cina dan Tamil, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi amat hati-hati meniti gelora emosi dan sensitiviti perkauman.

Dalam Laporan Razak (1956), memang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Pelajaran yang dipengerusikan oleh Dato' (kemudian bergelar Tun) Abdul Razak Hussain, supaya akhir-akhirnya bila rakyat negeri ini telah matang dan bersedia dari segi politiknya, maka bolehlah diwujudkan sepenuhnya sebuah system kebangsaan dalam pendidikan. Sehingga keadaan begitu muncul maka sistem sekolah rendah jenis kebangsaan menurut salah satu pengantar Cina dan Tamil terpaksalah dikekalkan.

Dalam tahun 1974 kerajaan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad, pada masa itu Timbalan Perdana Menteri, sebagai pengerusinya. Pada peringkat jawatankuasa pegawai ada juga diusulkan supaya dilaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah rendah jenis kebangsaan secara berdikit-dikit, peringkat demi peringkat. Menginsafi bahawa kesediaan dan kematangan politik itu sekarang ini – pada waktu itu – belum lagi wujud, maka Jawatankuasa Kabinet memutuskan supaya *status quo* dikekalkan.

Dalam laporannya, *Laporan Jawankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1997)*, Jawatankuasa Kabinet menyebut:

> 31.1 Pada masa ini sekolah-sekolah menggunakan tiga bahasa pengantar. Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, SRJK (C) menggunakan bahasa Cina dan SRJK (T) pula menggunakana bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Memandangkan keadaan sekarang ini, adalah diperakukan supaya system persekolahan peringkat rendah yang sedia ada diteruskan.[16]

Di suatu pihak pula Tun Dr. Mahathir Mohamad melihat sendiri bagaimana bahasa Inggeris menjadi masalah kepada pelajar-pelajar Melayu terutamanya. Dasar menjadikan mahasiswa universiti menguasai bahasa Melayu dengan cukup baik dan, pada waktu yang sama, cekap (*proficient*) dalam bahasa Inggeris sampai sekarang ini pun tidak tercapai. Lebih-lebih lagi, di kalangan pelajar-pelajar Melayu yang bukan sahaja lemah dalam bahasa Inggeris tetapi berkacau pula penguasaan bahasa Melayunya.

Sesuatu perlu dilakukan jika kita mahu menyekat proses keterkebelakangan atau kemunduran memanfaat ilmu yang mutakhir sifatnya di kalangan pelajar-pelajar Melayu kerana ketiadaan penguasaan bahasa Melayu tinggi dan ketiadaan kecekapan memanfaatkan isi ilmu menerusi bahasa Inggeris sebagai *lingua franca* ilmu di dunia.




Suatu kemujuran yang memihak kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad ialah bila dua buah badan, iaitu PAS dan ABIM, membuat pendirian positif terhadap penggunaan bahasa Inggeris.

Berkebetulan pula dengan kepercayaan peri perlunya kita mempunyai jendela yang banyak maka diusahakanlah pengenalan pembelajaran bahasa ketiga pula di sekolah-sekolah menengah, dan dihantar pula pelajar-pelajar kita memperolehi ilmu dan pendidikan tinggi di negara-negara luar, bukan berbahasa Inggeris, seperti Jepun, Jerman, Perancis, Belgium, Mesir, terutamanya dalam bidang perubatan dan kejuruteraan.

**Keenam:**
**Pendidikan Tinggi Sebagai Sebuah Industri**

Waktu membentang kepada Parlimen Kajian Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Keenam, pada 16 Disember, 1993, Dr. Mahathir berkata bahawa sehubungan dengan pendidikan, adalah perlu dibina dia menjadi sebuah komponen yang penting dalam industri perkhidmatan dan akhir-akhirnya diantarabangsakan dan dijadikannya sebagai sebuah industri eksport. Oleh itu, Kerajaan akan mengambil langkah memudahkan penubuhan institusi pendidikan tinggi penganugerahan ijazah, termasuk penubuhan kampus-kampus cawangan dalam negara ini oleh institusi pendidikan tinggi yang terkenal dari luar negara.[17]

Seperti tadi dikatakan, di antara keperihatinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, ialah memperluaskan tapak pengembangan ekonomi negara. Suatu pukulan yang hebat kepada kepemimpinannya ialah bila berlaku di seluruh dunia keperlahanan ekonomi dalam tahun-tahun lapan-puluhan. Sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Gobenor Bank Negara, Tun Ismail Ali,



*Tun Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Universiti Terbuka Malaysia pada Ogos 2002.*

memperakukan kepada Kerajaan supaya mengurangkan gerakan keluar matawang negara. Satu daripada punca pengeluaran ke luar negara itu ialah biayaan kos pendidikan tinggi di luar negeri. Malaysia memang menghantar ramai pelajar-pelajarnya mengikuti pengajian di luar negeri. Bukan sahaja yuran pengajian yang harus diambil kira, tetapi juga biaya penerbangan, sewa tempat tinggal, dan sara hidup. Jawatankuasa itu memperakukan supaya digalakkan program kembar di antara institusi pendidikan tinggi swasta dengan universiti-universiti luar negara.

Kerajaan menerima perakuan ini dan menggalakkan pihak swasta melaksanakannya. IPTA tidak merasa perlu ikut serta kerana perlembagaan mereka masing-masing meingizinkan mereka penganugerahan ijazahnya sendiri, tetapi IPTS tertarik dengan rancangan ini kerana perlembagaan tidak membolehkan mereka mengeluarkan ijazah mereka sendiri. Maka itu adalah suatu jalan yang menguntungkan bila mereka mengendalikan separuh pertama program ijazah di Malaysia dan selepas itu pelajar yang layak dapat meneruskan pengajian selebihnya di luar negeri.

Proses ini berterusan hingga sekarang dengan kemungkinan bagi sesetengah IPTS mengendalikan program ijazah itu sepenuhnya di dalam negeri di bawah program 3+0. Tun Dr. Mahathir Mohamad, apabila melihat kejayaan ini, mengenengahkan pula konsep untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Ini akan meningkatkan lagi kedudukan pendidikan sebagai sebuah industri di Malaysia dengan kemungkinan bukan sahaja membawa pelajar-pelajar luar negeri tetapi mengeksportkan pendidikan ke luar negeri. Bagaimanapun, dalam pemikiran Dr. Mahathir, yang paling diperlukan ialah pengawalan kualiti. Ini dapat dilihat dari petikan ucapannya seperti berikut:

Semasa merasmikan pembukaan *International College*, Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada 19 Julai, 1994 beliau berkata:

*"We must be rigorous with regard to standards if we are to maintain the reputation of being providers of quality education. Our credibility must not be undermined. We are aware that if we are not sufficiently vigilant, there is the temptation that in*

*the pursuit of quick profits, dubious arrangements will be resorted to and certificate mills will be set up.*

*The behaviour of a few can undermine the credibility of the whole nation, and the whole education industry will be brought into disrepute with subsequent loss to everyone."* [18]

**Ketujuh:**
**Pendidikan Dan Islam**

Isu pendidikan dalam Islam amat banyak mendapat perhatian pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. Seperti dilaporkan dalam akhbar pada tanggal 18 April baru lepas ini, dalam ucapannya kepada sekumpulan cendekiawan di Maghribi, beliau berkata beliau seringkali bertanya kepada dirinya sendiri bagaimanakah boleh negara-negara Islam menjadi lebih mundur daripada negara-negara lain pada hal agama Islam adalah agama teragung? Beliau memberi jawapan kepada pertanyaannya sendiri itu dengan berkata bahawa puncanya ialah ilmu. Orang Islam gagal menghayati ilmu yang begitu banyak dan begitu luas selain daripada hanya mempelajari ilmu agama hakiki Islam semata-mata.

Nama-nama besar sarjana-sarjana Islam di zaman kegemilangan Islam dulu telah menjelajah dan meneroka ke dalam pelbagai bidang ilmu termasuk perubatan, pelayaran, astronomi, falsafah, matematik, falaq, dan sebagainya. Jelaslah selain daripada sarjana-sarjana besar dalam bidang hukum-hakam fardu 'ain, peradaban Islam di zaman itu menyaksikan kewujudan dan kemunculan sarjana-sarjana besar dalam bidang-bidang ilmu yang setengah-setengahnya menjadi ikutan sarjana-sarjana barat.

Dalam keperihalan yang demikian itulah maka Tun Dr. Mahathir Mohamad merasakan paradigma pendidikan agama, khususnya di Malaysia ini, perlu dianjak. Melakukannya tidaklah semudah menyebutnya. Demikianlah, secara tidak begitu kita sedari, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menterjemahkan pemikiranya kepada amalan dengan, antara lain, menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) untuk mengembalikan kecemerlangan pelbagai bidang ilmu kepada perhatian sarjana-sarjana Islam.

Pada waktu UIA ditubuhkan, Menteri Pendidikan pada masa itu ialah YB Dato' ( sekarang Tan Sri ) Dr. Sulaiman Daud. Dalam tahun 2001, beliau dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat oleh UIA. Dalam ucapan penerimaannya, Dr. Sulaiman memberikan pengiktirafan peranan yang dimainkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam penubuhan universiti itu:

*" I could still remember vividly **the day**, that is **January 12, 1982**, when I was called into Dato' Seri Dr. Mahathir's office and officially told by the Prime Minister to set up the university. His farsightedness and visionary are evidenced when he told me about the missions of the university which are:*

*i) to produce rounded Islamic students who are excellent in their respective fields and disciplines but rooted within the Islamic mould and philosophies. These students would exemplify the idealisms, values and ethics of Islam in whatever their future undertakings. They shall be the examples, **the living Islam** in the society;*

*ii) the next mission is to intensify research and writing activities among the Muslim academicians. The university would provide a conducive environment for the Muslim academicians to produce and contribute to the corpus of knowledge in all fields and disciplines by using the Islamic mould and philosophies."* [19]

Nampaknya, di tengah-tengah debat orang tentang *the Islamization of Islam*, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan caranya sendiri telah melaksanakannya. Di samping itu, beliau telah memulakan institusi-institusi seperti, Institut Kefahaman Islam, bagi mengikis kekeliruan dalam fatwa dan pengajaran Islam.

**Kelapan:**
**Pendidikan Sebagai Jihad**

Pemikirannya yang terkini sehubungan dengan pendidikan Islam, dalam usahanya untuk menggalakkan umat Islam seluruhnya, dan umat Islam di Malaysia ini khususnya, supaya menguasai segala macam bidang ilmu ialah dengan mentafsirkan bahawa jihad adalah pelbagai coraknya. Menuntut ilmu bagi mengukuhkan ummah adalah juga sebuah jihad. Tanpa ilmu pengetahuan, ummah tidak akan dapat mempertahankan diri daripada cerobohan musuh. Tanpa ilmu pengetahuan, ummah tidak akan berjaya mengurus negara dan menjana ekonomi. Begitulah kira-kira hujahan beliau.

Beliau juga melihat penutupan pintu ijtihad telah menyebabkan keterbantutan minda orang-orang Islam. Tentunya, dalam konteks Malaysia, orang-orang Melayu menjadi tertutup mindanya di suatu pihak, dan terbuka pula mindanya kepada kemaraan fatwa-fatwa yang menyalahi pengajaran Islam yang sebenar. Sebabnya ialah ketiadaan motivasi bagi mereka mempelajari ilmu-ilmu lain yang boleh membuka minda mereka.

Dalam Ucapan Perdananya di Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam di Kuala Lumpur dalam bulan Januari 2002, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata betapa umat Islam telah ditinggalkan oleh arus Revolusi Industri di Barat bila pemikiran kita "tertutup bukan sahaja kepada ajaran atau pendapat kumpulan lain berkenaan dengan agama, tetapi juga kepada keadaan dan perkembangan di sekeliling, baik perkembangan dalam bidang ilmu atau ideologi atau peningkatan kebolehan manusia dalam bidang-bidang lain."[20]

Dalam ucapan yang sama, beliau berkata:

> *"Justeru itu penguasaan ilmu sains dan teknologi dan perolehan hasil daripada ilmu-ilmu ini juga adalah jihad, bahkan lebih baik daripada mereka yang secara buta tuli menyerang musuh dan mengundang malapetaka kepada umat Islam yang lain."* [21]

**Kesembilan:**
**Pendidikan Dan Disiplin Pelajar**

Dalam pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, disiplin adalah amat penting kerana tanpa disiplin akan berlakulah ketiadaan kesungguhan di kalangan pelajar-pelajar menuntut ilmu dengan jayanya. Hal ini sebenarnya lebih merupakan masalah pelajar Melayu atau bumiputra. Di peringkat institusi pengajian tinggi awam, tak terkira ramai daripada mereka yang dibiayai pengajian oleh kerajaan. Ini merupakah sebuah pelaburan negara untuk mengeluarkan guna tenaga professional di kalangan bumiputra bagi merealisasi matlamat Dasar Ekonomi Negara untuk menstrukturkan semula masyarakat Malaysia menerusi kelayakan pelajaran.

Bila berlaku tujuk perasaan di kalangan pelajar-pelajar IPTA di Kuala Lumpur dalam tahun 1974, Menteri Pelajaran pada waktu itu, iaitu Dr. Mahathir sendiri, mengatakan bahawa keadaan sudah sampai ke tahap yang sudah tidak dapat ditangani secara laissez-faire. Sesuatu harus dilakukan untuk menyekat kemaraan penyakit yang jika dibiarkan akan berakhir sebagai barah yang mungkin tak dapat diubati lagi, demi kepentingan hari depan terutamanya pelajar-pelajar bumiputra itu sendiri.

Sebagai langkah pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti yang ada pada waktu itu telah dipinda bagi memperkukuh disiplin pelajar-pelajar IPTA. Lanjutan itu, mulai 1975, tiap-tiap universiti diberikan peruntukan bagi melantik seorang Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar. Sekarang di sekolah-sekolah menengah telah diberikan jawatan Dekan Hal Ehwal Pelajar.

**Kesepuluh:**
**Kemahiran Hidup Dalam Pendidikan**

Semasa menjadi Menteri Pendidikan, Tun Dr. Mahathir Mohamad memasukkan sebagai input kepada kurikulum sekolah mata kursus kemahiran hidup yang bermula daripada andaiannya bahawa pendidikan tidak sepatutnya hanya mendedahkan pelajar kepada teori tetapi sepatutnya juga kepada praktis. Nilainya dalam penghidupan biasa amatlah ketara. Betapa warga biasa amat bergantung kepada orang lain untuk memasang di rumah barangan yang dibeli dari kedai, pada hal dalam kebanyakan perkara kita perlu melakukan sendiri pembaikan alat-alat mudah seperti bila berlaku fius pada barangan kecil-kecilan seperti pada periuk, atau pada bekalan air, peralatan di bilik mandi, dan sebagainya.

Dalam penghidupan moden ini sudah berlaku anjakan gaya membeli barang terpasang kepada membeli barangan yang bahagian-bahagiannya terkumpul dalam kotak dan kita memasangnya sendiri di rumah. Demikianlah, kita tidak lagi membeli basikal yang terpasang sedia di kedai-kedai basikal seperti dahulu. Sebaliknya, kita sekarang membelinya di pasar raya dan balik ke rumah memasangnya sendiri.

Kepraktikalan mata kursus ini memang jelas; jika tidak, kita selamanya amat bergantung kepada orang tengah yang akhir-akhirnya diterjemahkan kepada peniaga-peniaga mengambil keuntungan hasil daripada kejahilan dan ketiadaan kemahiran manipulasi pada penggguna seluruhnya.

Spekulasi kita ialah bahawa idea ini tercetus dalam minda Tun Dr. Mahathir Mohamad akibat daripada perkara-perkara berikut. Pertama, latihan dan pendidikan perubatan yang diterimanya. Kedua, kerana amalan perubatan yang menjadikannya satu kemestian memeiliki kemahiran dalam pengubatan. Ketiga, mungkin juga ia tercetus daripada hobinya sendiri yang melibatkan kemahiran kraf dalam seni tembaga. Keempat, mungkin juga timbul dari kesedaran kepenggunaan di mana kejahilan dalam kemahiran manipulasi asas menjadikan pengguna amat tinggi kepergantungannya kepada peniaga-peniaga kecil tertentu. Pendidikan, oleh itu, harus dapat membanteras kepergantungan serupa ini.

**Kesebelas:**
**Pendidikan Fardu 'Ain Fardu Kifayah**

Pemikiran yang dikemukakannya di akhir-akhir sebagai Perdana Menteri ialah pemerhatiannya tentang pendidikan Islam di kalangan orang-orang Melayu. Bagi menjawab soalan yang mungkin

bermain-main di kepalanya – seperti juga ia bermain-main di kepala kebanyakan kita – mengapakah orang-orang Islam agak terkebelakang dalam penghidupan dan peradaban kita kini. Kemungkinan besarnya ialah kerana terdapat obsesi yang teramat besar ke atas hal-hal fadu 'ain disertai keterabaian yang sungguh dalam hal-hal fardi kifayah di dalam pendidikan agama Islam di kalangan orang-orang Melayu. Oleh yang demikian, kita menjadi mangsa kepada ketertutupan minda di kalangan kita.

Isu ini seharusnya mendapat perhatian daripada penggubal, perancang dan pelaksana kurikulum pendidikan Islam dalam usaha mereka dalam proses memperbaharui kurikulum dari semasa ke semasa.

Hal yang sama juga harus merentasi kurikulum pendidikan Islam di semua peringkat pendidikan, biar dalam bentuk pendidikan formal dan tak formal, pendidikan di dalam dan di luar bangunan sekolah, biar di sekolah dan di masjid serta di surau, di dalam media cetak dan media elektronik.

**Kedua Belas:**
**Bahasa Inggeris Dalam Pendidikan**

Satu lagi hal yang diputuskan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam tempoh akhir perkhidmatannya dalam kerajaan ialah memperlihatkan daya politik atau *political will* yang sungguh tentang orang Melayu dan penguasaan bahasa Inggeris mereka.

Banyak sudah didebatkan di negara kita ini tentang kedudukan bahasa Inggeris. Dalam dekad awal kemerdekaan ombak besar menjulang kedudukan bahasa kebangsaan telah menjadikan bahasa Inggeris tertolak ke latar belakang dalam pemikiran pendidikan negara. Sebagai suatu pendekatan kompromi di akhir tahun-tahun enam puluhan maka diungkaplah suatu formula di mana dikatakan bahawa matlamat terakhir ialah kewujudan profil penguasaan bahasa di kalangan pelajar-pelajar di instituti pendidikan tinggi awam yang menunjukkan penguasaan paling tinggi dalam bahasa kebangsaan bersama-sama dengan kemahiran cekap dalam bahasa Inggeris. Aspirasi seperti ini ternyata tidak berjaya menjadi realiti.

Bahasa adalah kenderaan penting pembawa ilmu. Usaha-usaha telah dibuat dengan bersungguh untuk melengkapkan bahasa kebangsaan untuk menjadi kenderaan nasional membawa ilmu. Walau bagaimanapun, yang ketara kepada kita ialah kepesatan penulisan ilmu dalam bahasa Inggeris di dunia mengakibatkan ujud semacam kelewatan kesampaian ilmu kepada pembaca-pembaca bahasa Melayu. Dalam arena saingan globalisasi kini, kelewatan itu menumpulkan ketajaman kekuatan daya saing kita dengan negara-negara lain.

Maka itu tiada pilihan lain yang ada kepada kita melainkan menguasai, lebih-lebih lagi dalam bidang ilmu sains dan teknologi, menerusi bahasa Inggeris bagi membanteras kelewatan dan ketertinggalan kita dalam kedua-dua bidang tersebut. Kewajaran kita berbuat demikian disokong oleh hakikat bahawa kedudukan psikologi bahasa kebangsaan itu di hati rakyat Malaysia sudahlah mantap kini.

**Ketiga Belas:**

**Peranan Pendidikan Sebagai Satu Daripada Sembilan Cabaran Untuk Malaysia Maju 2020**



Dalam Wawasan 2020, jelaslah bahawa amat besar pergantungan negara kepada penguasaan ilmu. Hasilnya nanti ialah kelahiran pekerja berilmu pengetahuan dan kewujudan budaya ilmu di kalangan masyarakat. Sehubungan dengan era kita kini, Wawasan 2020 mewawaskan masyarakat Malaysia yang saintifik pemikirannya. Peranan yang dimainkan oleh masyarakat Malaysia nanti tidak sahaja menjadi penerima atau pengguna ilmu yang datang dari luar, tetapi pada waktu yang sama juga menjadi penyumbang kepada perbendaharaan ilmu dunia. Dalam konteks inilah Dr. Mahathir melihat peranan ilmu – terutamanya ilmu sains dan teknologi menerusi penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu di dunia.

Baginya, adalah suatu hal untuk bergantung kepada sentimen bahasa kebangsaan kita, tetapi mengingat bahawa (a) kedudukan bahasa Melayu sudah mantap dan tegu kedudukannya sebagai baha kebangsaan dan bahasa kebudayaan kita, (b) pentingnya bahasa Inggeris untuk pemerolehan dan penyumbangan ilmu ke dunia luar, (c) peri perlunya kita jangan ketinggalan atau kelewatan memperolehi ilmu terkini, maka daya politik mesti digerakkan untuk Malaysia terus dapat bersaing dengan dunia luar secara global.

Demikianlah yang dapat kita rumuskan melihat kepada aliran atau "*trend*" pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam pendidikan.

**Lampiran**

1 Kertas dibentang kepada Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad , anjuran Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, Melaka, pada 23 April, 2002.

2 Lihat antologi tulisannya dalam *The Early Years* (1947-1972). Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 1995.

3 *Ibid*, halaman 138.

4 *Ibid*, halaman 136.

5 Mahathir bin Mohamad, *Dilema Melayu*, Kuala Lumpur: Times Books International, cetakan semula 1997, halaman 22.

6 *Ibid*, halaman 49.

7 *Ibid*, halaman 170.

8 *Ibid*, halaman 170.

9 *Ibid*, halaman 170-171.

10 Mahathir Mohamad, *The Early Years*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 1995, halaman 4.

11 *Ibid*.

12 *Ibid*, halaman 7.

13 *Ibid*, halaman 10.

14 *Ibid*, halaman 11.

15 Muhammad 'Abduh menerbitkan majalah di Paris dan menggerakkan reformasi Islam. Lihat *The Concise Encyclopaedia of Islam*, Stacy International, 1989.

16 *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979, halaman 16.

17 Lihat Govin Alagasari, *Mahathir: The Awakening*, Uni-Strength Sdn Bhd, 1995, halaman 70 untuk petikan ucapan yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris.

18 Dipetik dari Govin Alagasari (compiler), *Mahathir: The Awakening*, Uni-Strength Sdn Bhd, 1994, halaman 19.

19 Penulis mengucapkan terima kasih kepada En. Anwar Abd. Razak atas ehsannya mendapatkan saya sesalinan teks ucapan.

20 Dr. Mahathir Mohamad, *Ucapan Perdana*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, halaman 6.

21 *Ibid*, halaman 12.

# RESOLUSI
# KOLOKIUM PEMIKIRAN
# TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
# DI MELAKA

## Resolusi Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di Melaka

Hasil pembentangan kertas kerja dan perbincangan-perbincangan yang telah diadakan selama dua hari, berikut adalah resolusi-resolusi yang telah pun dirumuskan:

- Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad bersifat pelbagai dimensi, objektif, konsisten, sistematik dan strategik. Beliau merupakan pemimpin ulung yang telus dan sederhana dan diiktiraf dunia sebagai jurucakap serta pembela Dunia Melayu, Dunia Islam dan Dunia Ketiga di persada antarabangsa.

- Beliau merupakan rujukan utama pemimpin-pemimpin dunia termasuk kuasa-kuasa besar bagi memahami isu-isu berkaitan Islam dan Dunia ketiga. Pemikiran beliau juga melangkau zaman

- Adalah jelas bahawa kolokium ini merupakan satu wacana yang positif lagi produktif serta wajar kolokium seperti ini diperluaskan di negeri-negeri lain di Malaysia.

- Menggalakkan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di seluruh negara mengadakan penyelidikan dan penerbitan mengenai pelbagai aspek pemikiran dan strategi tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana beliau sendiri telah menulis 50 buah buku di samping 200 buah mengenai Tun Dr. Mahathir yang ditulis oleh cendiakawan pelbagai kaum tempatan mahupun luar negara.

- Kerjasama antara Kementerian Penerangan, Pendidikan dan Luar Negara serta kementerian-kementerian lain yang berkaitan perlu diadakan untuk menyalurkan maklumat-maklumat mengenai pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada pelajar-pelajar kita dalam dan luar negara serta orang awam melalui saluran media cetak dan media elektronik.

- Adalah wajar, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Radio Malaysia Melaka (RMM), Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM), Pejabat Penerangan, Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Jabatan Agama Islam (JAIM) dan lain-lain lagi mengadakan tindakan-tindakan susulan dari kolokium ini seperti mengadakan program-program wacana, kuiz, perbahasan, pertandingan mengarang esei dan seumpamanya mengenai pemikiran Tun Dr Mahathir. Bagi perbahasan, dicadangkan satu piala pusingan atas nama Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka diwujudkan yang dinamakan 'Trofi Pemikiran Dr. Mahathir'.

- Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) juga hendaklah membukukan kertas kertas kerja dan perbahasan-perbahasan di dalam kolokium ini dalam bentuk manual setelah dikemaskinikan oleh pembentang-pembentang kertas kerja dan pihak sekretariat. Hasil pembukuan itu nanti hendaklah diedarkan kepada umum.

- Kolokium merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka khususnya kepada Yang Amat Berhormat, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam yang telah mencetuskan idea untuk mengadakan kolokium ini.

- Kolokium juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pembentang kertas kerja dan para peserta yang telah menyemarakkan perbahasan-perbahasan selama dua hari ini dan telah menyampaikan pemikiran-pemikiran yang intelektual serta bernas.

- Menggalakkan Pejabat Kerajaan dan swasta, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Jabatan-jabatan dan Perpustakaan Awam Negeri dan Daerah untuk mewujudkan sudut pemikiran Tun Dr. Mahathir untuk memberi peluang kepada orang ramai mengenai pemikiran beliau melalui buku-buku mengenai Tun Dr. Mahathir.

Sekian.



*Majlis Serah Tugas Sebagai Perdana Menteri Baru daripada Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada Y.A.B Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.*

# UCAPAN
# PERASMIAN & PENUTUPAN
# SEMPENA KOLOKIUM
# PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

## UCAPAN YAB KETUA MENTERI, DATUK SERI MOHD ALI MOHD RUSTAM PADA MAJLIS PERASMIAN KOLOKIUM PEMIKIRAN TUN DR MAHATHIR MOHAMAD DI HOTEL GOLDEN LEGACY PADA 22 APRIL 2002.

*Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mohamed Zahir Ismail*
*Speaker Dewan Rakyat*

*YB Datuk Amid Nordin*
*Speaker Dewan Undangan Negeri*

*YB Datuk Jahaya Mat*
*Setiausaha Kerajaan Negeri*

*YB Datuk Hamdin Abdollah*
*Pengerusi IKSEP*

*YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri*

*YBhg Datuk Haji Mohd Jamil Mukmin*
*Timbalan Pengerusi IKSEP*

*YBhg Encik Kamarudin Md Shah*
*Pengurus Besar IKSEP*

*Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian*

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana atas limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama hadir di majlis perasmian Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kita kasihi. Terima kasih diucapkan kepada yang amat berbahagia Tun kerana sudi menghadirkan diri untuk merasmikan majlis ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada pihak penganjur Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) yang telah bertungkus lumus memastikan program dua hari ini dapat dijalankan dengan sempurna.

Kapal dagang dari seberang
Sarat muatan si kayu jati
Dari jauh tuan puan datang
Kami di Melaka sedia menanti

Tujuan kita berkumpul pada hari ini adalah untuk mendengar dan berbincang tentang pemikiran-pemikiran Tun Dr. Mahathir dalam pelbagai aspek kehidupan. Saya difahamkan mereka yang membentangkan kertas-kertas kerja ini terdiri daripada para cendiakawan yang telah mengkaji pelbagai aspek pemikiran beliau mengenai wanita dan pembangunan keluarga, politik, ekonomi, orang melayu, globalisasi, pendidikan, Islam, sains dan teknologi maklumat dan wawasan 2020.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,*

Apabila Tun Dr. Mahathir berkata beliau ingin menjadikan Malaysia salah sebuah negara Islam dan kuasa dunia terkuat untuk membantu orang Islam yang ditindas seperti di Afghanistan, Bosnia atau Palestin, ada orang Islam tertentu di negara kita sendiri yang ketawa dan mempermainkan cita-cita beliau. Mereka lebih rela melihat orang Islam mati kebuluran atau disembelih oleh musuh daripada berusaha melengkapkan diri untuk membela umat Islam dan umat manusia.

Bagi mereka, dengan hanya berdoa kepada Tuhan sahaja, mereka yakin dapat menyelamatkan orang Islam. Bahkan ayat Al-Quran menegaskan bahawa Tuhan tidak akan mengubah nasib orang Islam melainkan mereka sendiri berusaha mengubahnya dilupakan sama sekali. Sejarah telah membuktikan di bawah kepimpinan

pemimpin-pemimpin Islam yang berwibawa, bijak dan berpengetahuan, umat Islam dapat mendirikan tamadun yang tinggi. Di zaman kegemilangan Islam, bukan sahaja kajian yang mendalam dibuat berkenaan hukum-hakam Islam yang menyentuh segala bidang dunia dan akhirat, tetapi juga ilmu-ilmu sains, perubatan, pentadbiran, undang-undang, pertahanan, pelayaran dan pelbagai lagi dikaji dan diterokai sehinggakan orang Islam pada waktu itu mendahului orang lain di dunia. Kerana ilmu ini dan semangat keislaman yang tulen, wilayah Islam dapat diperluaskan sehingga menjadi satu empayar yang terbesar di dunia.

Dalam era globalisasi dan liberalisasi, pembangkang masih melihat idea dan pemikiran Tun Dr. Mahathir mengenai Islam bercanggah sekali dengan pendapat pemimpin tertinggi di dalam parti mereka. Walau sesiapa pun atau negara Islam mana pun yang mengiktiraf Malaysia sebagai Negara Islam, mereka masih tetap dengan pendirian mereka. Mungkin kerana Tun Dr. Mahathir tidak memasukkan hukum hudud menyebabkan pengiktirafan itu masih terlalu jauh. Pembangkang masih melihat hukum hudud sebagai segala-galanya, sedangkan mereka tahu bahawa sebelum hukum ini dilaksanakan, umat Islam dan rakyat bukan Islam di negara ini mestilah benar-benar faham tentang hukum ini dan keadaan suasana negara dan masa mengizinkan. Mereka juga mengetahui bahawa di dalam islam, Tuhan telah menggariskan keutamaan yang perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebagaimana yang dihuraikan oleh cendiakawan Islam yang terkenal Dr Yusuf Al-Qaradhawi, iaitu perpaduan umat, kestabilan politik, kesejahteraan rakyat, penguasaan ekonomi dan ilmu pengetahuan.

Sebenarnya hukum hudud ini merupakan 0.001 daripada ajaran Islam. Jadi, sekiranya ia begitu kecil, kenapakah mereka sanggup mengkafirkan orang islam lain sedangkan ada banyak lagi benda besar untuk Islam yang kita perlu buat. Sebenarnya dalam Islam, menganggap diri kita sebagai lebih Islam daripada orang lain adalah bertentangan dengan kehendak Islam. Menganggap diri kita sebagai lebih Islam daripada orang lain, itu tidak kena. Kita tidak tahu sama ada orang yang kita tegur itu sebenarnya lebih baik daripada kita. Malangnya, apabila Tun Dr Mahathir bercakap mengenai perkara ini, ramai yang menganggap beliau terlalu keduniaan dan anti ulama.

Namun begitu, demi kepentingan kuasa dan kedudukan, mereka sanggup membohongi rakyat seluruhnya untuk mempercayai apa yang mereka percaya sehingga melalaikan bukan sahaja orang Islam biasa tetapi juga profesional Islam hari ini yang melihat hudud lebih penting daripada penguasaan orang Islam ke atas ekonomi dan ilmu pengetahuan dalam globalisasi hari ini.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,*

Pada pertengahan tahun 1997, seluruh dunia telah mengalami kejatuhan ekonomi yang turut mengheret sama Malaysia. Mata wang ringgit diserang oleh *Tiger Fundes* milik George Soros, seorang yahudi rakyat Amerika berketurunan Hungary. Ini telah mengakibatkan kejatuhan nilai ringgit yang akhirnya mewujudkan krisis ekonomi yang hebat. Di dalam krisis ini, penguasaan ekonomi orang-orang Islam dan Melayu telah jatuh dari paras 23 peratus hingga ke 19 peratus.

Langkah drastik yang dibuat oleh Tun Dr. Mahathir dengan menetapkan kadar ringgit pada kadar RM3.80 telah membantu keadaan ketika itu. Sumbangan dan idea Tun Dr Mahathir ketika itu tidak boleh dinafikan. Beliau mengambil langkah melawan spekulator mata wang dengan menetapkan kadar tambatan ringgit yang stabil dan menghadkan pengalirannya ke luar negara. Strategi mengatasi krisis yang disusun oleh Tun Dr. Mahathir tanpa bantuan tabung matawang antarabangsa (IMF) dan pertubuhan antarabangsa lain ternyata amat berkesan. Apa yang lebih penting, strategi yang dilaksanakan itu tidak langsung merugikan program sosial dan tidak pula memberatkan kedudukan orang biasa.

Tun Dr. Mahathir mahu membawa Malaysia ke arah kemerdekaan penuh yang bebas daripada telunjuk barat. Tun Dr. Mahathir juga kurang senang dengan budaya inggeris yang telah lama meresap dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Pendapat beliau bercanggah terhadap pemikiran kolonial dan sisa-sisa penjajah, sensitif terhadap tindakan atau kata-kata barat yang menghina bangsanya atau orang Asia. Ketidakbergantungan Malaysia kepada IMF dan barat pada krisis ekonomi lalu memperlihatkan betapa kuatnya semangat beliau yang cuba

menyelesaikan masalah itu sendiri, sedang banyak di kalangan negara jiran seperti Korea Selatan, Indonesia, Filipina, Thailand telah dijerat oleh barat mengikut acuan mereka.

Kejayaan Malaysia mengatasi krisis ekonomi ini membuktikan kepada dunia bahawa Tun Dr. Mahathir bukan calang-calang pemimpin. Suara dan buah fikirannya begitu digeruni oleh dunia hari ini. Malah ada beberapa buah negara di dunia yang meminta nasihat daripada Tun Dr. Mahathir untuk mengatasi masalah dalaman di negara masing-masing.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,*

Berbalik pada idea Tun Dr Mahathir mengenai Islam beliau tidak pernah mengenepikan soal agama dalam setiap idea yang dilakarkan. Pendirian beliau dan parti terhadap agama Islam adalah jelas. UMNO berpegang pada ajaran Islam yang sebenar dan tetap akan mengimbangi dunia dan akhirat. Islam memberi banyak kelonggaran dalam semua yang dituntut oleh Islam dan ajaran Islam juga mengambil kira keadaan sekeliling dalam perlaksanaan sesuatu yang diwajibkan oleh agama.

Bagi Tun Dr. Mahathir setiap idea yang diutarakan, ia mengambil kira kepentingan semua pihak. Negara sudah merdeka 44 tahun dan dalam masa itu kita telah mencapai banyak kemajuan. Namun begitu, masih ada pihak-pihak tertentu yang tidak percaya dengan pemerintah yang memerintah kerana katanya idea dan pembangunan yang dibuat tidak selaras dengan kehendak agama tanpa mengambil kira kebajikan rakyat seluruhnya. Sedangkan mereka lebih percaya pada pertolongan asing. Mungkin mereka percaya hanya dengan cara menggulingkan kerajaan dengan campurtangan orang asing sahaja yang dapat mencapai kejayaan politik mereka. Tetapi ternyata, yang tetap berlaku ialah huru-hara yang berpanjangan dan perpecahan di kalangan orang melayu yang akan melumpuhkan mereka sama sekali. Mereka akan mencari sokongan daripada bukan melayu dan orang asing akan menggadaikan hak dan kuasa mereka. Demikian menurut Tun Dr. Mahathir dalam ucapan-ucapan beliau yang menasihatkan orang Melayu bahawa sekiranya terjadi perkara sebegini, yang akan mendapat manfaat ialah orang yang memberi sokongan. Jika orang asing yang membantu maka mereka akan menguasai kerajaan negara ini iaitu menakluki semula negara.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian*

Dalam menjana pembangunan di alaf baru, Malaysia tidak dapat mengelak dari menghadapi satu revolusi baru iaitu Revolusi Teknologi Maklumat yang bersifat global yang berupaya mengubah kehidupan manusia di dalam negara kita. Tun Dr. Mahathir percaya bahawa penyertaan Malaysia dalam bidang IT ini akan mengubah cara hidup dan cara bekerja rakyat Malaysia secara keseluruhannya pada masa akan hadapan. Oleh itu, beliau telah bersungguh-sungguh memanfaatkan kuasa teknologi maklumat ini dengan mewujudkan satu kawasan khas iaitu koridor raya multimedia. Tujuannya ialah untuk menguji pembangunan teknologi maklumat yang melibatkan setiap aspek aktiviti masyarakat Malaysia bagi menangani perubahan-perubahan yang berlaku dari zaman industri ke zaman IT. Tun Dr. Mahathir juga percaya idea ini akan membawa Malaysia ke tahap yang lebih tinggi dalam era teknologi maklumat dan seterusnya menjadi pusat serantau multimedia melalui tujuh aplikasi perdana iaitu kerajaan elektronik, pembangunan dan penyelidikan, teleperubatan, kad pelbagaian, sekolah bestari, rangkaian pengilangan sedunia dan pusat pemasaran tanpa sempadan. Bagi beliau Cyberjaya adalah pemangkin dan harapan negara untuk merintis jalan ke arah keunggulan teknologi demi mencapai matlamat Wawasan 2020 serta menjadi inspirasi kepada orang luar.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian*

Pemikiran Tun Dr. Mahathir dalam Wawasan 2020 begitu jelas, bahawa kita perlu menjadi negara maju dalam acuan kita sendiri. Pemodenan bukanlah pembaratan, bukan penjepunan, bukan pentimuran dan bukan jenis pengasingan. Bumi yang telah maju sepenuhnya pada tahun 2020 itu mestilah merupakan bumi moden yang tersendiri, yakni tidak tercicir dalam arus perkembangan sejagat dari segala segi dan dalam segala bidangnya, namun terus dapat mempertahankan ciri-ciri khususnya sebagai bumi Malaysia.

Sejak mula Wawasan 2020 lagi telah menyatakan dengan sejelas-jelasnya bahawa Malaysia tidaklah harus menjadi negara maju dari segi ekonominya semata-mata. Malaysia mestilah menjadi negara maju dari segala segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan.

Wawasan 2020 juga memberi penekanan terhadap pembangunan dari segi perpaduan negara dan kesepaduan sosial, dari segi ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan kerohanian, selain mempuyai rasa bangga dan yakin akan bangsa sendiri.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian*

Selama lebih 400 tahun selepas tahun 1511, Malaysia bukanlah tuan yang menentukan nasib dalam negara sendiri dan juga bukan manusia yang menyakini kemampuannya untuk mencapai kecemerlangan. Namun, beberapa tahun kebelakangan ini, melalui pemikiran yang diutarakan oleh Tun Dr. Mahathir, beliau telah berjaya memperlihatkan kepada orang luar dan yang lebih penting kepada rakyat Malaysia bahawa sikap rendah diri dan realiti di sekeliling kita akan sentiasa mengingatkan kita bahawa perjalanan kita masih belum tiba ke penghujungnya.

Sejenak pun, rakyat seluruhnya tidak seharusnya lupa betapa perlunya kita mencapai kemajuan dengan tujuan melahirkan sebuah masyarakat liberal dan toleran yang matang, yakni sebuah masyarakat yang bukan sahaja tidak merasa terancam oleh cara hidup masyarakat lain, tetapi mampu pula menikmati dan merayakan cara hidup tersebut.

Sebagaimana yang sering ditekankan oleh Tun Dr. Mahathir bahawa kita perlu meneruskan agenda ekonomi negara dan rakyat seharusnya tidak berasa ragu-ragu atau teragak-agak. Sebenarnya perlumbaan menuju masa depan ekonomi negara baru sahaja bermula untuk merampas masa depan tersebut. Malaysia tidak akan membiarkan saat-saat gemilang yang sedang dan akan dicapai terlepas dari tangan begitu sahaja. Tun Dr. Mahathir yakin bahawa ketika dan saat ini, seluruh rakyat Malaysia perlu memperteguhkan tekad untuk mengorak langkah gemilang menuju perlaksanaan agenda sosial ini.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian*

Jika hendak diterjemahkan pemikiran Tun Dr. Mahathir, sudah tentu memakan masa yang terlalu panjang. Mungkin ada di antara aspek pemikiran beliau yang tidak disentuh oleh saya sebentar tadi. Jadi saya berharap para peserta akan mendapat penjelasan dengan lebih terperinci dari aspek pembangunan wanita, politik, sosial, globalisasi, Wawasan 2020, Islam dan sains dan teknologi melalui penceramah yang dijemput khas untuk membicarakan topik yang telah dipilih. Semoga kolokium ini akan menjadi medan perdebatan yang sihat.

Di dalam kolokium ini, selain dari siri perbincangan mengenai pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, satu pameran khas diadakan mengenai buku-buku yang ditulis oleh Tun Dr. Mahathir dan juga buku-buku yang ditulis oleh penulis-penulis terkenal mengenai beliau. Di samping itu, terdapat juga koleksi keratan akhbar yang telah dibuat oleh En. Ahmad Azmi bin Abu Bakar yang mengumpulkan bahan-bahan berharga itu sejak tahun 1981 sehingga sekarang.

Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Zahir Ismail, Speaker Dewan Rakyat yang sudi meluangkan masa hadir ke majlis ini untuk merasmikan Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua agensi kerajaan dan semua pihak yang telah memberi kerjasama termasuk pihak media massa untuk menjayakan kolokium hari ini.

# UCAPAN TUN DR. MOHAMED ZAHIR ISMAIL, SPEAKER DEWAN RAKYAT, PADA MAJLIS PERASMIAN KOLOKIUM PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD DI HOTEL GOLDEN LEGACY PADA 22 APRIL 2002

*YAB Datuk Seri Mohd. Ali Mohd Rustam*
*Ketua Menteri Melaka*

*YB Datuk Amid Nordin*
*Speaker Dewan Undangan Negeri*

*YB Datuk Jahaya Mat*
*Setiausaha Kerajaan Negeri*

*YB Datuk Hamdin Abdollah*
*Pengerusi IKSEP*

*YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri*

*YBhg Datuk Hj Mohd. Jamil Mukmin*
*Timbalan Pengerusi IKSEP*

*YBhg Encik Kamarudin Md. Shah*
*Pengurus Besar IKSEP*

*Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian*

Pertama sekali, ingin saya mengucapkan rasa syukur saya ke hadrat Illahi kerana pada petang ini, kita dapat bersama-sama berkumpul untuk menyaksikan majlis perasmian kolokium yang sangat penting yang berbentuk akademik bagi mengupas pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi.

Terima kasih diucapkan kepada kerajaan negeri Melaka dan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) kerana menjemput saya untuk merasmikan kolokium yang membicarakan mengenai pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Tun Dr. Mahathir Mohamad memulakan kariernya sebagai Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1981 ketika beliau telah pun berusia 56 tahun.

Selepas menandatangani surat cara perlantikannya sebagai Perdana Menteri di Istana Negara pada 16 Julai 1981, Tun Dr. Mahathir berkata, "Tugas ini akan menjadi beban besar kepada saya." Pada umur 56 tahun, orang lain telah pun mengurangkan kerja mereka dan berehat. Tun Dr. Mahathir tidak henti-henti bekerja sehingga hari ini bagi memastikan pembangunan dan kestabilan negara setaraf di persada dunia.

Hari ini, orang hanya kenal Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia selama 20 tahun tetapi banyak orang lupa bahawa selain menjadi Perdana Menteri selama 20 tahun, Tun Dr. Mahathir juga pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri selama lima tahun dan sebelum itu sebagai Menteri Pelajaran selama dua tahun. Kesemuanya selama 27 tahun Tun Dr. Mahathir berkhidmat dalam kabinet. Sudah pasti dalam tempoh masa ini, beliau banyak mencetuskan idea-idea bernas dalam pelbagai bidang pentadbiran dan yang berkaitan dalam kehidupan masyarakat di Malaysia dan antarabangsa.

Sebenarnya Tun Dr. Mahathir telah banyak mencetuskan idea dan pemikiran yang bernas dan membina, sebelum beliau mulai terlibat secara langsung dalam kerajaan. Beliau telah banyak mencetuskan idea dan terlibat dalam gagasan menentang *Malayan Union* pada tahun 1945-1946. Beliau juga telah banyak mencetuskan idea

beliau di dalam akhbar-akhbar utama seperti *New Straits Times* dan *Utusan Melayu* sejak 1946 hingga 1950. Cetusan idea beliau yang menjadi perhatian dan perbahasan umum sehingga sekarang ialah di dalam bukunya '*The Malay Dilemma*'.

Saya telah pun diberitahu bahawa kolokium pada hari ini akan membincangkan pelbagai topik mengenai pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. Antaranya mencakupi pemikiran mengenai ekonomi, politik, sains dan teknologi, Islam, orang Melayu, pembangunan wanita dan keluarga, pendidikan serta Wawasan 2020.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian*

Kalau kita lihat pembangunan pesat Kuala Lumpur umpamanya, apa yang dicapai hari ini adalah melebihi jangkaan. Kini Kuala Lumpur setaraf dengan mana-mana kota metropolitan dunia. Ia mempunyai segala kemudahan dan penduduknya begitu *sofistikated*. Ini semua adalah berkat idea daripada Tun Dr. Mahathir untuk memastikan Malaysia mampu menjadi negara maju menjelang 2020. Kemajuan yang dicapai ini tidak mungkin terlaksana dengan jayanya sekiranya tidak mendapat sokongan padu daripada rakyat seluruhnya. Ini juga mencerminkan beliau adalah seorang pemimpin berwibawa yang punya cita-cita dan minda yang mampu menerobos jurang waktu.




Dalam banyak pemikiran yang beliau utarakan, beliau amat menitikberatkan tentang permasalahan bangsa Melayu. Pemikiran Tun Dr. Mahathir terhadap bangsa Melayu adalah bagi memastikan Melayu terus maju, 'Melayu tidak mudah lupa', mempunyai masa depan yang cemerlang, tidak tertinggal kebelakang di negara sendiri, berdisiplin, mempunyai daya saing dan sentiasa ingin belajar dan menuntut ilmu sehingga Melayu itu boleh menguasai segala ilmu. Beliau begitu yakin bahawa Melayu boleh melakukan apa sahaja di zaman moden ini seperti bangsa-bangsa lain yang maju di dunia. Penguasaan dalam bidang IT (Teknologi Maklumat) mesti dikuasai oleh orang Melayu. Idea beliau yang bersungguh-sungguh, bagi memastikan kemajuan bangsa Melayu supaya bangsa Melayu mempunyai potensi untuk menjadi bangsa yang maju. Sebagai contoh, sejak memerintah negara, dalam jangka masa 15 tahun, jurutera Melayu telah dapat merekabentuk kereta sendiri yang bertaraf antarabangsa tanpa perlu pergi ke Jepun atau Barat. Beliau juga bangga dengan Petronas yang mampu mencari gali, mengeluarkan minyak, membuat saluran paip dan mengadakan *tanker-tanker* serta mampu berniaga di 25 buah negara dari Argentina di Selatan Amerika sehingga ke Australia. Inilah semangat yang beliau sering tanamkan ke atas orang Melayu iaitu kepercayaan kepada diri sendiri bahawa orang Melayu boleh buat dan mesti usaha untuk capai kejayaan. Tiupan semangat ini juga telah melahirkan banyak cendekiawan dan cerdik pandai Melayu pada hari ini.

Keadaan pembangunan ekonomi dan sosial yang tidak seimbang ini adalah antara masalah dan isu utama yang perlu ditangani dan diperbaiki di bawah dasar dan pembangunan negara semenjak mencapai kemerdekaan. Persoalannya, mengapa orang Melayu di negaranya sendiri tidak berpeluang menjalani kehidupan selayaknya? Apakah yang mesti dilakukan bagi meninggikan taraf ekonomi mereka dengan tidak merugikan hak kaum lain? Inilah yang ingin ditangani oleh Tun Dr. Mahathir ke atas orang Melayu di Malaysian hari ini.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian*

Sebenarnya Malaysia secara senyap-senyap telah membuktikan banyak rekod cemerlang dalam menangani masalah dalaman dan antarabangsa. Kemampuan Malaysia menangani kemelut ancaman militan agama dari dalam dan luar, dapat ditangani secara berhemah hasil buah fikiran Tun Dr. Mahathir. Kemampuan Malaysia berhadapan dengan krisis ekonomi dunia pada pertengahan tahun 1990an dahulu serta keengganan Tun Dr. Mahathir menerima bantuan tabung kewangan antarabangsa (IMF) membuat dunia tertanya-tanya apakah strategi kita. Malaysia sekali lagi amat beruntung kerana memiliki pemikiran seorang pemimpin seperti Tun Dr. Mahathir. Pada awalnya, seluruh dunia dan rakyat Malaysia memperkecilkan kemampuan beliau dalam menangani krisis ekonomi, tetapi apabila Malaysia gagah melawan gelombang ekonomi dunia dan berjaya berdiri atas kekuatan sendiri, ramai daripada pemimpin negara tetangga mulai memburu beliau untuk membantu negara mereka. Apa yang pasti, idea beliau masih boleh digunapakai meskipun dalam usia yang semakin meningkat.



Atas kejayaan Tun Dr. Mahathir, Malaysia mulai dilihat sebagai sebuah negara istimewa sehinggakan dua tokoh dunia telah menghubungi beliau untuk meminta pandangan mengenai krisis yang berlaku di Afghanistan. Presiden Amerika Syarikat, George W Bush dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair secara serius meninjau pendapat Tun Dr. Mahathir yang mana ini menggambarkan bahawa satu penghormatan tinggi terhadap pemimpin negara ini. Meskipun berhadapan dengan dua pemimpin negara gergasi di dunia, namun beliau masih tetap konsisten dengan pendirian negara yang membantah serangan ke atas negara Afghanistan. Dan ia adalah pencabulan hak asasi manusia secara besar-besaran tanpa belas kasihan. Malah beliau sedikit pun tidak gentar menyuarakan pandangannya kepada dua kuasa besar itu. Secara jujur dan berani Tun Dr. Mahathir mengkritik tindakan menggugurkan bom dan mortar di bumi gersang itu sebagai tindakan keterlaluan. Secara tegas juga beliau meminta dua kuasa dunia itu menghentikan tindakan tidak berfaedah itu.

Tidak ramai ketua negara, yang diberi penghormatan sebegitu rupa oleh Bush dan Blair. Walau pun sebelum ini tokoh politik dalam negara kita sendiri, terutama pembangkang, masih memperkecil-kecilkan segala tindak tanduk yang dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir dan memperlekehkan beliau. Namun beliau tidak mudah melatah dan hasilnya beliau mampu memberikan yang terbaik untuk rakyat berbilang kaum negara ini. Tidak keterlaluan jika kita katakan bahawa kemasyuran Malaysia di mata dunia adalah disebabkan kepintaran Tun Dr. Mahathir memerintah negara. Beliau cuba membawa Malaysia ke dalam acuan kita sendiri tanpa ada campurtangan dari negara luar. Dan atas kepintaran beliau ini, dunia mula mengiktiraf beliau antara tokoh yang terbaik di dunia.

Beliau juga merupakan seorang tokoh pembaharuan Islam yang tidak dapat bersabar melihat kewujudan, *konservatisme* dan *orthodoxy* dalam sikap orang Islam. Hari ini, ramai di kalangan cerdik pandai Islam gagal memahami percaturan politik dunia dan mengambil keputusan yang mementingkan permasalahan ummah. Tun Dr. Mahathir sering menasihatkan umat Islam keseluruhannya bahawa kegagalan memahami cabaran globalisasi moden, boleh mengakibatkan kehancuran umat Islam jika dibiarkan *teologi Ortodox* Islam terus mendapat kuasa dan tempat dalam arus pemerintahan alaf baru. Beliau juga seorang pemimpin yang berjaya di negara-negara Islam.

Dalam sistem kewangan antarabangsa, aset Malaysia sahaja sudah tidak mampu bersaing dengan industri kewangan gergasi New York, apatah lagi pasaran-pasaran lain. Seluruh sistem kewangan Malaysia sendiri mempunyai aset berjumlah RM800 billion manakala sesebuah bank yang beribu pejabat di New York seperti Citigroup atau Chase Manhattan masing-masing mempunyai aset berjumlah AS$716 billion dan AS$406 billion. Ini bermakna, mana-mana syarikat seperti bank gergasi ini boleh dan mampu menguasai seluruh sistem ekonomi Malaysia tanpa banyak masalah. Dalam menghadapi cabaran getir abad ke-21 yang menyaksikan pelbagai syarikat dan industri negara membangun dan Islam bakal ditelan oleh kelompok *oligarki* perdagangan Inggeris-Amerika dan Yahudi, pembangkang di Malaysia masih hilang arah tujuan. Ketika Tun Dr. Mahathir dan kerajaan Malaysia sibuk menumpukan sepenuh perhatian kepada gelombang globalisasi dan liberalisasi yang bakal meranapkan industri negara ini, parti pembangkang lebih suka melihat semua itu lingkup bagi memudahkan mereka mengambil alih kuasa sambil memperjuangkan sentimen peribadi.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian*

Memang telah diketahui bahawa idea Tun Dr. Mahathir itu mendahului zamannya sehinggakan begitu sukar bagi kebanyakan orang mengikutinya. Idea beliau dalam koridor raya multimedia adalah contoh terbaik keunikan dan terkehadapannya minda beliau. Sehinggakan Bill Gates, pengerusi serta ketua pegawai eksekutif Microsoft Corporation telah menyatakan komitmennya untuk menawarkan pelaburan maksimum kepada koridor raya multimedia itu.

Wawasan 2020 beliau menerapkan rangka rancangan jangka panjang dan rancangan pembangunan Malaysia. Tun Dr. Mahathir yakin bahawa rakyat percaya kepada kestabilan politik yang sedang dinikmati sekarang dan di masa-masa akan datang supaya perancangan dan kegiatan ekonomi yang dirancang dapat berjalan lancar. Melalui wawasan Tun Dr. Mahathir ini, negara kita telah bersedia untuk memainkan peranan penting sebagai negara perindustrian di rantau asia pasifik dan dunia ketiga dalam bidang ekonomi termasuk politik, sosial, kerohanian dan kejiwaan, psikologi dan kebudayaan.

Tun Dr. Mahathir mahu Malaysia maju dalam erti kata kita boleh mencapai perpaduan nasional, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, maruah bangsa dan keyakinan diri sendiri. Beliau sentiasa mahukan rakyat Malaysia mempunyai identiti sendiri untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian*

Jika mahu dikupas satu persatu pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, terlalu banyak dan saya berharap, kolokium dua hari ini dapat memberi manfaat kepada para peserta secara keseluruhannya.

Akhir sekali dengan lafaz Bismillahirahmanirahim saya merasmikan Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad.

# UCAPAN YAB KETUA MENTERI, DATUK SERI MOHD ALI MOHD RUSTAM PADA MAJLIS PENUTUP KOLOKIUM PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD DI HOTEL GOLDEN LEGACY PADA 23 APRIL 2002

*YB Datuk Amid Nordin*
*Speaker Dewan Undangan Negeri*

*YB Datuk Jahaya Mat*
*Setiausaha Kerajaan Negeri*

*YB Datuk Hamdin Abdollah*
*Pengerusi IKSEP*

*YBhg Datuk Haji Mohd. Jamil Mukmin*
*Timbalan Pengerusi IKSEP*

*YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri*

*YBhg Encik Kamarudin Md. Shah*
*Pengurus Besar IKSEP*

*Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian*

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnianya. Majlis kolokium mengenai pemikiran yang amat berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad telah dapat disempurnakan. Saya dapati, bahawa penceramah-penceramah yang membentangkan kertas kerja masing-masing begitu pakar dalam bidang mereka dan dapat membentangkan pendapat dan menganalisis pemikiran Tun Dr. Mahathir dengan begitu kritis sekali.

Sepanjang dua hari kolokium ini berlangsung, saya telah mengambil kesempatan mengikuti ke semua sessi kertas kerja kerana bukan mudah untuk mendapatkan ilmu seperti ini. Banyak faedah yang saya telah perolehi dan melalui ceramah-ceramah dan perbincangan, dapat menjadi panduan kepada saya untuk meneruskan kepimpinan yang ideal.

Secara keseluruhannya, para pembentang telah membuat kajian yang terperinci sebelum membentangkan kertas kerja masing-masing. Dan saya lihat, para peserta juga tidak berganjak daripada kerusi masing-masing berbeza dengan majlis-majlis lain yang pernah saya hadiri, tidak ada ruang kosong di dalam dewan sepanjang dua hari kolokium ini berlangsung. Ini membuktikan bahawa, para peserta kali ini benar-benar mengikuti program ini dan mereka terdiri daripada cerdik pandai seperti profesor, ahli-ahli politik dan pelajar-pelajar kolej serta ahli-ahli parti barisan nasional. Saya yakin banyak perkara yang positif berkenaan Tun kita dapat diperolehi di sepanjang perbincangan yang dilakukan ini.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian*

Saya tertarik dengan kertas kerja yang dibentangkan oleh Dato' Mustapha Muhamad iaitu Pengarah Eksekutif M-Ten mengenai ekonomi. Beliau mengatakan bahawa dengan usaha gigih Tun , Malaysia kini telah menjadi contoh negara membangun di dunia. Melalui peranan dan kegiatan aktif yang beliau curahkan dalam persidangan kerjasama ekonomi antarabangsa seperti dalam Asean, APEC, OIC, Tun begitu berani menyuarakan hasrat dan cita-cita negara-negara membangun. Tun adalah pemimpin ulung pada masa ini yang sering memperjuangkan isu-isu penting semasa yang dialami oleh rakyat miskin dan tertindas di forum ekonomi dunia. Persidangan komanwel dan persidangan pertubuhan Islam Antarabangsa. Walaupun saranan dan pandangan beliau dianggap kontroversial di peringkat awalnya, tetapi pada akhirnya ia diterima dengan baik setelah melihat kejayaan dan hasilnya.

Saya juga turut tertarik dengan kertas kerja mengenai Melayu yang mengatakan bahawa Tun begitu menekankan supaya orang Melayu bersungguh-sungguh dalam apa jua ilmu pengetahuan dan tidak membatasinya setakat ilmu agama semata-mata. Beliau turut menekankan bahawa Islam sepatutnya menjadi unsur rohaniah yang kuat dalam diri orang Melayu. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab ahli-ahli agama untuk memainkan peranan menyemai ajaran Islam yang benar kepada orang Melayu.

*Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian*

Tahniah diucapkan kepada Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia kerana berjaya menganjurkan kolokium pemikiran Tun Dr. Mahathir dengan baik sekali. Kerja keras IKSEP dan kakitangan mereka membolehkan program dua hari ini dapat dijalankan dengan jayanya tanpa ada gangguan daripada pihak-pihak yang kurang senang dengan Tun.

Juga terima kasih kepada Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Penerangan, Jabatan Pendidikan, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, Perbadanan Muzium Melaka, pihak media cetak dan media elektronik dan semua pihak yang telah menjayakan program ini secara langsung atau tidak.

Saya yakin, banyak lagi program-program lain yang akan dilaksanakan oleh IKSEP tahun ini dan saya difahamkan dua lagi program di peringkat antarabangsa bakal dijalankan pada bulan Ogos iaitu '*Asian Seminar on Patriotisme*' dan Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam Oktober ini. Saya harap para peserta hari ini, akan datang lagi ke negeri Melaka Bandaraya Bersejarah untuk mengikuti program-program anjuran kerajaan negeri. Dan saya yakin, usaha Kerajaan Negeri Melaka untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri Konvensyen akan dapat dilaksanakan menjelang tahun 2010.

Dengan lafaz Bismillahirahmanirahim saya dengan ini menutup Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Sekian terima kasih.



# UCAPAN PENGURUS BESAR IKSEP, KAMARUDIN MD. SHAH, PADA MAJLIS PENUTUP KOLOKIUM PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD DI HOTEL GOLDEN LEGACY PADA 22 APRIL 2002

*Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ali Rustam*
*Ketua Menteri Melaka*

*YB Datuk Amid Nordin*
*Speaker Dewan Undangan Negeri*

*YB Datuk Jahaya Mat*
*Setiausaha Kerajaan Negeri*

*YB Datuk Hamdin Abdollah*
*Pengerusi IKSEP*

*YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri*

*YBhg Datuk Haji Mohd Jamil Mukmin*
*Timbalan Pengerusi IKSEP*

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,*

Pertama sekali saya ingin mengucapkan rasa syukur saya kepada Tuhan kerana atas limpah kurniaNya, Program Kolokium Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad telah sampai ke penghujungnya.

Program Kolokium Pemikiran Tun Dr Mahathir ini merupakan program terpenting anjuran Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia tahun ini. Selepas ini banyak lagi program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bakal dilaksanakan oleh kami (meskipun jumlah kakitangan dan pegawai di IKSEP amat kecil, tetapi saya yakin dengan kepakaran yang mereka ada, dan dicampur dengan pengalaman mereka beberapa tahun kebelakangan ini, yang telah terlibat secara langsung menganjurkan program-program di peringkat antarabangsa). Saya percaya IKSEP akan lebih berani menganjurkan program-program yang lebih besar.

Selepas ini, IKSEP akan membantu propensi Medan, Indonesia untuk mengatur Program Lokakarya Dunia Melayu Dunia Islam di Medan yang diadakan pada bulan Julai, kemudian seminar bertajuk '*Asian Seminar On Patriotisme In The New Millenium*' akan diadakan pada bulan Ogos bersempena dengan bulan kemerdekaan untuk menerapkan nilai-nilai patriotik ke dalam diri masyarakat.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,*

Sejarah penubuhan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) iaitu bermula pada tahun 1994 oleh Kerajaan Negeri Melaka dengan matlamat untuk membantu kerajaan negeri menerapkan nilai-nilai murni dan jati diri yang lebih kental dalam diri setiap masyarakat. Hari ini, nilai-nilai patriotisme dan semangat jati diri itu semakin pudar dan sekiranya tidak dipupuk dari sekarang, sudah tentu generasi akan datang tidak lagi dapat menghayati apa itu kecintaan kepada negara.

Dalam masa dua hari berkolokium, sembilan aspek pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad telah diterjemahkan oleh para pembentang kertas kerja dalam sembilan sessi yang merangkumi perbincangan mengenai wanita dan pembangunan keluarga, ekonomi, politik, pendidikan, globalisasi, Islam, orang Melayu, sains dan teknologi maklumat dan Wawasan 2020 oleh mereka yang hebat-hebat belaka. Setiap sessi mengandungi soal jawab di antara peserta dan pembentang dan saya rasa amat gembira kerana sessi soal jawab itu dapat dijalankan dalam keadaan yang begitu baik.

Jika hendak dihuraikan pemikiran Tun Dr. Mahathir, adalah terlalu banyak dan sebagai satu alternatif lain, pihak IKSEP telah mengadakan satu pameran khas mengenai Tun Dr. Mahathir sejak beliau memegang jawatan di dalam kabinet sebagai menteri sehinggalah beliau dilantik sebagai Perdana Menteri pada tahun 1981 sehingga hari ini. Bahan-bahan bercetak seperti keratan akhbar, buku-buku penulisan oleh Tun Dr. Mahathir sendiri dan buku-buku yang ditulis oleh penulis-penulis luar mengenai Tun Dr. Mahathir turut dipamerkan. Selain itu, majalah-majalah, artikel, beberapa siri ucapan Tun Dr Mahathir turut dipamerkan untuk tatapan umum. Selain pameran, buku-buku mengenai Tun Dr. Mahathir turut dijual untuk memeriahkan lagi majlis ini.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.*

Akhir sekali terima kasih dan tahniah kepada pegawai dan kakitangan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) kerana mereka merupakan tulang belakang kepada program ini. Mereka telah bekerja keras mengatur dan memastikan perjalanan majlis ini dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur. Saya yakin, semua pihak telah berpuas hati dengan layanan daripada semua pihak urusetia.

Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada kerajaan Negeri Melaka terutama kepada Yang Amat Berhormat, Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka yang memberi sepenuh kepercayaan kepada pihak saya dan IKSEP untuk menganjurkan program besar seperti hari ini. Tanpa sokongan dan bantuan daripada YAB Datuk Seri, sudah tentu majlis sebegini tidak dapat dijalankan dengan lancar. Terima kasih juga diucapkan kepada yang amat berbahagia Tun kerana telah merasmikan majlis ini semalam.

Agensi-agensi dan jabatan kerajaan seperti Jabatan Ketua Menteri, Perbadanan Muzium Melaka, Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah, Jabatan Penerangan Negeri, Institut Seni Malaysia Melaka, Jabatan Pendidikan, Para Media Cetak dan Media Elektronik serta orang perseorangan dan syarikat-syarikat yang terlibat turut bersama memainkan peranan menjayakan program ini. Terima kasih daun keladi diucapkan.

Juga terima kasih kepada Dato' Seri Dr. Zainul Ariff Hussein, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri kerana telah memberi sumbangan kepada pihak IKSEP untuk menerbitkan buku hasil dari kertas-kertas kerja yang dibentangkan pada kolokium ini.

Saya berharap semua peserta telah dapat memanfaatkan majlis ini dan mendapat banyak ilmu yang berguna untuk disebarkan kepada masyarakat setempat mengenai perkara ini. Adakalanya kita terkasar dan adakalanya layanan terkurang, bagi pihak IKSEP sebagai pihak urusetia ingin memohon ampun. Semoga program-program IKSEP di lain masa dapat disertai lagi oleh tuan-tuan dan puan-puan semua.

Sekian terima kasih.





# LIPUTAN AKHBAR
# MENGENAI
# KOLOKIUM PEMIKIRAN
# TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

# Negara maju: Pelan induk PM seimbang

MELAKA 23 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyediakan pelan induk bagi menjadikan Malaysia negara maju dengan cara yang seimbang melalui Wawasan 2020 yang diilhamkannya.

Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Zainul Ariff Hussain berkata, pacuan utama bagi Malaysia menghala ke tahun 2020 haruslah berteraskan wawasan yang telah digariskan itu jika negara ingin membangun dalam semua aspek kenegaraan.

"Wawasan 2020 yang diungkapkan oleh Perdana Menteri itu bagaimanapun bukanlah sesuatu yang kekal kerana ia terserah kepada negara untuk mentafsir dan melaksanakannya secara praktikal serta sesuai dengan kehendak semasa.

"Bagaimanapun falsafah, konsep serta rangka makro Wawasan 2020 harus kekal dan menjadi panduan perencanaan tersebut," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja pada Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad anjuran Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia di Hotel Golden Legacy di sini hari ini.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang mendengar pembentangan kertas kerja oleh Dr. Ismail Ibrahim pada majlis kolokium pemikiran Dr. Mahathir Mohamad di Hotel Golden Legacy, Melaka, semalam.

Menurut Dr. Zainul Ariff, Perdana Menteri telah berjaya memaparkan cadangan beliau untuk negara melalui pengalaman, pendedahan dan pemikiran yang tajam serta berpandangan jauh.

"Kini Wawasan 2020 merupakan hak negara dan perlu diterjemahkan dalam agenda-agenda negara sama ada dari segi makro atau mikro," ujarnya.

Beliau berkata, Dr. Mahathir dalam menggariskan wawasan 2020 tidak pernah jemu menyentuh mengenai isu nilai murni yang difardukan oleh Islam.

"Beliau (Dr. Mahathir) bagaimanapun menegaskan orang Islam yang hanya menyalahkan takdir sedangkan ia boleh memperbaiki nasibnya adalah orang yang kurang percaya kepada keadilan Allah," ujarnya.

Sehubungan itu, tambahnya, kerajaan telah membuat pelbagai program bagi menerapkan nilai-nilai Islam selaras dengan Wawasan 2020 bagi menggalakkan rakyat berusaha dengan tekun serta rajin dan tidak menunggu kesejahteraan datang bergolek sahaja.

## Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir

# Dr. Mahathir Pemimpin Dinamik

BANDAR MELAKA Kejayaan Malaysia menangani masalah dalaman dan antarabangsa serta pembangunan pesat yang melanda negara dalam pelbagai aspek tidak akan terlaksana tanpa ketajaman pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Speaker Dewan Rakyat, Tun Zahir Ismail berkata kemampuan negara dalam menangani kemelut ancaman militan agama dan krisis ekonomi dunia pada 1990-an adalah hasil dari buah fikiran Perdana Menteri Malaysia yang keempat itu.

"Kecekapan dan kebolehan Dr. Mahathir sememangnya tiada tandingan dan ini dapat dilihat dari keengganan beliau menerima bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang membuatkan dunia tertanya-tanya apakah strategi kita, tetapi beliau tetap dengan pendiriannya," katanya semasa merasmikan Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad anjuran Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) di Hotel Golden Legacy pada 22-23 April.

Turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Mohd. Rustam, Pengerusi IKSEP, Datuk Hamdin Abdollah, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Amid Nordin, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Jahaya Mat, Pengurus Besar IKSEP, Kamaruddin Mohd. Shah dan Ahli-ahli exco negeri.

Menurutnya, kejayaan Malaysia menangani kegawatan ekonomi dan membangunkan negara menyebabkan ramai pemimpin negara lain mula menggunakan idea Dr. Mahathir serta meminta pandangan beliau.



*Zahir memalu gong sebagai tanda perasmian Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad*

Zahir berkata, antara pemimpin-pemimpin itu termasuklah Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair di mana inisiatif itu merupakan pengiktirafan serta penghormatan tinggi terhadap Dr. Mahathir dan juga negara ini.

"Kemasyhuran Malaysia di mata dunia adalah disebabkan oleh hasil kepimpinan dan kepintaran Dr. Mahathir yang telah berjaya membawa Mal[illegible]sia ke persada dunia tanpa [illegible]pertangan negara luar," kata beliau.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Mohd. Rustam menyifatkan Dr. Mahathir sebagai pemimpin berkaliber tinggi kerana berani mengharungi pelbagai cabaran demi kemajuan bangsa dan negara.

"Rakyat negara ini perlu bersyukur kerana kita mempunyai seorang kapten yang berkaliber yang telah berjaya menerajui negara dengan baik sekaligus mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan negara," katanya.



*Mohd. Ali bersama Zahir melihat buku-buku mengenai Dr. Mahathir*

Beliau berharap semua pemimpin di pelbagai peringkat di [illegible]jeri Melaka memahami pemikiran Dr. Mahathir khususnya berkaitan Wawasan 2020 supaya usaha menjadikan negeri Melaka negeri maju pada tahun 2010 selaras dengan wawasan berkenaan.

Kolokium yang berlangsung selama dua hari itu membabitkan pembentangan sembilan kertas kerja berhubung aspek pemikiran Dr. Mahathir Mohamad oleh anggota ahli-ahli panel dari pelbagai bidang seperti tokoh akademik, tokoh agama, pakar ekonomi dan penganalisis politik.

Perbincangan itu meliputi aspek wanita, ekonomi, politik, Islam, globalisasi, sains dan teknologi, orang Melayu, pendidikan dan Wawasan 2020.

# Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad

BATU BERENDAM : Speaker Parlimen Malaysia, Tun Mohd. Zahir Ismail akan merasmikan Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad pada 22 April ini bertempat di Hotel Golden Legacy.

Pengurus Besar Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), Kamarudin Md. Shah berkata, kolokium itu bertujuan untuk menyelami pemikiran Perdana Menteri yang dihormati serta disegani sehingga di peringkat antarabangsa.



*Dr Mahathir Mohamad*

Menurutnya, kejayaan serta pembangunan yang kontroversial dan berani yang dilakukan oleh Dr. Mahathir sejak 20 tahun menjadi Perdana Menteri telah membangunkan negara ini dari sebuah negara pertanian kepada ekonomi yang berasaskan industri dan pengetahuan.

*bersambung ke m/s 16*

*sambungan dari m/s 1*

**Kolokuium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad**

Beliau memberitahu, pembaharuan-pembaharuan yang dipeloporinya telah berjaya mengangkat martabat negara dan banyak perkara yang boleh diperlajari daripada usaha dan cara pemikirannya

Kamarudin memberitahu, beberapa pakar turut diundang pada kolokuium dua hari itu yang akan mengkaji dan mengulas pemikiran Perdana Menteri dalam pelbagai bidang termasuk agama, sosial, ekonomi, teknologi dan pendidikan.

Menurutnya, antara tokoh yang diundang termasuk Penasihat Ekonomi Kementerian Kewangan, Datuk Mustapha Mohamad yang akan mengupas di bawah tajuk Pemikiran Mengenai Ekonomi.

Lain-lain tokoh termasuk Prof. Emeritus Tan Sri Awang Had Salleh yang membincangkan tajuk Pemikiran Mengenai Pendidikan, Prof. Datuk Dr. Fawzi Basir (Pemikiran Mengenai Orang Melayu), Datuk Seri Dr. Zainal Ariff Hussin (Wawasan 2020), Prof. Datuk Dr. Ramlah Adam (Pemikiran Mengenai Wanita), Datuk Mahadzir Mohd. Khir (Pemikiran Mengenai Politik) dan Datuk Ismail Ibrahim (Pemikiran Mengenai Islam).

# Era wanita dapat pengiktirafan

MELAKA 22 April – Era pemerintahan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merupakan kemuncak kepada perjuangan kaum wanita Malaysia untuk mendapat pengiktirafan masyarakat.

Pensyarah Sejarah Universiti Malaya, Prof. Datuk Dr. Ramlah Adam berkata, pembentukan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga pada tahun lalu merupakan kejayaan penting dalam perjuangan wanita selama lebih 40 tahun untuk membela nasib mereka.

"Sejak sebelum merdeka lagi kita sudah berusaha untuk mendapat pengiktirafan kerajaan supaya bukan sahaja menganggap wanita sebagai sebahagian daripada masyarakat, tetapi juga melihat bahawa permasalahan wanita adalah unik.

"Perdana Menteri memberikan pengiktirafan itu dengan membentuk Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Pemikiran Mengenai Wanita pada Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad di Hotel Golden Legacy di sini hari ini.

Menurut Dr. Ramlah, Dr. Mahathir juga telah memastikan golongan wanita dapat dibela secara lebih berkesan dengan memperkenalkan beberapa akta untuk melindungi mereka.

